BAB 3

Tinjauan Makroekonomi

79 **PERSPEKTIF KESELURUHAN**

79 **EKONOMI 2026**

Sisipan 3.1 – Melangkaui Destinasi: Sumbangan Pelancongan kepada Pertumbuhan Malaysia

Rencana 3.1 – Memperkukuh Daya Tahan Sektor Pembuatan Malaysia dalam Menghadapi Ketidaktentuan Geopolitik di Asia Barat

Rencana 3.2 – Bukan Sekadar Angka: Menterjemah Pelaburan kepada Daya Tahan Ekonomi

Sisipan 3.2 – Daya Tahan Perdagangan Malaysia: Mengharungi Ketidaktentuan Perdagangan Global

130 **TINJAUAN 2027**

Sisipan 3.3 – Memperkukuh Momentum Malaysia Menerusi GEAR-uP

145 **KESIMPULAN**

146 **RUJUKAN**

BAB 3

Tinjauan Makroekonomi

Perspektif Keseluruhan

Trajektori ekonomi Malaysia kekal kukuh dengan pertumbuhan KDNK benar mencatat 5.7% bagi tempoh enam bulan pertama 2026 dan diunjur berkembang 4.7% pada separuh kedua 2026. Pertumbuhan terus disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan terutamanya dipacu oleh perbelanjaan sektor swasta. Pasaran buruh dijangka kekal utuh didorong oleh pertumbuhan guna tenaga yang stabil. Pertumbuhan pendapatan yang stabil dipacu oleh pengembangan ekonomi berterusan dan inflasi yang sederhana dijangka akan menyokong penggunaan swasta. Sementara itu, aktiviti pelaburan diunjur terus berkembang disokong oleh pembangunan berfasa projek pelaburan diluluskan dan pelaksanaan pelan induk nasional serta inisiatif strategik merentas sektor awam dan swasta yang menyediakan asas kukuh dalam merancakkan aktiviti ekonomi. Bagi sektor luaran, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk mendapat manfaat daripada kepesatan kemajuan teknologi seperti ditunjukkan oleh pertumbuhan eksport meskipun ketidaktentuan global masih berterusan.

Pada peringkat sektoral, kebanyakan sektor ekonomi dijangka berkembang dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi keseluruhan. Sektor perkhidmatan dijangka menerima manfaat daripada Kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 – 2027 (VM2026 – 2027) melalui peningkatan kemasukan pelawat yang disokong oleh pelbagai aktiviti berkaitan pelancongan serta penerimagunaan teknologi digital yang berterusan. Dalam sektor pembuatan, industri E&E meraih manfaat daripada kitaran menaik semikonduktor global yang berterusan didorong oleh permintaan kukuh bagi produk berkaitan AI dan pendigitalan. Ekonomi yang dinamik di samping penggunaan domestik yang stabil akan terus menerajui kestabilan ekonomi Malaysia dan mengekalkan momentum pertumbuhan. Secara keseluruhan, ekonomi dijangka berkembang antara 4.8% hingga 5.3% pada 2026 dan antara 4.2% hingga 5.2% pada 2027.

Ekonomi 2026

Sektoral

Sektor Perkhidmatan

Momentum pertumbuhan yang kukuh

Sektor **perkhidmatan** meningkat sebanyak 5.7% pada separuh pertama 2026 dan dijangka berkembang sebanyak 5.3% pada separuh kedua disokong oleh pelbagai aktiviti berkaitan pelancongan sempena VM2026 – 2027, pengukuhan aliran perdagangan dan peningkatan kadar penerimagunaan digital. Secara keseluruhan, sektor ini dijangka berkembang sebanyak 5.5% pada 2026 dengan pertumbuhan dalam semua subsektor.

JADUAL 3.1. *Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Sektor, 2025 – 2027 (pada harga malar 2015)*

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2026[1]	2025	2026[1]	2027[2]
Perkhidmatan	*59.7*	*5.4*	*5.5*	*5.2*
Pembuatan	*23.2*	*4.5*	*6.2*	*4.1*
Pertanian	*5.7*	*2.2*	*-2.1*	*0.5*
Perlombongan dan pengkuarian	*5.6*	*0.6*	*2.6*	*1.2*
Pembinaan	*4.4*	*12.2*	*6.4*	*5.7*
KDNK	***100.0***	***5.2***	***4.8 – 5.3***	***4.2 – 5.2***

[1] Anggaran
[2] Unjuran
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen duti import
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 3.2. *Prestasi Sektor Perkhidmatan, 2025 – 2027 (pada harga malar 2015)*


	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2026[1]	2025	2026[1]	2027[2]
Perdagangan borong dan runcit	*29.6*	*4.9*	*4.6*	*4.4*
Maklumat dan komunikasi	*11.3*	*7.4*	*7.8*	*7.9*
Kewangan dan insurans	*10.2*	*0.6*	*2.2*	*2.3*
Hartanah dan perkhidmatan perniagaan	*8.3*	*8.2*	*6.8*	*7.0*
Pengangkutan dan penyimpanan	*7.5*	*9.0*	*7.7*	*7.4*
Makanan & minuman dan penginapan	*5.3*	*9.1*	*7.4*	*6.0*
Utiliti	*4.2*	*0.2*	*5.6*	*3.7*
Perkhidmatan lain	*8.1*	*6.1*	*5.7*	*5.8*
Perkhidmatan kerajaan	*15.5*	*5.5*	*5.4*	*4.5*
Perkhidmatan	***100.0***	***5.4***	***5.5***	***5.2***

[1] Anggaran
[2] Unjuran
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Subsektor perdagangan borong dan runcit meningkat sebanyak 4.8% pada separuh pertama 2026 disokong oleh perbelanjaan isi rumah yang stabil dan aktiviti berkaitan pelancongan berikutan sambutan perayaan, cuti umum dan cuti sekolah pertengahan tahun. Pertumbuhan ini juga sebahagiannya didorong oleh fasa kedua pelarasan gaji di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) bagi penjawat awam. Subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 4.4% pada separuh kedua tahun ini disokong oleh pertumbuhan dalam semua segmen terutamanya perdagangan borong dan runcit didorong oleh peningkatan perbelanjaan daripada pelbagai program bantuan kerajaan bersasar yang berterusan. Bantuan tersebut termasuk perluasan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) secara bulanan dengan penambahan peruntukan sebanyak 60% kepada RM8 bilion (2025: RM5 bilion) dan peningkatan penerima yang layak kepada 8.1 juta (2025: 5.4 juta) di samping bantuan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan peluasan Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) kepada 30,000 program pada 2026. Sementara itu, pertumbuhan segmen kenderaan bermotor disokong oleh pelancaran model xEV[1] baharu, pindaan terkini undang-undang mengenai rangka kerja pembiayaan sewa beli untuk kenderaan bermotor dan aktiviti promosi akhir tahun. Selaras dengan permintaan pasaran yang menggalakkan, Persatuan Automotif Malaysia (MAA) telah menyemak semula dan meningkatkan unjuran jumlah keseluruhan industri (TIV) 2026 kepada 800,000 unit daripada 790,000 unit dengan jualan xEV dijangka merangkumi sekitar 120,000 unit. Secara keseluruhan, subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 4.6% pada 2026.

[1] xEV merujuk kepada semua jenis kenderaan elektrik (EV) yang merangkumi kenderaan elektrik bateri (BEV), kenderaan elektrik hibrid plug-in (PHEV), kenderaan elektrik hibrid (HEV) dan kenderaan elektrik sel bahan api (FCEV).

RAJAH 3.1. *Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan*



¹ Anggaran

Nota:
Pelawat asing merangkumi pelancong dan pelawat harian
Perbelanjaan pelancongan inbound berdasarkan laporan Akaun Satelit Pelancongan 2025

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Lapangan Terbang Antarabangsa Senai; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; Malaysia Airports Holding Berhad; dan tujuh pelabuhan utama (Bintulu, Johor, Klang, Kuantan, Kuching, Pulau Pinang dan Tanjung Pelepas)

Subsektor maklumat dan komunikasi berkembang sebanyak 7.8% pada separuh pertama 2026 disokong oleh permintaan berterusan bagi keterhubungan digital, pengkomputeran awan dan perkhidmatan lain yang berintensifkan data yang mencerminkan usaha berterusan merentas industri dan perniagaan ke arah pendigitalan serta pengoperasian pusat data. Sementara itu, penganjuran acara sukan utama seperti Piala Dunia FIFA 2026, Sukan Komanwel 2026 dan Sukan Asia ke-20 Aichi-Nagoya 2026 dijangka turut meningkatkan langganan perkhidmatan penstriman pada tahun ini. Subsektor ini dijangka meningkat sebanyak 7.9% pada separuh kedua tahun ini dipacu oleh permintaan berterusan untuk perkhidmatan berkaitan ICT dan perkembangan dalam aktiviti pusat data sekali gus mendorong pertumbuhan sebanyak 7.8% pada 2026.

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan mencatat pertumbuhan sebanyak 7.8% pada separuh pertama 2026 didorong oleh prestasi perdagangan yang kukuh seterusnya meningkatkan operasi kargo dan logistik di samping pelbagai aktiviti berkaitan pelancongan dan perjalanan. Prestasi subsektor ini dipacu oleh pertumbuhan segmen pengangkutan darat dan air disokong oleh aliran trafik yang lebih tinggi di lebuh raya bertol dan peningkatan aktiviti pelabuhan. Pada separuh kedua 2026, subsektor ini dijangka meningkat sebanyak 7.6% terutamanya disumbangkan oleh pertumbuhan pengangkutan darat berikutan aliran trafik yang lebih tinggi di lebuh raya bertol dan peningkatan jumlah penumpang kereta api. Pertumbuhan ini akan terus disokong oleh pelaksanaan BUDI MADANI Diesel (BUDI Diesel) dan semakan semula had kelayakan bulanan BUDI MADANI. Langkah tersebut dijangka dapat mengurangkan tekanan kos bahan api ke atas individu yang layak, perniagaan kecil dan pengendali logistik. Perjalanan domestik yang lebih tinggi semasa cuti sekolah dan musim perayaan di samping mobiliti berkaitan pelancongan yang berterusan di bawah VM2026 – 2027 juga akan meningkatkan aktiviti pengangkutan darat. Segmen pengangkutan air dijangka terus disokong oleh aktiviti perdagangan berterusan walaupun kos penghantaran dan logistik meningkat. Sementara itu, pertumbuhan segmen pengangkutan udara dijangka terkesan berikutan ketidaktentuan geopolitik yang berterusan di Asia Barat, peningkatan kos bahan api dan gangguan jerebu merentas sempadan. Secara keseluruhan, subsektor ini dianggar berkembang sebanyak 7.7% pada 2026.

Subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan meningkat sebanyak 6.8% pada separuh pertama 2026 disokong oleh prestasi kukuh aktiviti profesional, saintifik & teknikal di bawah segmen perkhidmatan perniagaan berikutan aktiviti pembinaan yang rancak termasuk projek pusat data. Subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 6.7% pada separuh kedua tahun ini didorong oleh pelaksanaan berterusan aktiviti pelaburan yang diluluskan selaras dengan penerusan pengembangan industri terutamanya berkaitan pusat data dan pembuatan serta pembangunan infrastruktur. Selain itu, Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang stabil dijangka menggalakkan permintaan untuk harta tanah. Subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 6.8% pada 2026.

Subsektor makanan & minuman dan penginapan meningkat sebanyak 7.3% pada separuh pertama 2026 disokong oleh pengukuhan permintaan domestik dan peningkatan ketibaan pelawat yang berterusan meskipun pada kadar yang lebih perlahan. Subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 7.4% pada separuh kedua tahun ini didorong oleh aktiviti pelancongan di bawah VM2026 – 2027 dengan peningkatan momentum susulan pelbagai acara antarabangsa termasuk mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran (MICE); Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan

Malaysia (MAHA 2026); Formula 1 Gulf Air Bahrain Grand Prix 2026 di Malaysia dan PETRONAS Grand Prix of Malaysia 2026. Aktiviti promosi tersebut akan menggalakkan ketibaan pelawat dan perbelanjaan pelancongan. Secara keseluruhan, subsektor ini dijangka meningkat sebanyak 7.4% pada 2026.

Pada separuh pertama 2026, pertumbuhan subsektor kewangan dan insurans meningkat sebanyak 2.4% disumbangkan oleh pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi dalam segmen kewangan seiring dengan pengukuhan permintaan pembiayaan terutamanya bagi tujuan modal kerja. Sementara itu, segmen insurans mendapat manfaat daripada premium perniagaan baharu dan premium langsung kasar yang lebih tinggi terutamanya daripada insurans berkaitan pelaburan, perubatan dan kesihatan serta insurans motor meskipun sebahagian pendapatan diimbangi oleh peningkatan dalam tuntutan. Subsektor ini dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 2% pada separuh kedua 2026 selaras dengan aktiviti ekonomi yang berterusan. Segmen kewangan dijangka disokong oleh syarat kredit yang menggalakkan dan permintaan pembiayaan yang berterusan termasuk pengukuhan aktiviti pelaburan dalam industri bernilai tambah tinggi seperti E&E dan teknologi digital. Selain itu, aktiviti pembiayaan isi rumah juga dijangka terus disokong oleh pasaran buruh yang kondusif dan keadaan pembiayaan yang stabil. Segmen insurans dijangka mendapat manfaat daripada permintaan berterusan bagi produk insurans dan takaful walaupun tekanan kos perubatan dan tuntutan yang lebih tinggi mungkin menjejaskan prestasi segmen ini. Secara keseluruhan, subsektor ini dianggar mencatat pertumbuhan sebanyak 2.2% pada 2026.

Subsektor utiliti mencatat pertumbuhan sebanyak 5.3% pada separuh pertama 2026 didorong oleh permintaan elektrik yang lebih tinggi berikutan peningkatan dalam aktiviti industri dan komersial serta operasi pusat data. Pada separuh kedua, subsektor ini dianggar berkembang sebanyak 5.9% disumbangkan oleh peningkatan penggunaan elektrik dan air susulan aktiviti industri, komersial dan ekonomi yang lebih kukuh terutamanya aktiviti berkaitan E&E dan permintaan berterusan daripada pusat data. Secara keseluruhan, subsektor ini dijangka meningkat sebanyak 5.6% pada 2026.

Subsektor perkhidmatan lain berkembang sebanyak 6.1% pada separuh pertama 2026 terutamanya disokong oleh perkhidmatan kesihatan swasta dan perkhidmatan swasta lain. Pertumbuhan subsektor ini diunjur meningkat sebanyak 5.3% pada separuh kedua tahun ini berikutan aktiviti hiburan, rekreasi dan perkhidmatan persendirian yang rancak. Perkhidmatan kesihatan swasta dijangka memperoleh manfaat daripada Tahun Pelancongan Perubatan Malaysia 2026 (MYMT 2026) disokong oleh aktiviti promosi bersama Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan rakan industri. Sementara itu, perkhidmatan pendidikan swasta dijangka kekal positif disokong oleh peningkatan pendaftaran pelajar terutamanya dalam kalangan pelajar antarabangsa. Secara keseluruhan, subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 5.7% pada 2026.

Selain itu, subsektor perkhidmatan kerajaan merekodkan pertumbuhan sebanyak 6.2% pada separuh pertama 2026 disokong oleh fasa kedua pelarasan gaji bagi penjawat awam di bawah SSPA. Perkembangan subsektor ini dijangka menyederhana sebanyak 4.7% pada separuh kedua berikutan langkah kawalan perbelanjaan berterusan yang dilaksanakan bagi memberikan keutamaan kepada penjimatan operasi susulan krisis tenaga akibat situasi di Asia Barat yang berpanjangan. Subsektor ini dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 5.4% pada 2026.

SISIPAN 3.1

Melangkaui Destinasi: Sumbangan Pelancongan kepada Pertumbuhan Malaysia

Dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia & Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia


Pengenalan

Industri pelancongan menjana nilai ekonomi melalui perbelanjaan asing dan domestik, pewujudan pekerjaan, penyediaan peluang kepada perniagaan tempatan dan komuniti serta penambahbaikan infrastruktur awam. Berdasarkan World Bank (2026), ketibaan pelawat asing bagi tujuan perniagaan atau riadah merupakan pemacu ekonomi yang kukuh dalam pertumbuhan negara dan mata pencarian setempat terutamanya bagi ekonomi sedang membangun dan berpendapatan pertengahan. Berdasarkan laporan World Tourism Barometer oleh UN Tourism pada September 2026, bilangan ketibaan pelancong asing di seluruh dunia telah meningkat sebanyak 4.7% pada 2025 dengan anggaran 1.5 bilion pelancong dan melebihi tahap prapandemik. Dalam tempoh yang sama, terimaan pelancongan antarabangsa berkembang sebanyak 7.8% kepada sekitar USD1.9 trilion sekali gus mencerminkan pengukuhan permintaan pelancongan global dan peningkatan perbelanjaan pelawat asing. Pelancongan antarabangsa yang terus berkembang membuktikan sumbangan penting industri ini kepada aktiviti ekonomi, pekerjaan, perdagangan dan perkhidmatan global.

Latar Belakang Pelancongan Malaysia

Malaysia meraih manfaat daripada aktiviti pelancongan dan perjalanan yang berterusan terutamanya yang merentas perkhidmatan sentuhan tinggi seperti peruncitan, makanan dan minuman serta penginapan di samping peluang pekerjaan, pendapatan daripada tukaran asing dan pembangunan wilayah. Seiring dengan Dasar Pelancongan Negara 2020 – 2030 yang menekankan pengukuhan berterusan industri ini, strategi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030 turut memacu pelancongan sebagai antara sektor strategik ke arah pertumbuhan ekonomi berpendapatan tinggi dan mampan. Kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 – 2027 (VM2026 – 2027) melengkapi usaha tersebut dengan mempergiat aktiviti pelancongan di seluruh negara. Rangka kerja strategik nasional bagi pembangunan pelancongan seperti dalam Rajah 3.1.1.

RAJAH 3.1.1. *Rangka Kerja Strategik Nasional Industri Pelancongan*



Sumber: Kementerian Ekonomi dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

Pengiktirafan dan Pencapaian Malaysia

Pada peringkat global, kekuatan Malaysia terletak pada keupayaan negara menawarkan pengalaman bernilai tinggi dan pelbagai tanpa harga premium seperti yang disediakan oleh destinasi pesaing berasaskan tarikan berikut:

- Kepelbagaian budaya dan keterangkuman - identiti keunikan budaya yang pelbagai diterjemah dalam “Malaysia Truly Asia” dan status negara sebagai hab halal global;
- Ekopelancongan dan biodiversiti bertaraf dunia - ekosistem mega-biodiversiti dan tapak warisan yang diiktiraf pada peringkat global;
- Tawaran khusus bertaraf premium - pelancongan perubatan dan kesejahteraan, acara perniagaan merangkumi mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran (MICE); dan
- Ketersambungan, infrastruktur dan nilai - kesinambungan logistik dan nilai untuk wang bagi pengalaman penginapan, makan dan tarikan pada kadar yang kompetitif.

Penanda Aras yang Memacu Daya Tarikan Pelancongan Malaysia

Daya tarikan pelancongan Malaysia diiktiraf berdasarkan penanda aras global yang menunjukkan kelebihan daya saing negara seperti dalam Rajah 3.1.2.

RAJAH 3.1.2. *Penarafan Malaysia dalam Pelancongan Global*




Sumber: Mastercard-CrescentRating, World Economic Forum dan UN Tourism

Sumbangan Pelancongan kepada Ekonomi

Momentum industri pelancongan Malaysia telah kembali pulih sejak 2022 seiring dengan pertambahan ketibaan pelawat asing dan peningkatan sumbangan kepada KDNK, terimaan perjalanan dan guna tenaga susulan pembukaan sekatan sempadan antarabangsa dan perjalanan luar negara dibenarkan semula pascapandemik COVID-19. Pada 2025, industri pelancongan telah kembali pada tahap prapandemik dengan sumbangan kepada KDNK sebanyak 15.9% manakala terimaan perjalanan menyumbang sebanyak 7.6% daripada eksport nominal. Industri ini juga menyumbang sekitar 3.7 juta pekerjaan iaitu 22.1% daripada jumlah guna tenaga yang mencerminkan sumbangan ketara industri pelancongan kepada aktiviti ekonomi, eksport perkhidmatan dan guna tenaga negara. Ringkasan sumbangan pelancongan seperti dalam Rajah 3.1.3, Rajah 3.1.4 dan Rajah 3.1.5.

RAJAH 3.1.3. *Ketibaan Pelawat Asing, 2019, 2022 – 2025*




Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia

RAJAH 3.1.4. *Sumbangan Nilai Ditambah Kasar Industri Pelancongan dan Terimaan Perjalanan, 2019, 2022 – 2025*



Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

RAJAH 3.1.5. *Guna Tenaga dalam Industri Berkaitan Pelancongan, 2019, 2022 – 2025*




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan terus menerima kesan limpahan daripada pelbagai tawaran pelancongan dan perjalanan terutamanya dalam subsektor perdagangan borong dan runcit; makanan & minuman dan penginapan; serta pengangkutan dan penyimpanan seperti dalam Rajah 3.1.6.

Malaysia mencatat kemasukan pelawat asing sebanyak 42.2 juta pada 2025 iaitu peningkatan sebanyak 11.2% berbanding tahun sebelumnya. Prestasi kukuh ini juga menunjukkan peningkatan ketara dalam terimaan komponen perjalanan di bawah eksport perkhidmatan yang merupakan


RAJAH 3.1.6. *KDNK mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi – Subsektor Terpilih, 2019, 2022 – 2025 (pada harga malar 2015)*



¹ Anggaran
² Awalan
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


penyumbang terbesar iaitu 39.8% daripada jumlah eksport perkhidmatan. Komponen perjalanan melonjak daripada RM95.4 bilion kepada RM110.6 bilion pada 2025. Sehubungan dengan itu, eksport perkhidmatan mencatat pertumbuhan dua digit sebanyak 15.6% berjumlah RM277.9 bilion pada 2025 terutamanya disokong oleh terimaan yang lebih tinggi daripada komponen perjalanan; perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat; serta perkhidmatan perniagaan lain. Peningkatan import perkhidmatan pula menyederhana sebanyak 7.7% dengan jumlah sebanyak RM272.6 bilion. Berdasarkan pencapaian ini, Malaysia merekodkan lebihan perdagangan perkhidmatan pertama sejak 2011 iaitu sebanyak RM5.3 bilion pada 2025 berbanding defisit RM12.6 bilion pada 2024. Prestasi eksport dan import komponen perjalanan serta perdagangan perkhidmatan adalah seperti dalam Rajah 3.1.7 dan Rajah 3.1.8.

RAJAH 3.1.7. *Eksport dan Import Perjalanan, 2019 – 2025*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

RAJAH 3.1.8. *Eksport, Import dan Imbangan Perdagangan Perkhidmatan, 2019 – 2025*




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kesan Pengganda Pelancongan Inbound

Analisis oleh Kementerian Kewangan menunjukkan bahawa perbelanjaan pelancongan inbound menghasilkan kesan limpahan merentas pelbagai industri. Perbelanjaan pelawat inbound sebanyak RM10 bilion akan menjana tambahan keluaran kasar sebanyak RM6.8 bilion kepada ekonomi. Jumlah keluaran kasar dianggarkan sebanyak RM16.8 bilion dihasilkan merentas 27 industri yang mewakili 1.68 kali pengganda output. Industri berkaitan pelancongan utama menjana output tertinggi sebanyak RM11.4 bilion terutamanya dalam pengangkutan dan penyimpanan, restoran, penginapan serta perdagangan borong dan runcit seperti dalam Rajah 3.1.9. Sementara itu, hampir satu pertiga daripada impak ekonomi disumbangkan oleh industri tidak langsung dan sokongan termasuk pertanian dan pembuatan. Limpahan yang meluas menunjukkan kepentingan memaksimumkan nilai yang diperoleh daripada ketibaan pelawat asing yang lebih tinggi terutamanya dalam meningkatkan perbelanjaan dan melanjutkan tempoh menginap. Kesan ini melangkaui industri berkaitan pelancongan melalui hubung kait rantaian bekalan, manfaat kepada aktiviti ekonomi, guna tenaga, perbelanjaan isi rumah dan eksport perkhidmatan. Usaha memaksimumkan impak ini memerlukan peningkatan kesalinghubungan, menambah baik infrastruktur pelancongan, memperkukuh hubung kait rantaian bekalan dan mengintegrasikan perniagaan tempatan secara langsung dalam aktiviti pelancongan.

RAJAH 3.1.9. *Kesan Ekonomi daripada Perbelanjaan Pelancongan Inbound*



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Mengharungi Cabaran

Meskipun peningkatan jumlah ketibaan secara keseluruhan kekal penting, namun kebergantungan hanya kepada volum mendedahkan Malaysia kepada ketidaktentuan strategik yang memerlukan penyelarasan usaha untuk menangani cabaran pengoperasian dan pasaran. Berdasarkan kedudukan geografi, tumpuan keterlaluan kepada pasaran sumber tertentu mendedahkan industri ini kepada kejutan ekonomi setempat manakala persaingan dari destinasi negara jiran memerlukan kepelbagaian produk berterusan. Aspek kesalinghubungan kekal menjadi kekangan berikutan jumlah penerbangan terus yang terhad, turun naik harga bahan api jet, peningkatan tambang penerbangan serta pelencongan laluan udara akibat ketegangan geopolitik. Selain itu, peningkatan

dalam jumlah pelawat harian mengurangkan terimaan per kapita pelawat bagi subsektor penginapan dan perkhidmatan berkaitan. Risiko alam sekitar mengancam kelestarian destinasi termasuk aliran pelancongan berlebihan, kemerosotan habitat dan kekurangan sumber merentas ekosistem yang mudah terjejas. Jurang bakat turut menjejaskan penyampaian perkhidmatan dalam segmen khusus seperti pelancongan mewah, penjagaan kesihatan, ekopelancongan dan acara perniagaan.

Penutup

Malaysia sentiasa memukau dunia dengan kepelbagaian, hospitaliti dan keindahan alam semulajadi. Walau bagaimanapun, usaha mengekalkan daya tarikan dalam ketidaktentuan landskap global memerlukan penambahbaikan yang berterusan. Tatkala dinamik pasaran berubah, kelebihan saingan akan berpihak kepada destinasi yang menawarkan ketersambungan yang lancar, pengalaman premium dan kemampanan infrastruktur. Justeru, pengukuhan ketersambungan, pendigitalan, peningkatan kemahiran, kelestarian, koordinasi dan pelaburan berkualiti perlu diberikan keutamaan dalam meningkatkan daya saing dan daya tahan industri pelancongan Malaysia seperti dalam Rajah 3.1.10.

RAJAH 3.1.10. *Keutamaan dalam Pembangunan Pelancongan*



Sumber: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia

Penterjemahan potensi kepada hasil ekonomi jangka masa panjang bukan sahaja membolehkan negara mencapai sasaran ekonomi utama malah bakal membentuk model pelancongan bertaraf dunia yang mampan untuk dekad mendatang. Justeru, VM2026 – 2027 menjadi antara strategi utama sekali gus memanfaatkan tempoh promosi yang panjang untuk memaksimumkan impak promosi antarabangsa. Malaysia akan memastikan penjenamaan pelancongan “Truly Asia” dan “Made by Malaysia” kekal rancak, berdaya tahan dan unik demi generasi masa hadapan.

Sektor Pembuatan


Kitaran menaik teknologi memacu pertumbuhan

Sektor **pembuatan** berkembang sebanyak 6.6% pada separuh pertama 2026 dipacu oleh pertumbuhan industri berorientasikan eksport dan domestik. Industri berorientasikan eksport yang merangkumi 76.4% daripada sektor pembuatan mencatat pertumbuhan sebanyak 7.5% terutamanya didorong oleh segmen E&E. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan berterusan terhadap semikonduktor dan komponen elektronik sejajar dengan penggunaan aplikasi AI serta pembangunan infrastruktur digital global yang meluas. Subsektor produk petroleum, kimia, getah dan plastik turut menyokong pertumbuhan industri berorientasikan eksport. Sementara itu, industri berorientasikan domestik berkembang sebanyak 4.7% disokong oleh pemulihan subsektor peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan khususnya dalam pengeluaran kenderaan bermotor serta komponen dan aksesori berkaitan. Permintaan stabil terhadap bahan berkaitan pembinaan turut menyokong pertumbuhan industri ini.

Pada separuh kedua 2026, sektor pembuatan dijangka berkembang sebanyak 5.7% berikutan normalisasi aktiviti eksport yang dilakukan lebih awal (*front-loading)* serta pengeluaran minyak mentah dan kondensat domestik yang rendah. Kenaikan harga minyak susulan konflik Asia Barat turut menyumbang kepada pertumbuhan sederhana sektor ini. Segmen E&E kekal memacu industri berorientasikan eksport berikutan permintaan berterusan terhadap semikonduktor serta komponen elektronik berkaitan AI sejajar dengan kitaran menaik teknologi global. Sementara itu, industri berorientasikan domestik dijangka mendapat manfaat daripada permintaan berkaitan pengguna dan pembinaan. Peningkatan aktiviti pelancongan sempena VM2026 – 2027 dan perbelanjaan isi rumah yang stabil terus menyumbang kepada permintaan terhadap subsektor makanan dan minuman. Di samping itu, pembangunan pusat data, infrastruktur dan projek berkaitan tenaga turut memacu peningkatan permintaan terhadap bahan binaan.

Pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) yang berterusan dijangka meningkatkan daya saing sektor pembuatan menerusi pengukuhan kluster industri dan keupayaan pengeluaran seiring dengan penggunaan teknologi digital dan automasi yang lebih meluas. Selaras dengan hala tuju dasar tersebut, syarikat tempatan telah memperluas keupayaan mereka bentuk cip termaju tempatan dan membangunkan produk semikonduktor bernilai tambah lebih tinggi dalam rantaian nilai semikonduktor global. Secara keseluruhan, sektor pembuatan diunjur mencatat pertumbuhan sebanyak 6.2% pada 2026.

RAJAH 3.2. *Output Sektor Pembuatan (% perubahan)*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

JADUAL 3.3. *Indeks Pembuatan mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Januari – Julai 2025 dan 2026*
(2015 = 100)

	INDEKS		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2025	2026	2025	2026	2025	2026
Industri berorientasikan eksport	**148.6**	**159.5**	***4.6***	***7.3***	***67.5***	***68.1***
Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan	106.4	108.2	*12.1*	*1.7*	*3.9*	*3.7*
Pembuatan tekstil	114.3	112.5	*-3.3*	*-1.5*	*0.7*	*0.6*
Pembuatan pakaian	127.3	129.4	*1.1*	*1.6*	*0.8*	*0.7*
Pembuatan kayu dan produk kayu dan gabus, kecuali perabot; pembuatan bagi artikel jerami dan bahan-bahan anyaman	120.5	124.7	*2.4*	*3.5*	*1.7*	*1.7*
Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis	120.2	121.8	*-1.6*	*1.3*	*11.2*	*10.6*
Pembuatan kimia dan produk kimia	133.1	134.6	*2.1*	*1.1*	*8.4*	*8.0*
Pembuatan produk getah	193.4	193.3	*2.2*	*0.0*	*4.3*	*4.0*
Pembuatan produk plastik	132.9	133.7	*2.1*	*0.6*	*3.0*	*2.8*
Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal	184.2	213.3	*8.0*	*15.8*	*25.4*	*27.6*
Pembuatan kelengkapan elektrik	153.0	160.7	*4.9*	*5.0*	*3.3*	*3.3*
Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l.[1]	164.3	177.5	*7.4*	*8.0*	*3.5*	*3.5*
Pembuatan perabot	142.5	151.1	*5.4*	*6.1*	*1.5*	*1.5*
Industri berorientasikan domestik	**145.9**	**153.0**	***3.1***	***4.9***	***32.5***	***32.0***
Pembuatan produk prosesan makanan	186.5	199.8	*9.2*	*7.1*	*6.8*	*6.8*
Pembuatan minuman	150.9	163.5	*7.5*	*8.4*	*1.0*	*1.0*
Pembuatan produk tembakau	141.9	147.2	*0.1*	*3.7*	*0.7*	*0.7*
Pembuatan produk kulit dan barangan berkaitan	177.8	185.6	*7.5*	*4.4*	*0.3*	*0.3*
Pembuatan kertas dan produk kertas	146.0	148.7	*-1.2*	*1.8*	*1.7*	*1.6*
Percetakan dan penerbitan semula media rakaman	146.3	157.2	*8.0*	*7.4*	*1.3*	*1.4*
Pembuatan produk farmaseutikal asas, kimia perubatan dan botani	187.9	195.4	*6.7*	*4.0*	*0.7*	*0.7*
Pembuatan produk galian bukan logam lain	125.0	130.8	*2.3*	*4.7*	*3.7*	*3.6*
Pembuatan logam asas	134.5	143.6	*4.7*	*6.8*	*3.1*	*3.1*
Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin dan kelengkapan	136.3	142.6	*4.4*	*4.6*	*5.1*	*5.0*
Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler	148.0	148.6	*-7.1*	*0.4*	*4.7*	*4.4*
Pembuatan kelengkapan pengangkutan lain	104.5	108.1	*-1.2*	*3.4*	*1.2*	*1.2*
Pembuatan lain	128.2	131.3	*3.0*	*2.5*	*0.9*	*0.9*
Membaiki dan pemasangan jentera dan kelengkapan	157.2	171.6	*8.5*	*9.2*	*1.2*	*1.2*
Pembuatan	**147.7**	**157.3**	***4.1***	***6.5***	***100.0***	***100.0***

[1] Tidak terkelas di tempat lain
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

RENCANA 3.1


Memperkukuh Daya Tahan Sektor Pembuatan Malaysia dalam Menghadapi Ketidaktentuan Geopolitik di Asia Barat

Pendahuluan

Selat Hormuz adalah antara laluan sempit maritim terpenting dunia bagi penghantaran tenaga manakala Selat Bab el-Mandeb dan Terusan Suez merupakan sebahagian daripada koridor perdagangan utama antara Asia dengan Eropah. Di samping itu, Selat Hormuz menghubungkan Teluk Parsi dengan Teluk Oman dan berfungsi sebagai pintu masuk utama yang menghubungkan Timur Tengah dengan pasaran global serta memudahkan eksport minyak dan gas. Sementara itu, Selat Bab el-Mandeb menghubungkan Teluk Aden dengan Laut Merah yang bersambung dengan Laut Mediterranean melalui Terusan Suez.

Data U.S. Energy Information Administration (EIA) menunjukkan perubahan ketara dalam aliran tenaga melalui laluan tersebut akibat daripada ketegangan geopolitik di Asia Barat seperti dalam Rajah 3.1.1[1]. Aliran minyak melalui Selat Hormuz mencatat anggaran purata 21 juta tong sehari (mmb/d) atau sekitar 20% penggunaan cecair petroleum global pada separuh pertama 2025 sebelum merudum kepada anggaran 9.9 mmb/d pada separuh pertama 2026. Dalam tempoh yang sama, aliran minyak melalui Terusan Suez dan Saluran Paip SUMED bertambah daripada 4.9 mmb/d kepada 5.8 mmb/d manakala aliran melalui Selat Bab el-Mandeb meningkat daripada 4.2 mmb/d kepada 6.9 mmb/d. Aliran gas asli cecair (LNG) melalui Selat Hormuz turut merosot dengan ketara daripada sekitar 11.4 bilion kaki padu sehari (bcf/d) kepada 4.1 bcf/d seperti dalam Jadual 3.1.1[2]. Gangguan di sepanjang laluan tersebut mengakibatkan kapal terpaksa mengubah laluan, peningkatan kos bahan api dan insurans risiko perang, pelanjutan tempoh penghantaran serta kesesakan di hab pemunggahan.

RAJAH 3.1.1. *Peta Jumlah Transit Harian Petroleum dan Cecair Lain Melalui Laluan Sempit Maritim Utama Dunia Bagi Penghantaran Minyak*



Sumber: U.S. Energy Information Administration (EIA)

[1] Analisis berdasarkan data penjejakan kapal tangki Vortexa, Bank Dunia dan Pihak Berkuasa Terusan Panama dengan menggunakan faktor penukaran dan pengiraan EIA.

[2] Angka separuh pertama dikira berdasarkan purata suku pertama dan suku kedua. Purata LNG bagi Selat Bab el-Mandeb tidak ditunjukkan kerana pemerhatian suku tahunan tidak lengkap. Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh pembundaran.

Jadual 3.1.1. *Aliran Minyak dan LNG melalui Laluan Sempit Maritim Terpilih*


Laluan Sempit Maritim	Jaringan	Aliran minyak (mmb/d)		LNG (bcf/d)	
		H1 2025	H1 2026	H1 2025	H1 2026
Selat Hormuz	Teluk Parsi dan Lautan Hindi	20.9	9.9	11.4	4.1
Terusan Suez dan Saluran Paip SUMED	Laut Merah dan Laut Mediterranean	4.9	5.8	0.8	1.7
Selat Bab el-Mandeb	Teluk Aden dan Laut Merah	4.2	6.9	t.d.	t.d.

Sumber: U.S. Energy Information Administration (EIA), Global Energy Security Data dan Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Ketegangan geopolitik terkini di Asia Barat, sekatan dan gangguan perdagangan di laluan perkapalan utama telah menyebabkan kesan serta-merta terhadap ketidaktentuan kos tenaga dan pengangkutan yang lebih ketara, gangguan terhadap ketersediaan dan penghantaran bahan mentah serta input perantaraan bagi pengilang di seluruh dunia. Gangguan tersebut telah memberikan kesan ketara kepada pengilang melalui rantaian bekalan global dan hubungan pengeluaran domestik.

Pendedahan langsung berikutan potensi gangguan di Selat Hormuz telah menjejaskan rantaian bekalan minyak mentah kepada Malaysia memandangkan 40% keperluan minyak mentah negara melalui laluan sempit maritim ini. Berdasarkan data import 2025, negara berkaitan laluan Selat Hormuz menyumbang sebanyak 69.2% daripada import minyak mentah, serta sekitar 13.5% daripada import produk petroleum bertapis dan 6% daripada import gas petroleum termasuk LNG seperti dalam Rajah 3.1.2. Walau bagaimanapun, kesan gangguan di Selat Hormuz melangkaui import tenaga secara langsung. Tinjauan Persekutuan Pekilang Malaysia (FMM) pada Jun 2026 mengenal pasti kos pengangkutan kargo dan logistik sebagai kekangan utama yang dihadapi oleh pengilang diikuti oleh kekurangan bahan mentah serta kenaikan kos tenaga dan bahan api.

RAJAH 3.1.2. *Pendedahan Bekalan Minyak Mentah Malaysia terhadap Laluan Selat Hormuz*



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Khazanah Research Institute (KRI)

Artikel ini meneliti impak kejutan geopolitik kepada sektor pembuatan Malaysia melalui pasaran tenaga, logistik maritim dan rantaian bekalan global. Kajian ini menggabungkan dapatan industri dengan analisis input-output (IO) untuk mengenal pasti pendedahan mengikut sektor, menganggarkan potensi kesan terhadap kos pengeluaran dan menilai industri yang boleh memberikan impak kejutan dengan lebih meluas merentas ekonomi.

Prestasi Sektor Pembuatan dan Pendedahan Luaran

Sektor pembuatan Malaysia kekal kukuh disokong oleh pengeluaran yang berterusan dan permintaan luar yang tinggi meskipun berhadapan ketidaktentuan geopolitik terkini. Nilai ditambah sektor pembuatan berkembang sebanyak 6.6% pada separuh pertama 2026 dipacu oleh peningkatan aktiviti dalam subsektor E&E serta produk petroleum, kimia, getah dan plastik. Prestasi ini seiring dengan peningkatan jumlah dagangan sebanyak 22.4% kepada RM1,795.2 bilion disokong oleh kenaikan eksport (27.5%) dan import (16.8%). Perkembangan tersebut menunjukkan permintaan luar yang kukuh terhadap produk keluaran Malaysia.

Walau bagaimanapun, sumber pertumbuhan dan pendedahan luaran antara industri berorientasikan eksport dengan industri berorientasikan domestik adalah berbeza. Industri berorientasikan eksport khususnya E&E serta produk petroleum dan kimia terus memacu pertumbuhan disokong oleh permintaan luar yang berterusan. Industri E&E meraih manfaat daripada pelaburan berterusan dalam kecerdasan buatan (AI) dan aktiviti berintensifkan teknologi yang lain seterusnya menyokong permintaan terhadap semikonduktor dan komponen elektronik. Sungguhpun demikian, industri berorientasikan eksport mungkin terjejas akibat gangguan terhadap permintaan dan aktiviti perkapalan. Sebaliknya, industri berorientasikan domestik termasuk pemprosesan makanan, produk logam yang direka dan kelengkapan pengangkutan kurang terjejas oleh perubahan permintaan luar, namun masih berkemungkinan menghadapi isu kekurangan input dan peningkatan kos pengeluaran.

Kesan risiko tersebut terhadap pengeluaran bergantung kepada fleksibiliti firma mendapatkan bekalan, kecukupan inventori dan ketersediaan bahan pengganti bagi input kritikal. Pengeluaran akan lebih berisiko untuk terjejas apabila input khusus mempunyai pilihan pengganti yang terhad kerana gangguan sementara boleh menghentikan operasi dan mengganggu firma lain yang bergantung pada output yang terjejas. Kesalinghubungan tersebut boleh menyebabkan kejutan luaran ketara dan mengakibatkan gangguan rantaian bekalan yang lebih luas merentas ekosistem pembuatan di Malaysia.

Kesan Gangguan Rantaian Bekalan ke atas Pengilang Malaysia

Gangguan terhadap bekalan tenaga, laluan perkapalan dan input kritikal boleh merebak dengan pantas merentas industri pembuatan Malaysia yang saling berkait seperti dalam Rajah 3.1.3. Kekurangan input seperti bahan mentah petrokimia, bahan kimia khusus, logam dan bahan pembungkusan akan meningkatkan kos serta mengehadkan pengeluaran dalam industri hiliran termasuk plastik, getah, E&E dan pemprosesan makanan. Tinjauan FMM menunjukkan tekanan kewangan yang dihadapi oleh pengilang dengan 74% responden melaporkan peningkatan kos pengeluaran antara 10% hingga 50% berbanding sebelum konflik manakala 58% responden menyatakan bahawa firma beroperasi pada atau di bawah takat pulang modal bagi rangkaian produk yang terjejas. Firma mungkin dapat menyerap sebahagian daripada kenaikan kos pada peringkat awal berikutan ruang perubahan harga yang terhad. Walau bagaimanapun, gangguan yang berpanjangan akan menyebabkan firma terpaksa memindahkan kenaikan kos kepada pengguna sekali gus meningkatkan harga, menjejaskan daya saing eksport dan menangguhkan pelaburan.

RAJAH 3.1.3. *Kesan Gangguan Rantaian Bekalan terhadap Pengilang Malaysia*




Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Analisis Input-Output

Analisis IO digunakan untuk meneliti kesan kejutan luaran terhadap sektor pembuatan Malaysia berdasarkan pendedahan langsung industri kepada tenaga dan input import; anggaran transmisi kejutan kos; dan potensi perluasan gangguan melalui hubungan pengeluaran domestik. Berdasarkan jadual IO Malaysia 2021 dan pekali pengeluaran tetap, analisis ini menerangkan bagaimana tekanan kos awal disalurkan merentas industri.

RAJAH 3.1.4. *Pendedahan Tenaga dan Input Import bagi Industri Pembuatan Terpilih*




Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Rajah 3.1.4 menunjukkan industri penapisan petroleum mencatat pendedahan tenaga tertinggi iaitu sekitar 43% daripada output kasar[3] manakala industri kimia asas sebanyak 40.4%. Dapatan ini mencerminkan kepekaan industri tersebut terhadap perubahan kos tenaga dan bahan mentah. Pendedahan import tertinggi direkodkan oleh industri enjin dan jentera iaitu sebanyak 46.8% diikuti oleh produk plastik (35.8%), baja (32.6%), jentera kegunaan am (29.8%) dan elektronik (27.6%). Sementara itu, industri elektronik mempunyai pendedahan langsung kepada tenaga yang agak rendah iaitu sebanyak 2.5% sekali gus menunjukkan risiko utama industri ini berpunca daripada kenaikan kos input import dan gangguan rantaian bekalan global.

Berdasarkan gabungan senario kejutan[4] dalam Rajah 3.1.5, penapisan petroleum mencatat kesan anggaran terbesar terhadap kos pengeluaran dalam kalangan industri pembuatan iaitu sebanyak 21.9%. Senario ini mencerminkan pendedahan langsung industri tersebut kepada andaian kejutan serta transmisi tekanan kos melalui hubung kait pengeluaran domestik. Kimia asas pula menunjukkan kesan sebanyak 10.2% yang terutamanya didorong oleh tekanan kos yang disalurkan melalui rangkaian tenaga dan logistik. Sementara itu, kesan terhadap pemprosesan getah dianggar sebanyak 8.2% diikuti oleh bahan kimia lain (8.1%), logam asas bukan ferus (8.1%), baja (7.3%) serta enjin dan jentera (6.8%) terutamanya disebabkan oleh kos input import. Dapatan ini menunjukkan bahawa tekanan kos luaran tidak hanya terhad ke atas industri yang terdedah secara langsung terhadap harga tenaga tetapi turut mempengaruhi pengilang hiliran melalui kebergantungan firma kepada pembekal domestik dan bahan import.

RAJAH 3.1.5. *Gabungan Senario Kejutan bagi Industri Pembuatan Terpilih*




Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

[3] Pendedahan tenaga dan input import merujuk kepada bahagian kos input berkaitan daripada output kasar industri.

[4] Senario ini adalah untuk tujuan ilustrasi dan tidak mewakili unjuran. Anggaran kesan adalah berdasarkan andaian perubahan dalam kos tenaga, logistik dan input import dengan pekali pengeluaran tetap.

Gangguan dalam industri utama boleh memberikan kesan yang lebih meluas merentas ekonomi. Sebanyak 25 industri[5] seperti dalam Rajah 3.1.6 menyumbang sekitar 69% daripada jumlah penggunaan dalam ekonomi dengan saiz gelembung mewakili bahagian setiap industri dalam jumlah penggunaan. Perdagangan borong dan runcit mencatat bahagian terbesar iaitu sebanyak 11.1% diikuti oleh komponen dan papan elektronik (7%), petroleum bertapis (6.2%), minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan (4.9%) serta minyak mentah dan gas asli (4%). Dalam industri pembuatan, komponen dan papan elektronik yang merupakan industri utama mempunyai pengganda import yang agak tinggi iaitu 0.48 di samping menyumbang bahagian terbesar kepada jumlah penggunaan. Sehubungan dengan itu, gangguan dalam industri ini boleh menjejaskan lebih banyak pembekal dan aktiviti pengeluaran hiliran.

RAJAH 3.1.6. *Kedudukan Sektor Strategik - 25 Industri Utama*



Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia (Anggaran)

Penilaian ini turut menunjukkan corak pendedahan luaran yang berbeza. Peralatan komunikasi dan elektronik pengguna sangat bergantung kepada input import dan pasaran eksport manakala sarung tangan getah dan produk kimia lain yang merupakan industri berorientasikan eksport yang tinggi mempunyai hubung kait yang kukuh dengan pembekal. Kimia asas mempunyai kebergantungan import yang agak rendah tetapi bahagian eksport yang tinggi iaitu 60.4% terutamanya disokong oleh hubung kait rantaian ke belakang dan ke hadapan yang kukuh. Produk plastik mempunyai kebergantungan import yang agak tinggi tetapi hubung kait pengeluaran domestik yang lebih lemah menunjukkan kemungkinan kesan lebih tertumpu dalam industri. Secara keseluruhan, kesan gangguan yang lebih meluas terhadap ekonomi bukan sahaja bergantung kepada pendedahan luaran industri tetapi juga saiz dan hubung kait dalam ekonomi.

[5] Sebanyak 25 industri terbesar disusun mengikut bahagian dalam jumlah penggunaan. Status keutamaan adalah berdasarkan indeks hubungan rantaian ke belakang (BL) dan hubungan rantaian ke hadapan (FL) manakala kuadran mencerminkan kebergantungan import dan orientasi eksport.

Langkah Susulan Kerajaan

Kerajaan telah mengaktifkan semula Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada Mac 2026 susulan ketegangan yang kian memuncak bagi menyelaras pendekatan seluruh Kerajaan terhadap gangguan rantaian bekalan global dan kesan ekonomi. Tindak balas segera tertumpu kepada usaha mengekalkan kecairan perniagaan dan memastikan bekalan barangan keperluan mencukupi. Bank Negara Malaysia (BNM) telah memperkenalkan Kemudahan Bantuan Kestabilan PKS (SME Stabilisation Relief Facility) berjumlah RM5 bilion untuk menyediakan pembiayaan modal kerja kepada PKS yang berdaya maju tetapi terjejas akibat konflik Asia Barat. Sehingga Ogos 2026, sebanyak RM2.8 bilion telah diluluskan kepada lebih 4,900 akaun PKS. Bantuan yang lebih bersasar turut disediakan melalui kemudahan jaminan tambahan berjumlah RM5 bilion di bawah Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) dengan liputan jaminan pembiayaan sehingga 80% dan tempoh jaminan dilanjutkan kepada 10 tahun bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana yang terjejas. Kemudahan ini turut dilengkapi oleh Skim Jaminan BNM–CGC yang lebih menyeluruh bernilai RM10 bilion bagi menyokong produktiviti, inovasi dan daya tahan PKS.

Bagi sektor tenaga, PETRONAS memanfaatkan rantaian nilai yang bersepadu untuk menyokong bekalan petrol dan diesel domestik di samping menyelaras usaha dengan Kerajaan dan pemain industri lain. Rundingan diplomatik turut memudahkan kapal yang mempunyai kaitan dengan Malaysia melalui Selat Hormuz termasuk kapal tangki yang disewa oleh PETRONAS untuk membawa minyak mentah ke Pengerang. Langkah tersebut membantu mengurangkan risiko bekalan dalam jangka masa terdekat dan mengekalkan ketersediaan bahan api penting.

Kerajaan turut menilai kesan konflik bagi merangka langkah yang sesuai untuk mengurangkan tekanan kos terhadap industri yang terjejas khususnya rundingan dengan industri plastik dilaksanakan berikutan kepentingan hubung kait industri ini dengan industri pembungkusan makanan, E&E, automotif dan peranti perubatan. Pada masa yang sama, libat urus berterusan turut dilaksanakan bersama pemain subsektor terjejas yang lain sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk memperkukuh daya tahan ekosistem pembuatan dalam jangka masa panjang.

Melangkah ke Hadapan

Walaupun langkah Kerajaan membantu mengurangkan tekanan pembiayaan dan bekalan dalam jangka masa pendek, namun pendekatan lebih sistematik diperlukan untuk mengenal pasti input kritikal, memantau risiko penumpuan bekalan dan menyelaraskan intervensi awal. Keutamaan segera perlu diberikan kepada usaha meningkatkan pemantauan terhadap input kritikal yang diperlukan dan sumber utama bekalan. Program pemetaan rantaian bekalan secara bersasar perlu mengenal pasti pembekal huluan sedia ada, negara pembekal utama, kecukupan inventori, tempoh menunggu bekalan serta ketersediaan input pengganti yang memenuhi spesifikasi teknikal. Langkah ini perlu memberikan tumpuan kepada industri yang mempunyai rantaian pengeluaran yang meluas dan tahap pendedahan tinggi terhadap gangguan luaran termasuk industri petroleum bertapis, kimia asas, komponen elektronik dan jentera terpilih. Dapatan pemetaan ini seterusnya boleh disepadukan dalam papan pemuka perkongsian risiko bagi memberikan amaran awal dan membolehkan agensi kerajaan serta pihak industri menyelaraskan tindakan dengan lebih cepat dan berkesan.

Penetapan dasar seterusnya perlu memudah cara akses kepada sumber bekalan alternatif bagi meningkatkan kesiapsiagaan industri menghadapi gangguan bekalan semasa krisis. Usaha ini merangkumi pra kelayakan kesesuaian pembekal dan bahan pengganti, mempercepat proses kelulusan teknikal bagi bekalan yang memenuhi piawaian keselamatan dan kualiti serta memanfaatkan platform padanan pembekal serantau. Firma perlu digalakkan untuk mengekalkan stok penimbal pada tahap yang bersesuaian serta memperkukuh pelan kesinambungan perniagaan

bagi input kritikal yang mempunyai pilihan pengganti terhad dan melibatkan kos yang tinggi. Pada masa yang sama, sokongan Kerajaan perlu diberikan secara bersasar dengan had dan syarat yang jelas bagi mengawal kos serta meminimumkan herotan pasaran.

Dalam jangka masa panjang, Malaysia perlu memperkukuh keupayaan domestik dan serantau bagi produk perantaraan terpilih yang mempunyai penumpuan bekalan yang tinggi serta pilihan alternatif yang terhad berbanding melaksanakan penggantian import secara menyeluruh. Selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), sokongan terhadap produk petroleum dan kimia serta E&E perlu mengutamakan aktiviti bernilai ditambah lebih tinggi, peningkatan teknologi dan pembangunan pembekal dalam bidang yang membolehkan Malaysia membina keupayaan yang berdaya saing. Negara juga perlu memperluas penyertaan dalam rangkaian pengeluaran ASEAN melalui kerjasama dengan negara serantau untuk menyelaraskan piawaian produk, memperkemas peraturan tempat asal dan menambah baik prosedur kastam bagi melancarkan pergerakan input perantaraan merentas rantau. Pengukuhan penyelarasan pelaburan rentas sempadan juga boleh menggalakkan keupayaan pengeluaran yang saling melengkapi dalam kalangan negara anggota ASEAN serta menyediakan pilihan pembekal serantau yang lebih luas dan pelbagai kepada pengilang.

Kesimpulan

Prestasi sektor pembuatan dan perdagangan Malaysia yang kukuh masih terdedah kepada risiko yang berpunca daripada kesalinghubungan yang tinggi dengan rangkaian tenaga, logistik dan pengeluaran global. Risiko gangguan boleh melangkaui industri yang terdedah secara langsung berikutan kepentingan industri tersebut kepada ekonomi serta hubung kait yang meluas dengan pengeluar hiliran. Langkah segera dalam memberikan sokongan jangka masa pendek perlu dilengkapi oleh dasar jangka masa panjang yang menumpukan kepada peningkatan penciptaan nilai domestik dalam segmen pengeluaran kritikal dan pengukuhan rangkaian pembuatan ASEAN yang saling melengkapi. Insentif pelaburan perlu seiring dengan peningkatan produktiviti dan teknologi serta limpahan industri yang lebih meluas. Langkah tersebut akan memperkukuh keupayaan Malaysia dalam mendepani kejutan luaran tanpa menjejaskan prinsip perdagangan terbuka dan integrasi global negara yang merupakan nadi daya saing sektor pembuatan.

Sektor Pertanian

Mengukuhkan keterjaminan makanan tatkala pertumbuhan perlahan

Sektor **pertanian** menguncup sebanyak 0.7% pada separuh pertama 2026 berikutan pengeluaran yang lebih rendah dalam kebanyakan subsektor kecuali ternakan dan pertanian lain. Subsektor kelapa sawit merosot sebanyak 2.8% susulan pengeluaran buah tandan segar (BTS) yang lebih rendah di Semenanjung Malaysia. Kemerosotan prestasi pengeluaran BTS didorong oleh pengurangan keluasan kawasan kelapa sawit matang di Semenanjung Malaysia yang lebih besar berbanding di Sabah dan Sarawak. Subsektor getah turut menguncup sebanyak 16.3% terutamanya disebabkan oleh kekurangan penoreh dan faktor cuaca yang menjejaskan aktiviti penorehan meskipun keadaan pasaran adalah baik. Pada masa yang sama, subsektor perikanan serta perhutanan dan pembalakan juga turut mencatat penurunan. Namun begitu, prestasi subsektor ternakan serta pertanian lain merekodkan pertumbuhan sebanyak 5.6% dan 1.3% bagi mengimbangi penyusutan sektor pertanian.

Pada separuh kedua 2026, sektor ini diunjur menyusut sebanyak 3.3%. Subsektor kelapa sawit dijangka merosot disebabkan

oleh faktor gangguan cuaca. Walaupun pengeluaran hasil BTS pada 2025 adalah tinggi, namun kitaran hasil biologi akan mengehadkan pengeluaran BTS pada 2026. Di samping itu, ketidakseragaman kerja penuaian di ladang serta ketidakcekapan pungutan hasil buah lerai turut menyumbang kepada kemerosotan keseluruhan hasil. Subsektor getah juga dijangka merekodkan penyusutan kerana risiko cuaca dan kos pengeluaran yang lebih tinggi akan mengehadkan pengeluaran getah asli. Pertumbuhan subsektor perikanan serta perhutanan dan pembalakan juga dijangka kekal lemah. Sebaliknya, subsektor ternakan dan pertanian lain akan terus berkembang disokong oleh peningkatan produktiviti di ladang, pengeluaran ayam dan itik yang lebih tinggi serta penanaman berskala besar benih baka jagung bijian MARDI yang baharu iaitu MZ1 dan MZ2**.** Sementara itu, segmen buah-buahan dan sayur-sayuran dijangka menyumbang kepada pertumbuhan subsektor pertanian lain. Secara keseluruhan, sektor pertanian dijangka menguncup sebanyak 2.1% berikutan pengeluaran hasil komoditi ladang yang berkurang.

JADUAL 3.4. *Prestasi Sektor Pertanian, 2025 – 2027 (pada harga malar 2015)*

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2026[2]	2025	2026[2]	2027[3]
Kelapa sawit	*35.8*	*4.7*	*-6.4*	*1.3*
Pertanian lain[1]	*29.8*	*1.7*	*1.3*	*-0.8*
Ternakan	*18.3*	*2.2*	*4.1*	*0.8*
Perikanan	*11.0*	*-0.6*	*-4.0*	*0.5*
Perhutanan dan pembalakan	*3.7*	*-1.8*	*-4.0*	*0.1*
Getah	*1.4*	*-12.6*	*-10.7*	*0.2*
Pertanian	***100.0***	***2.2***	***-2.1***	***0.5***

[1] Termasuk padi, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa, tembakau, teh, bunga, lada, koko dan nanas
[2] Anggaran
[3] Unjuran
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Sektor Perlombongan dan Pengkuarian

Gas asli pemacu pertumbuhan

Sektor **perlombongan dan pengkuarian** berkembang sebanyak 3.2% pada separuh pertama 2026 didorong oleh pengeluaran gas asli yang lebih kukuh. Subsektor gas asli mencatat pertumbuhan 7.6% dipacu oleh pengeluaran yang lebih tinggi selepas aktiviti penyelenggaraan berjadual yang dijalankan di lokasi fasiliti bersepadu di Bintulu. Subsektor perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan juga turut berkembang sebanyak 5.7%. Walau bagaimanapun, subsektor minyak mentah dan kondensat menyusut sebanyak 3.9% sebahagiannya disebabkan oleh aktiviti penyelenggaraan dan pemeriksaan di Kemudahan Pengeluaran, Penyimpanan dan Pemindahan Terapung (FPSO) Kikeh, Sabah.

Pada separuh kedua 2026, sektor ini dijangka berkembang sederhana sebanyak 1.9% susulan kesan asas pengeluaran gas asli yang semakin mereda. Subsektor gas asli disokong oleh penstabilan projek laluan pantas (FaS) gas asli cecair (LNG) Malaysia serta permintaan yang lebih kukuh dari pasaran penjanaan elektrik domestik dan eksport LNG. Usaha daripada negara pengimport untuk mendapatkan bekalan alternatif rentetan gangguan akibat konflik Asia Barat juga dijangka menjadi pemangkin kepada tambahan permintaan LNG. Pengoptimuman berterusan kemudahan sedia ada dan kemajuan dalam pembangunan huluan turut menyokong pengeluaran. Selain itu, subsektor minyak mentah dan kondensat dijangka mencatat peningkatan kecil dalam pengeluaran sebahagiannya dari Lapangan Adong Kechil Barat berhampiran Marudi, Sarawak serta jangkaan penyiapan lima Projek Hidrokarbon Pertama di seluruh negara. Subsektor perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan juga dijangka berkembang dipacu oleh peningkatan aktiviti perkhidmatan sokongan. Secara keseluruhan, sektor ini dianggar berkembang sebanyak

2.6% pada 2026 dengan jangkaan harga purata minyak mentah Brent berada pada sekitar USD85 setong.

Sektor Pembinaan

Pengembangan berterusan merentas subsektor

Sektor **pembinaan** berkembang sebanyak 7.1% pada separuh pertama 2026 disokong oleh prestasi positif dalam semua subsektor. Pertumbuhan ini terutamanya dipacu oleh subsektor aktiviti pembinaan khas dan bangunan bukan kediaman. Pertumbuhan subsektor aktiviti pembinaan khas didorong oleh pelaksanaan projek Solar Skala Besar 5 (LSS5) di Kuala Muda, Kedah, kerja penambakan tanah bagi fasa awal pembangunan Terminal Ketiga Pelabuhan Klang di Pulau Carey dan projek Program Pelanjutan Hayat Hidro (HLEP) sepanjang koridor Sungai Perak. Sementara itu, pertumbuhan subsektor bangunan bukan kediaman dipacu oleh aktiviti pembinaan pusat data yang pesat di Johor dan Lembah Klang serta pembangunan infrastruktur utama loji penapisan bio di Pengerang, Johor. Subsektor bangunan kediaman pula berkembang stabil didorong oleh pembangunan berterusan projek perumahan di Kuala Lumpur, Selangor dan Pahang. Selain itu, subsektor kejuruteraan awam turut berkembang disokong oleh pembinaan projek fasiliti PETRONAS Floating Liquefied Natural Gas 3 (PFLNG3) di Sabah serta projek Sarawak-Sabah Link Road (SSLR).

Sektor ini dijangka berkembang sebanyak 5.8% pada separuh kedua 2026 didorong oleh pelaksanaan berterusan projek sektor swasta dan awam. Subsektor pembinaan khas dan subsektor bangunan bukan kediaman kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan. Pembinaan pusat data dan kemudahan perindustrian baharu serta projek sedang dalam pelaksanaan akan terus menyokong permintaan terhadap kerja pembinaan dan pemasangan. Subsektor kejuruteraan awam turut dijangka terus berkembang disokong oleh pelaksanaan projek infrastruktur pengangkutan, tenaga dan air seperti LRT Laluan Mutiara Pulau Pinang, Solar Terapung Hidro Hibrid (HHFS), pembangunan Terminal Regasifikasi Gas 3 (RGT-3) dan kerja infrastruktur berkaitan PFLNG3. Selain itu, subsektor bangunan kediaman diunjur mencatat pertumbuhan didorong oleh pelaksanaan berterusan projek perumahan termasuk projek perumahan mampu milik oleh pemaju sektor awam dan swasta. Secara keseluruhan, sektor pembinaan diunjur meningkat 6.4% pada 2026.

Permintaan Domestik

Pertumbuhan didorong oleh permintaan domestik berdaya tahan

Permintaan domestik terus memacu pertumbuhan ekonomi disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang kekal berdaya tahan. Pada separuh pertama 2026, permintaan domestik mencatat peningkatan sebanyak 5.1% dan momentum ini dijangka berterusan pada separuh kedua tahun ini. Bagi keseluruhan 2026, permintaan domestik dianggar berkembang sebanyak 5.4%. Pertumbuhan ini didorong oleh penggunaan dan perbelanjaan pelaburan yang berterusan dengan perbelanjaan sektor swasta dan awam dijangka meningkat sebanyak 5.6% dan 4.9% pada 2026.

JADUAL 3.5. *Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Permintaan Agregat, 2025 – 2027 (pada harga malar 2015)*

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2026[2]	2025	2026[2]	2027[3]
Permintaan domestik	***96.3***	***6.3***	***5.4***	***5.1***
Perbelanjaan swasta	***78.0***	***6.2***	***5.6***	***5.3***
Penggunaan	*60.4*	*5.3*	*5.0*	*4.8*
Pelaburan	*17.6*	*9.4*	*7.8*	*7.1*
Perbelanjaan awam	***18.3***	***6.6***	***4.9***	***4.2***
Penggunaan	*13.1*	*5.3*	*3.8*	*3.2*
Pelaburan	*5.2*	*10.3*	*7.7*	*6.8*
Sektor luar negeri[1]	***3.8***	***-15.6***	***20.0***	***1.0***
Eksport	*72.2*	*4.9*	*11.4*	*3.2*
Import	*68.4*	*6.3*	*11.0*	*3.3*
KDNK	***100.0***	***5.2***	***4.8 – 5.3***	***4.2 – 5.2***

[1] Barangan dan perkhidmatan bukan faktor
[2] Anggaran
[3] Unjuran
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen perubahan dalam stok
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Penggunaan swasta berkembang sebanyak 4.7% pada separuh pertama 2026 dan dijangka meningkat 5% bagi keseluruhan tahun. Prestasi ini mencerminkan peningkatan pendapatan boleh guna didorong oleh aktiviti ekonomi domestik yang menggalakkan serta pasaran buruh yang kekal stabil. Pertumbuhan pendapatan turut disokong oleh pelbagai langkah dasar berkaitan gaji terutamanya pelaksanaan fasa kedua pelarasan gaji perkhidmatan awam di bawah SSPA. Penggunaan isi rumah terus disokong oleh langkah Kerajaan untuk mengekalkan kuasa beli melalui bantuan tunai SARA dan STR serta peluasan PJRM. Pada masa yang sama, pelaksanaan berterusan BUDI95 dan subsidi bersasar BUDI Diesel dijangka meredakan kesan kejutan harga tenaga dan tekanan inflasi terhadap isi rumah. Selain itu, perbelanjaan dan aktiviti berkaitan pelancongan dijangka meningkat susulan acara utama pada peringkat nasional dan antarabangsa termasuk VM2026 – 2027, Piala Dunia FIFA 2026 dan penganjuran Formula 1 Gulf Air Bahrain Grand Prix 2026 di Litar Antarabangsa Sepang serta pilihan raya negeri.

Pelaburan swasta berkembang sebanyak 6% pada separuh pertama tahun ini dan dijangka meningkat sebanyak 7.8% pada 2026 terutamanya dipacu oleh perbelanjaan modal firma yang lebih tinggi bagi pembinaan struktur serta jentera dan peralatan. Pertumbuhan ini turut disokong oleh pelaksanaan berperingkat projek berbilang tahun hasil daripada pelaburan diluluskan yang tinggi (2024: RM384.4 bilion; 2025: RM431.1 bilion) khususnya dalam sektor E&E, infrastruktur AI dan tenaga boleh baharu. Pelaburan tersebut terletak di beberapa negeri terutamanya Johor, Selangor, Pulau Pinang dan Kedah. Pembangunan strategik yang berterusan di Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) serta kawasan perindustrian sedia ada turut dijangka mengekalkan momentum pelaburan. Di samping itu, kesinambungan pelbagai pelan induk nasional terus diperkukuh melalui pelaksanaan berperingkat Kerangka Insentif Baharu (NIF) yang dijangka terus menyokong aktiviti pelaburan di kawasan baru muncul dan kurang membangun.

RENCANA 3.2

Bukan Sekadar Angka: Menterjemah Pelaburan kepada Daya Tahan Ekonomi

Latar Belakang

Malaysia kini mengalihkan tumpuan pelaburan daripada sekadar mengejar angka utama kepada pendekatan yang mengintegrasikan teknologi serta kompleksiti ekonomi. Peralihan ini telah mendorong nilai pelaburan diluluskan ke paras tertinggi dalam sejarah pada 2025 disokong oleh kerangka dasar strategik seperti Aspirasi Pelaburan Kebangsaan (NIA), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Strategi Semikonduktor Nasional (NSS). Anjakan ini sekali gus mencerminkan kedudukan Malaysia yang semakin kukuh dalam aktiviti ekonomi berintensifkan teknologi dan bernilai tambah lebih tinggi.

Pelaburan yang tinggi terutamanya dalam sektor teknologi dijangka dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi secara berperingkat. Proses ini bermula daripada potensi modal domestik dan aliran masuk modal asing, seterusnya diterjemahkan melalui pelaburan diluluskan yang dipacu oleh dasar dan insentif Kerajaan yang jelas. Pelaburan diluluskan ini seterusnya direalisasikan menerusi pelaksanaan projek, penerimagunaan teknologi dan pengukuhan jaringan rantaian bekalan. Setelah projek mula beroperasi, produktiviti lazimnya akan ditingkatkan melalui pemerkasaan keupayaan teknologi, peningkatan kemahiran serta inovasi. Perkembangan ini seterusnya memacu peralihan firma domestik ke arah segmen bernilai tambah lebih tinggi dalam rantaian nilai global sekali gus memperkukuh daya saing eksport dan daya tahan ekonomi. Mekanisme transmisi pelaburan adalah seperti dalam Rajah 3.2.1.


RAJAH 3.2.1. *Mekanisme Transmisi Pelaburan*



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (pelbagai rujukan)

Profil pelaburan Malaysia adalah seimbang dengan modal asing dan domestik menyumbang hampir setara daripada jumlah keseluruhan pelaburan diluluskan. Rajah 3.2.2 menunjukkan pelaburan domestik (DI) pada 2025 berjumlah RM222.4 bilion atau 51.6% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan manakala pelaburan asing (FI) menyumbang sebanyak RM208.7 bilion. Prestasi FI yang kukuh menjadi pemangkin kepada pemindahan teknologi dan akses kepada pasaran global manakala peningkatan bahagian modal domestik mencerminkan keyakinan yang semakin tinggi dalam kalangan pelabur tempatan terhadap trajektori pertumbuhan ekonomi negara bagi jangka masa panjang. Keseimbangan ini mengurangkan risiko terhadap kejutan luaran dengan pelaburan domestik menjadi penampan kukuh terhadap pelaburan asing. Artikel ini membincangkan dua bidang fokus dalam pembentukan landskap semasa pelaburan di Malaysia.

RAJAH 3.2.2. *Trend Pelaburan Asing dan Domestik yang Diluluskan, 2021 – 2025*




Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

Sinergi antara Pelaburan Swasta dengan Awam


Rajah 3.2.3 dan Rajah 3.2.4 memaparkan dominasi pelaburan swasta berbanding pelaburan awam yang menandakan sentimen positif pelabur. Trend peningkatan bahagian pelaburan swasta menunjukkan peranan utama dalam menyokong pembangunan ekonomi negara. Sementara itu, pelaburan awam memainkan peranan penting sebagai pemangkin di kawasan perindustrian utama dan mengurangkan risiko dalam bidang pertumbuhan baharu sekali gus membuka ruang peningkatan pelaburan swasta dan menyokong pertumbuhan jangka masa panjang. Trend ini mencetuskan perbincangan lanjut mengenai hubung kait antara pelaburan swasta dengan awam.

RAJAH 3.2.3. *Bahagian Pelaburan mengikut Sektor Swasta dan Awam, 2000 – 2025*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

RAJAH 3.2.4. *Pelaburan Swasta dan Pelaburan Awam, 2000 – 2025*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Analisis 1: Dinamik Pembentukan Modal Swasta dan Awam

Seksyen ini menganalisis hubung kait antara pelaburan swasta dengan pelaburan awam untuk menilai sama ada pelaburan awam bertindak sebagai pemacu atau penghalang kepada pelaburan modal swasta. Dapatan empirikal menunjukkan bahawa peningkatan 1% pelaburan awam dikaitkan dengan penguncupan serta-merta sebanyak 0.57% pelaburan swasta dalam jangka masa pendek. Hubungan negatif ini menunjukkan berlaku kesan penolakan terhadap pelaburan swasta berikutan persaingan bagi mendapatkan bahan mentah, peralatan khusus dan tenaga kerja berkemahiran yang berpotensi mengurangkan keuntungan (Sundararajan & Thakur, 1980; Cavallo & Daude, 2008). Selain itu, keperluan pembiayaan yang tinggi bagi inisiatif awam berskala besar boleh memperketat syarat kredit dan meningkatkan kekangan akses pinjaman yang menyebabkan syarikat swasta menangguhkan pelaburan (Islam & Nguyen, 2026).

Sementara itu, analisis menunjukkan wujudnya kesan *crowd-in* iaitu peningkatan 1% pelaburan awam dikaitkan dengan peningkatan sebanyak 0.48% pembentukan modal swasta dalam jangka masa panjang. Dapatan ini menunjukkan bahawa projek pelaburan awam seperti jalan raya, pelabuhan, bekalan elektrik dan rangkaian digital menjadi pemangkin utama kepada aktiviti sektor swasta serta merancakkan aktiviti ekonomi terutamanya pelaburan di zon ekonomi khas atau kawasan perindustrian. Hubungan positif ini menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh menggalakkan firma meningkatkan pelaburan manakala perbelanjaan langsung Kerajaan memainkan peranan sokongan (OECD, 2024).

Analisis 2: Transmisi Pelaburan Swasta kepada KDNK

Pertumbuhan ekonomi lazimnya akan menarik aliran modal yang lebih besar. Pada masa yang sama, pelaburan swasta turut berperanan memacu ekonomi domestik melalui pembentukan modal, pewujudan pekerjaan, penerimagunaan teknologi dan pengintegrasian rantaian bekalan.[1] Walau bagaimanapun, magnitud dan kemampanan kesan pelaburan tersebut terhadap KDNK benar Malaysia bergantung kepada komposisi perbelanjaan modal, kadar pelaksanaan projek dan hubung kait merentas sektor.

Berdasarkan anggaran Kementerian Kewangan, peningkatan 10% pelaburan swasta benar dikaitkan dengan peningkatan segera sekitar 0.49% dalam KDNK benar. Momentum pertumbuhan struktural Malaysia mencerminkan evolusi dasar pelaburan dan perindustrian bermula dengan Model Baru Ekonomi (NEM) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) pada 2010, Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011 – 2015), Dasar Negara Mengenai Industri 4.0 (Industry4WRD) pada 2018 ke arah rangka kerja pelaburan yang lebih bersasar dan berorientasikan outcome, diterajui oleh NIA pada 2022 dan diperkukuh melalui NIMP 2030. Peralihan ini memberikan penekanan yang lebih besar kepada kompleksiti ekonomi, penerimagunaan teknologi, pekerjaan berkemahiran tinggi, hubung kait domestik serta pembangunan aktiviti pertumbuhan dan nilai tinggi (HGHV). Dapatan ini selaras dengan fokus strategik Malaysia untuk mempercepat pelaksanaan pelaburan dan menunjukkan bahawa dasar yang memudah cara penggunaan modal secara cekap dapat menyokong pertumbuhan makroekonomi yang lebih meluas merentas sektor.

Kesan ekonomi dalam jangka masa pendek mencerminkan ekosistem pelaburan swasta yang dinamik menunjukkan penyaluran perbelanjaan modal merentas pelbagai aktiviti ekonomi semasa pelaksanaan projek. Perbelanjaan modal awal bagi kerja-kerja awam, penyediaan tapak dan perolehan jentera menjana permintaan segera dalam ekonomi domestik melalui kontrak kepada PKS tempatan, perolehan bahan mentah domestik dan penggunaan perkhidmatan teknikal. Seiring dengan momentum ini, pelaburan berteraskan teknologi telah muncul sebagai pemangkin strategik sekali gus meletakkan Malaysia antara kedudukan teratas dalam kalangan ekonomi sedang membangun dari segi projek ekonomi digital yang diumumkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini (World Bank, 2025).

Bagi menterjemahkan kesan pengganda tersebut kepada transformasi struktural yang berterusan, NIMP 2030 menetapkan sasaran untuk meningkatkan nilai ditambah sektor pembuatan kepada RM587.5 bilion, memperluas guna tenaga kepada 3.3 juta pekerja dan meningkatkan gaji penengah kepada RM4,510 menjelang 2030. Data terkini sehingga suku kedua 2026 menunjukkan kemajuan berterusan ke arah sasaran tersebut dengan nilai ditambah sektor pembuatan meningkat sebanyak 7.3% kepada RM104 bilion. Sementara itu, perkembangan aktiviti sektor pembuatan turut menyumbang kepada peningkatan guna tenaga sebanyak 0.2% kepada 2.72 juta pekerja. Lebih penting lagi, gaji penengah meningkat sebanyak 6.9% daripada RM3,200 pada 2023 kepada RM3,422 pada 2025 yang mencerminkan peningkatan berterusan dalam upah seiring dengan kestabilan guna tenaga yang berterusan dalam sektor pembuatan (DOSM, 2026).

Kadar Pelaksanaan Berbanding Pelaburan Diluluskan


Pelaksanaan pelaburan diluluskan yang tinggi menyediakan asas yang kukuh bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Rajah 3.2.5 menggambarkan trend pelaburan diluluskan dan pelaburan swasta bagi tempoh 2006 hingga 2025 yang menunjukkan jurang berterusan antara nilai pelaburan yang diluluskan dengan pelaksanaan sebenar pelaburan swasta.[2] Walaupun nilai pelaburan diluluskan yang tinggi menjadi landasan yang kukuh bagi pengembangan ekonomi pada masa hadapan, namun risiko struktur masih wujud khususnya kelewatan pelaksanaan apabila

[1] Data menunjukkan bahawa bahagian pelaburan swasta kepada KDNK telah meningkat secara berterusan daripada 15.3% pada 2022 kepada 17.2% pada 2025.

[2] Data rasmi MIDA digunakan bagi pelaburan yang diluluskan dan data agregat pelaburan swasta daripada DOSM dijadikan proksi pada peringkat makro bagi nilai pelaburan yang dilaksanakan.

sebahagian projek yang diluluskan belum diterjemahkan sepenuhnya kepada pelaburan swasta. Pada masa ini, dinamik sela masa pelaksanaan dan kadar realisasi antara kelulusan rasmi dengan pelaksanaan fizikal sebenar memerlukan penyelarasan yang lebih baik.

RAJAH 3.2.5. *Trend Pelaburan Diluluskan dan Pelaburan Swasta, 2006 – 2025*



Sumber: Jabatan Perangkaan dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

Analisis 3: Peralihan daripada Pelaburan Diluluskan kepada Pelaburan Dilaksanakan

Berdasarkan analisis empirikal, peningkatan 10% dalam jumlah nilai pelaburan diluluskan dianggar meningkatkan pelaburan swasta sebanyak 5.2%. Kesan terhadap pelaburan swasta ini dijangka direalisasikan dalam tempoh 6 hingga 18 bulan. Penemuan ini menyokong kewujudan kesan sela masa antara kelulusan rasmi dengan realisasi fizikal berikutan kerumitan projek dan prosedur pelaksanaan yang terlibat. Walau bagaimanapun, penubuhan Pusat Pemudahcara Pelaburan Malaysia (IMFC) pada 2023 dijangka dapat mempercepat proses peralihan daripada kelulusan kepada pelaksanaan sekali gus memperkukuh usaha pemantauan berterusan dan pelaksanaan lebih bersasar. Langkah ini penting bagi merapatkan jurang antara pelaburan diluluskan dengan pelaburan yang dilaksanakan.


Melangkah ke Hadapan

Kejayaan pelaburan tidak seharusnya diukur hanya berdasarkan jumlah aliran masuk modal tetapi dinilai berdasarkan peranan dalam membina keupayaan domestik yang berkekalan, memperkukuh pemindahan teknologi dan perkongsian inovasi serta mengintegrasikan firma domestik ke dalam rantaian nilai global. Pencapaian ini memerlukan tumpuan berterusan terhadap pelaburan berkualiti melalui dasar strategik dan keyakinan pelabur yang mampan di samping pelaburan awam bersasar. Secara khususnya, pelaburan awam dalam infrastruktur asas seperti grid elektrik, jalan raya dan utiliti kekal penting di kawasan yang sedang berkembang dan mempunyai potensi kukuh bagi menjana aktiviti ekonomi pada masa hadapan. Pelaburan awam dan swasta perlu memainkan peranan yang saling melengkapi dalam mengekalkan momentum aktiviti pelaburan serta menjana manfaat ekonomi yang lebih meluas.

Pelaksanaan Kerangka Insentif Baharu (NIF) pada 2026 menandakan anjakan strategik ke arah pendekatan insentif terpilih dan berasaskan outcome yang dirangka bagi memaksimumkan

pulangan ekonomi kepada negara dalam jangka masa panjang seperti dalam Rajah 3.2.6. Kerangka ini memberikan keutamaan kepada penciptaan HGHV dengan menilai sumbangan kepada KDNK bagi setiap ringgit yang dilaburkan melangkaui pendekatan konvensional berasaskan modal. Pendekatan bersasar ini memastikan peruntukan modal menghasilkan manfaat struktural yang nyata sekali gus memacu integrasi rantaian bekalan domestik dan mempercepat pemindahan teknologi merentas sektor pertumbuhan utama.

RAJAH 3.2.6. *Kerangka Insentif Baharu*



Sumber: Diubahsuai daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

Selaras dengan objektif ekonomi, NIF menerapkan aspek kemampanan dan pembangunan modal insan secara langsung dalam proses penilaian insentif. Kerangka ini memberikan penekanan penting kepada prestasi ESG di samping menetapkan sasaran penyahkarbonan yang jelas bagi menyokong matlamat iklim yang menyeluruh. Pada masa yang sama, insentif dirangka bagi menggalakkan pewujudan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi sekali gus memastikan pelaburan pada masa hadapan menyumbang kepada pembangunan tenaga kerja yang berdaya tahan dan bersedia menghadapi keperluan masa hadapan demi memacu pembangunan mampan.

Usaha untuk mengekalkan momentum pelaburan swasta Malaysia memerlukan pendekatan yang lebih agresif oleh semua agensi promosi pelaburan. Libat urus erat dengan pihak berkuasa dan penyedia utiliti berkaitan dapat mempercepat pelaksanaan projek serta menangani kekangan kawal selia. Di samping itu, proses kelulusan lebih cekap, garis pelaporan lebih jelas serta sinergi data yang lebih baik merentas agensi akan terus menyokong pelaksanaan projek yang tepat pada masa dan memastikan komitmen pelaburan diterjemahkan kepada output ekonomi sebenar.

Kesimpulan


Momentum pelaburan Malaysia menyediakan landasan kukuh dan usaha mengekalkan prestasi ini memerlukan anjakan lebih drastik ke arah pelaburan berkualiti, berinovasi dan mampan. Melalui penyelarasan dasar pelaburan dengan keutamaan nasional, Malaysia berupaya menterjemah penggunaan modal kepada pembangunan ekonomi yang inklusif. Melangkah ke hadapan, kejayaan ekonomi negara bukan sahaja bergantung pada jumlah pelaburan yang berjaya dibawa masuk bahkan keberkesanan mentransformasikan pelaburan tersebut kepada pertumbuhan yang berdaya tahan serta pembangunan sosioekonomi yang lebih luas.

Penggunaan awam meningkat sebanyak 5.9% pada separuh pertama 2026 terutamanya disokong oleh perbelanjaan yang lebih tinggi bagi perkhidmatan dan bekalan serta peningkatan emolumen berikutan pelaksanaan fasa kedua pelarasan gaji di bawah SSPA. Pertumbuhan dijangka akan menyederhana pada separuh kedua 2026 selaras dengan langkah menilai semula perbelanjaan operasi tidak kritikal dan meningkatkan kecekapan perbelanjaan. Peruntukan bagi perkhidmatan penting termasuk kesihatan, pendidikan dan keselamatan akan terus terpelihara. Pilihan raya negeri juga dijangka menyokong penggunaan awam melalui perbelanjaan dan aktiviti berkaitan pilihan raya. Perkembangan tersebut mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dalam mengekalkan penyampaian perkhidmatan awam yang cekap di samping memperkukuh disiplin fiskal serta memastikan penggunaan sumber awam secara berhemat. Sehubungan dengan itu, pertumbuhan bagi tahun ini dianggar sebanyak 3.8%.

Pelaburan awam meningkat sebanyak 5.8% pada separuh pertama 2026 dan dijangka mengukuh kepada 7.7% bagi keseluruhan tahun. Pertumbuhan ini akan disokong oleh perbelanjaan modal berterusan oleh Kerajaan Persekutuan dan syarikat awam bukan kewangan (NFPC). Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan akan disalurkan kepada projek pengangkutan dan ketersambungan sedia ada termasuk LRT Laluan Mutiara Pulau Pinang, SSLR dan Lebuhraya Pan Borneo Sabah serta pelaksanaan projek Cakna MADANI yang merangkumi sektor pendidikan, kesihatan, perumahan dan pengangkutan. Projek Cakna MADANI yang berskala kecil dan sederhana dirangka untuk pelaksanaan segera dan memberikan manfaat langsung kepada komuniti tempatan. Sementara itu, pelaburan NFPC akan terus disokong oleh projek tenaga dan utiliti termasuk infrastruktur gas, hidroelektrik dan inisiatif solar seperti PFLNG3, Projek Hidroelektrik Nenggiri, Sungai Perak HLEP dan LSS5. Secara keseluruhan, pelaburan tersebut dijangka memperkukuh ketersambungan dan infrastruktur penting di samping menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif.

Pendapatan negara kasar (PNK) pada harga semasa dianggar berkembang sebanyak 7% pada 2026 didorong oleh aktiviti domestik yang lebih kukuh. Tabungan negara kasar (TNK) juga dijangka meningkat sebanyak 10.2% dengan menyumbang sebanyak 23.7% daripada PNK. **Jurang tabungan-pelaburan** dijangka mencatat lebihan sebanyak RM41.3 bilion atau 2% daripada PNK dengan jumlah pelaburan diunjur pada RM455 bilion atau 21.7% daripada PNK sekali gus menyediakan dana bagi pelaburan produktif jangka masa panjang terutamanya daripada sumber domestik.

RAJAH 3.3. *Jurang Tabungan – Pelaburan (% daripada PNK)*



[1] Anggaran
[2] Unjuran
[3] Termasuk perubahan dalam stok
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Pendapatan

Pencapaian agihan pertumbuhan seimbang kekal mencabar

Ekonomi Malaysia kekal stabil dengan KDNK nominal berkembang sebanyak 4.8% kepada RM2,025.4 bilion pada 2025. **Pampasan pekerja**[2] (PP) meningkat sebanyak 5.8% kepada

[2] Termasuk saraan, wang tunai atau bukan berbentuk wang serta caruman sosial majikan yang dibayar untuk pekerja.

RM686.9 bilion mengatasi pertumbuhan KDNK nominal seterusnya meningkatkan bahagian PP daripada KDNK kepada 33.9%. Peningkatan ini didorong oleh kestabilan guna tenaga serta produktiviti yang lebih baik sekali gus mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pertumbuhan gaji. Intervensi gaji secara struktural melalui Dasar Gaji Progresif (DGP) dan pelarasan gaji minimum turut menyokong pertumbuhan PP walaupun masih di bawah sasaran 40% yang ditetapkan pada 2030.

Selain itu, PP dijangka terus meningkat sebanyak 8% pada 2026 didorong oleh penerimaan rangka kerja pampasan berteraskan produktiviti yang lebih meluas serta impak ketara pelaksanaan fasa kedua pelarasan gaji SSPA sekali gus membolehkan peningkatan pendapatan yang bermakna khususnya dalam kalangan pekerja berpendapatan sederhana. Justeru, bahagian PP kepada KDNK dijangka mencapai 34% terutamanya dipacu oleh peningkatan gaji dalam sektor perkhidmatan (62.4%) dan pembuatan (21.5%) terutamanya disumbangkan oleh industri perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan; perkhidmatan lain (termasuk perkhidmatan kerajaan); serta produk elektrik, elektronik dan optikal.

JADUAL 3.6. *Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan, 2024 – 2027*

	BAHAGIAN (%)				PERUBAHAN (%)			
	2024	2025	2026[1]	2027[2]	2024	2025	2026[1]	2027[2]
Pampasan pekerja	*33.6*	*33.9*	*34.0*	*34.2*	*6.1*	*5.8*	*8.0*	*6.8*
Lebihan kendalian kasar	*63.6*	*62.0*	*62.6*	*62.1*	*4.9*	*2.1*	*9.1*	*5.2*
Lebihan kendalian	*48.1*	*45.5*	*46.7*	*45.8*	*4.2*	*-0.8*	*10.6*	*4.1*
Pendapatan campuran	*15.5*	*16.5*	*16.0*	*16.3*	*6.9*	*10.9*	*4.7*	*8.4*
Cukai tolak subsidi	*2.8*	*4.1*	*3.4*	*3.8*	*32.4*	*53.7*	*-10.5*	*16.5*
KDNK pada harga pembeli	***100.0***	***100.0***	***100.0***	***100.0***	***5.9***	***4.8***	***7.9***	***6.1***

[1] Anggaran
[2] Unjuran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 3.7. *Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan bagi Negara Terpilih, 2023 – 2025*

	PAMPASAN PEKERJA			LEBIHAN KENDALIAN KASAR			CUKAI TOLAK SUBSIDI		
	2023	2024	2025	2023	2024	2025	2023	2024	2025
	BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)								
Malaysia	***33.5***	***33.6***	***33.9***	***64.2***	***63.6***	***62.0***	***2.2***	***2.8***	***4.1***
Filipina	*35.2*	*34.6*	*35.3*	*57.0*	*56.7*	*56.5*	*7.8*	*8.7*	*8.3*
Singapura	*38.9*	*37.1*	*37.8*	*54.6*	*55.8*	*54.7*	*6.5*	*7.1*	*7.5*
Republik Korea	*48.6*	*48.2*	*47.6*	*43.0*	*43.5*	*44.2*	*8.4*	*8.4*	*8.2*
Australia	*45.9*	*47.4*	*48.5*	*44.8*	*43.0*	*41.8*	*9.4*	*9.6*	*9.7*
Belanda	*45.9*	*46.3*	*47.4*	*44.5*	*43.9*	*42.6*	*9.7*	*9.9*	*10.0*
Kanada	*50.3*	*50.9*	*50.2*	*39.3*	*38.9*	*40.1*	*10.4*	*10.2*	*9.7*
United Kingdom	*49.4*	*49.8*	*49.7*	*40.2*	*39.4*	*39.7*	*10.4*	*10.8*	*10.6*
Amerika Syarikat	*51.7*	*51.9*	*51.6*	*41.8*	*41.7*	*41.5*	*6.5*	*6.5*	*6.9*
Jerman	*53.3*	*54.7*	*55.4*	*38.5*	*36.3*	*35.5*	*8.2*	*9.0*	*9.1*

Sumber: *National Statistical Office* daripada negara yang terpilih

Pertumbuhan **lebihan kendalian kasar**[3] (LKK) menyederhana pada kadar 2.1% namun kekal sebagai komponen pendapatan terbesar berjumlah RM1,255.1 bilion walaupun bahagian daripada KDNK mengecil kepada 62% pada 2025. Pertumbuhan pendapatan modal perniagaan disumbangkan oleh harga komoditi yang menggalakkan, momentum berstruktur dalam segmen teknologi dan infrastruktur, peningkatan berterusan industri pelancongan serta daya tahan industri perkhidmatan berkaitan pengguna yang lain. Pendapatan campuran turut mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 10.9% disokong oleh peningkatan penyertaan dalam kalangan individu yang bekerja sendiri dan perusahaan tidak diperbadankan. Pada 2026, prospek keuntungan korporat dijangka terus berkembang sebanyak 9.1% diperkukuh oleh landskap pelancongan yang rancak, peningkatan berterusan kitaran menaik teknologi dan semikonduktor global serta perkembangan pesat infrastruktur berkaitan digital. Kedudukan strategik negara sebagai pengeksport bersih tenaga juga berpotensi meningkatkan prospek pendapatan merentas industri berkaitan tenaga dan perkhidmatan huluan. Sementara itu, penguatkuasaan Akta Pekerja Gig 2025 [Akta 872] serta penyediaan sokongan institusi bersasar untuk golongan bekerja sendiri dan keusahawanan mikro juga dijangka dapat menggalakkan penyertaan lebih meluas dalam ekonomi gig, perniagaan berskala kecil dan aktiviti pekerjaan bebas. Justeru, bahagian pendapatan campuran dijangka mencatat 16% daripada LKK. Secara keseluruhan, bahagian LKK dijangka meningkat kepada 62.6% pada 2026.

Komponen **cukai bersih**[4] meningkat sebanyak 53.7% dan menyumbang 4.1% daripada KDNK pada 2025 didorong oleh peningkatan hasil cukai ke atas pengeluaran dan import (12.9%) terutamanya daripada cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Sementara itu, perbelanjaan subsidi dan insentif berkurang dengan ketara sebanyak 36.5% susulan pengurangan bersasar subsidi petroleum dan diesel. Pada 2026, cukai tolak subsidi dijangka merosot sebanyak 10.5% terutamanya berikutan jangkaan perbelanjaan yang lebih tinggi bagi subsidi bahan api. Perbelanjaan Kerajaan untuk subsidi dan insentif dijangka meningkat dengan ketara bagi membantu isi rumah dan industri mendepani tekanan peningkatan harga akibat gangguan rantaian bekalan susulan konflik yang berterusan di Asia Barat. Justeru, bahagian keseluruhan cukai bersih ke atas pengeluaran dan import dianggar lebih rendah kepada 3.4% daripada KDNK pada 2026.

Sektor Luar Negeri

Prestasi rancak sektor luar negeri di sebalik ketidaktentuan global

Prestasi Perdagangan

Jumlah dagangan dianggar melonjak sebanyak 27.2% kepada RM3,895.5 bilion pada 2026. Pertumbuhan ini didorong oleh kitaran menaik teknologi global dan sektor tenaga yang menggalakkan di sebalik ketidaktentuan persekitaran luaran dan unjuran pertumbuhan perdagangan yang lebih perlahan.

Eksport kasar dijangka meningkat sebanyak 31% kepada RM2,107.8 bilion pada 2026 disumbangkan oleh kitaran menaik teknologi dan kemajuan pesat AI global. Pertumbuhan ini dipacu oleh eksport barangan pembuatan yang diunjur melonjak sebanyak 34.7%. Eksport produk E&E dijangka mencatat peningkatan ketara sebanyak 44.3% berikutan jualan semikonduktor global yang lebih kukuh. Semikonduktor yang merupakan pemacu utama eksport menyumbang lebih daripada 65% eksport produk E&E diikuti oleh komponen kelengkapan telekomunikasi dan kelengkapan pemprosesan data automatik. Eksport produk E&E yang lebih tinggi sebahagiannya disokong oleh peningkatan

[3] Terdiri daripada lebihan kendalian kepada pemilik modal dan pendapatan campuran.

[4] Terdiri daripada cukai ke atas produk dan cukai lain ke atas pengeluaran ditolak subsidi ke atas produk dan subsidi lain ke atas pengeluaran.

ketara eksport semikonduktor ke AS yang menyumbang lebih daripada 20% jumlah eksport semikonduktor susulan pengecualian tarif. Eksport produk bukan E&E juga diunjur berkembang sebanyak 24.6% didorong oleh permintaan lebih tinggi daripada rakan dagang utama bagi produk pembuatan lain, produk petroleum serta barangan optik dan saintifik. Walau bagaimanapun, permintaan lebih perlahan dijangka bagi produk besi dan keluli, barangan makanan diproses, produk kayu, produk kertas dan pulpa serta minuman dan tembakau.

Selain itu, eksport barangan perlombongan dijangka meningkat sebanyak 22.8% dipacu oleh permintaan lebih tinggi terhadap LNG serta bijih logam dan serpihan logam yang mengimbangi eksport petroleum mentah yang lebih perlahan susulan konflik di Asia Barat. Eksport LNG khususnya ke China, Republik Korea, Taiwan (Province of China) dan Filipina dijangka lebih kukuh sekali gus memanfaatkan status Malaysia sebagai pengeksport bersih tenaga. Peningkatan permintaan bagi LNG didorong oleh peralihan daripada penggunaan arang batu kepada gas asli selaras dengan inisiatif global untuk mengurangkan jejak karbon. Inisiatif bagi menyokong kelestarian alam sekitar juga dijangka melonjakkan eksport bijih logam dan serpihan logam. Peningkatan ini ditunjukkan melalui permintaan lebih tinggi daripada Jerman, Hong Kong, China, Jepun dan AS. Walau bagaimanapun, eksport minyak mentah dijangka menyusut khususnya ke Australia, Jepun, India, Brunei Darussalam dan Singapura.

Eksport barangan pertanian pula dijangka menguncup sebanyak 8.6% terutamanya disebabkan oleh penyusutan eksport minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit, getah asli serta hasil pertanian lain. Penyusutan ini sebahagiannya berpunca daripada hasil tuaian yang lebih rendah akibat faktor cuaca. Permintaan minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit dijangka merosot khususnya dari China, Jepun, Filipina, Belanda dan Pakistan antaranya disebabkan oleh kepelbagaian pasaran dan penggantian produk oleh rakan dagang utama.

JADUAL 3.8. *Perdagangan Luar Negeri, 2025 – 2027*

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)		
	2025	2026[1]	2027[2]	2025	2026[1]	2027[2]
Jumlah dagangan	**3,061,950**	**3,895,506**	**4,021,752**	***6.3***	***27.2***	***3.2***
Eksport kasar	**1,609,391**	**2,107,753**	**2,171,668**	***6.6***	***31.0***	***3.0***
antaranya:						
Barangan pembuatan	1,390,552	1,873,112	1,922,161	*7.9*	*34.7*	*2.6*
Barangan pertanian	111,747	102,139	107,088	*5.6*	*-8.6*	*4.8*
Barangan perlombongan	92,442	113,532	122,899	*-11.0*	*22.8*	*8.3*
Import kasar	**1,452,558**	**1,787,753**	**1,850,084**	***6.0***	***23.1***	***3.5***
antaranya:						
Barangan perantaraan	718,837	868,009	897,610	*-4.1*	*20.8*	*3.4*
Barangan modal	214,500	234,787	244,005	*29.1*	*9.5*	*3.9*
Barangan penggunaan	119,523	121,166	124,970	*1.8*	*1.4*	*3.1*
Imbangan dagangan	**156,833**	**320,000**	**321,584**	***12.8***	***104.0***	***0.5***

[1] Anggaran
[2] Unjuran
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 3.9. *Eksport Kasar, Januari – Ogos 2025 dan 2026*

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2025	2026	2025	2026	2025	2026
Barangan pembuatan	893,729	1,203,915	*5.4*	*34.7*	*86.5*	*88.8*
Barangan pertanian	71,794	65,440	*7.2*	*-8.9*	*6.9*	*4.8*
Barangan perlombongan	59,216	73,821	*-16.6*	*24.7*	*5.7*	*5.4*
Lain-lain[1]	8,628	13,040	*30.9*	*51.1*	*0.8*	*1.0*
Eksport kasar	**1,033,368**	**1,356,216**	***4.1***	***31.2***	***100.0***	***100.0***


[1] Termasuk sisa dan bahan buangan emas; pakaian terpakai; dan urus niaga khas tidak disenarai
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

JADUAL 3.10. *Eksport Barangan Pembuatan, Januari – Ogos 2025 dan 2026*

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2025	2026	2025	2026	2025	2026
E&E	**447,355**	**656,141**	***16.5***	***46.7***	***50.1***	***54.5***
Bukan E&E	**446,374**	**547,774**	***-3.8***	***22.7***	***49.9***	***45.5***
Produk petroleum	69,154	87,556	*-24.0*	*26.6*	*7.7*	*7.3*
Kimia dan produk kimia	44,016	42,960	*-10.3*	*-2.4*	*4.9*	*3.6*
Pembuatan barangan logam	41,462	50,421	*-0.3*	*21.6*	*4.6*	*4.2*
Jentera, kelengkapan dan peralatan	51,637	61,117	*14.4*	*18.4*	*5.8*	*5.1*
Barangan optik dan saintifik	41,014	56,434	*3.8*	*37.6*	*4.6*	*4.7*
Produk pembuatan berasaskan minyak sawit	26,565	28,998	*14.3*	*9.2*	*3.0*	*2.4*
Produk getah	16,870	16,677	*-1.5*	*-1.1*	*1.9*	*1.4*
Barangan makanan diproses	25,767	22,263	*13.4*	*-13.6*	*2.9*	*1.8*
Produk besi dan keluli	18,038	12,860	*-23.1*	*-28.7*	*2.0*	*1.1*
Kelengkapan pengangkutan	12,645	13,303	*1.3*	*5.2*	*1.4*	*1.1*
Tekstil, pakaian dan kasut	10,956	11,610	*-7.0*	*6.0*	*1.2*	*1.0*
Barangan pembuatan plastik	11,486	12,311	*-0.9*	*7.2*	*1.3*	*1.0*
Produk kayu	9,814	8,567	*-4.3*	*-12.7*	*1.1*	*0.7*
Produk galian bukan logam	9,294	10,305	*10.6*	*10.9*	*1.0*	*0.9*
Barang kemas	6,852	7,082	*14.2*	*3.4*	*0.8*	*0.6*
Produk kertas dan pulpa	8,609	8,391	*-8.9*	*-2.5*	*1.0*	*0.7*
Minuman dan tembakau	1,887	1,865	*-6.1*	*-1.1*	*0.2*	*0.2*
Produk pembuatan lain	40,307	95,055	*2.8*	*135.8*	*4.5*	*7.9*
Eksport barangan pembuatan	**893,729**	**1,203,915**	***5.4***	***34.7***	***100.0***	***100.0***

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

RAJAH 3.4. *Rakan Dagang 10 Teratas, Januari – Ogos 2026 (% bahagian)*



Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Import kasar dianggar meningkat sebanyak 23.1% kepada RM1,787.8 bilion pada 2026 didorong oleh peningkatan import barangan perantaraan, barangan modal dan barangan penggunaan. Import barangan perantaraan yang merangkumi bahagian terbesar iaitu lebih 45% daripada jumlah import dijangka berkembang sebanyak 20.8% berikutan permintaan lebih kukuh daripada sektor pembuatan khususnya bagi alat ganti dan aksesori serta bekalan industri. Pertumbuhan ini selaras dengan peningkatan indeks pengurus pembelian (PMI) iaitu penunjuk bagi perkembangan aktiviti perniagaan dan ekonomi yang secara konsisten memberikan isyarat perubahan mendatang dalam kuantiti import.

Di samping itu, import barangan modal dijangka meningkat sebanyak 9.5% dipacu oleh pelaburan infrastruktur dan utiliti yang sedang dilaksanakan serta aktiviti pengembangan dan kepelbagaian perniagaan. Permintaan kukuh terhadap pengkomputeran awan dan perniagaan dalam talian antaranya turut menyumbang kepada peningkatan import berkaitan pembangunan pusat data. Pada masa yang sama, barangan penggunaan diunjur berkembang sebanyak 1.4% terutamanya didorong oleh peningkatan import barangan pengguna lain susulan peningkatan kuasa beli domestik, perubahan cita rasa pengguna serta kadar tukaran mata wang yang menggalakkan.

JADUAL 3.11. *Import Kasar mengikut Penggunaan Akhir, Januari – Ogos 2025 dan 2026*

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2025	2026	2025	2026	2025	2026
Barangan modal	**141,425**	**152,474**	***33.1***	***7.8***	***14.9***	***13.2***
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	131,415	144,358	*30.2*	*9.8*	*13.9*	*12.5*
Kelengkapan pengangkutan (perindustrian)	10,010	8,115	*89.2*	*-18.9*	*1.1*	*0.7*
Barangan perantaraan	**479,136**	**553,643**	***-4.9***	***15.6***	***50.6***	***47.8***
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk industri	25,303	19,682	*15.6*	*-22.2*	*2.7*	*1.7*
Bahan api dan pelincir, utama, diproses dan lain-lain	62,681	58,841	*-22.2*	*-6.1*	*6.6*	*5.1*
Bekalan perindustrian, utama, diproses dan t.d.t.l.[1]	190,099	205,655	*-9.4*	*8.2*	*20.1*	*17.8*
Alat ganti dan aksesori barangan modal dan kelengkapan pengangkutan	201,054	269,465	*5.1*	*34.0*	*21.3*	*23.3*
Barangan penggunaan	**77,925**	**80,804**	***-0.9***	***3.7***	***8.2***	***7.0***
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk isi rumah	35,055	33,141	*-4.3*	*-5.5*	*3.7*	*2.9*
Kelengkapan pengangkutan (bukan perindustrian)	1,285	1,254	*14.0*	*-2.4*	*0.1*	*0.1*
Barangan pengguna lain	41,585	46,409	*1.7*	*11.6*	*4.4*	*4.0*
Barangan tahan lama	12,707	15,070	*8.4*	*18.6*	*1.3*	*1.3*
Barangan separa tahan lama	13,010	13,311	*1.3*	*2.3*	*1.4*	*1.1*
Barangan tidak tahan lama	15,868	18,028	*-2.8*	*13.6*	*1.7*	*1.6*
Lain-lain	**22,369**	**23,960**	***-31.6***	***7.1***	***2.4***	***2.1***
Eksport semula	**225,229**	**346,673**	***17.7***	***53.9***	***23.8***	***29.9***
Import kasar	**946,084**	**1,157,554**	***3.7***	***22.4***	***100.0***	***100.0***

[1] Tidak disenarai di tempat lain
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Imbangan Pembayaran

Pada separuh pertama 2026, akaun semasa **imbangan pembayaran** mencatat lebihan sebanyak RM25.9 bilion atau 2.6% daripada PNK. Lebihan ini didorong oleh aliran masuk bersih yang lebih tinggi dalam akaun barangan serta pemulihan kepada lebihan dalam akaun perkhidmatan yang mengimbangi defisit lebih besar dalam akaun pendapatan. Pada separuh kedua 2026, lebihan akaun semasa dijangka berjumlah RM15.3 bilion atau 1.4% daripada PNK. Lebihan ini disumbangkan oleh aliran masuk bersih dalam akaun barangan dan defisit yang mengecil dalam akaun pendapatan primer meskipun lebihan dalam akaun perkhidmatan mengecil dan defisit dalam akaun pendapatan sekunder yang lebih besar. Secara keseluruhan, lebihan akaun semasa pada 2026 dijangka berjumlah RM41.3 bilion atau 2% daripada PNK.

Lebihan dalam akaun barangan dijangka berkembang kepada RM135.9 bilion pada 2026 disokong oleh peningkatan eksport barangan pembuatan dan barangan perlombongan walaupun eksport barangan pertanian mencatat penurunan. Eksport produk E&E, produk pembuatan lain serta barangan optik dan saintifik dijangka merekodkan peningkatan

ketara selari dengan jualan semikonduktor global yang lebih kukuh dipacu oleh kitaran menaik teknologi dan permintaan rancak bagi AI. Di samping itu, Malaysia sebagai pengeksport bersih tenaga berada pada kedudukan yang baik untuk meraih manfaat daripada peningkatan eksport LNG dan produk petroleum. Walau bagaimanapun, import pada 2026 dijangka meningkat ketara susulan aktiviti pengembangan dan kepelbagaian perniagaan serta lonjakan pelaburan dalam sektor perkhidmatan khususnya infrastruktur berkaitan AI.

Di samping itu, akaun perkhidmatan dianggar mencatat aliran masuk bersih lebih besar iaitu sebanyak RM7.9 bilion disokong oleh peningkatan lebihan dalam akaun perjalanan yang mengimbangi defisit lebih besar dalam akaun pengangkutan dan akaun perkhidmatan lain. Akaun perjalanan diunjur berjumlah RM54.9 bilion didorong oleh pelbagai inisiatif kerajaan mempromosi dan memperkukuh aktiviti pelancongan. Inisiatif tersebut dijangka menarik lebih ramai pelancong antarabangsa, menggalakkan tempoh penginapan yang lebih lama serta perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi sekali gus meningkatkan hasil pelancongan dan menambah baik imbangan akaun perjalanan. Industri pengangkutan udara dijangka mendapat manfaat daripada limpahan industri pelancongan melalui peningkatan kekerapan penerbangan dan laluan terus baharu. Selain itu, syarikat pengangkutan domestik dijangka mencatat pendapatan lebih tinggi susulan tambang penerbangan dan caj pengangkutan yang kompetitif serta bayaran yang dijana daripada aktiviti lapangan terbang dan pelabuhan. Walau bagaimanapun, kebergantungan berterusan terhadap penyedia pengangkutan asing dijangka menyebabkan bayaran lebih tinggi bagi perkhidmatan pengangkutan seterusnya

JADUAL 3.12. *Akaun Semasa Imbangan Pembayaran, 2025 – 2027*
(RM juta)

	2025			2026[1]			2027[2]		
	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**1,462,781**	**1,352,076**	**110,705**	**1,683,216**	**1,539,443**	**143,773**	**1,756,445**	**1,608,072**	**148,374**
Barangan	1,184,868	1,079,445	105,424	1,362,651	1,226,777	135,873	1,403,594	1,272,989	130,604
Perkhidmatan	277,912	272,631	5,281	320,565	312,666	7,899	352,851	335,083	17,768
Pengangkutan	37,693	66,867	-29,175	42,636	71,944	-29,308	48,341	77,739	-29,399
Perjalanan	110,650	62,202	48,448	125,672	70,789	54,883	138,110	76,798	61,311
Perkhidmatan lain	129,570	143,562	-13,992	152,258	169,933	-17,675	166,400	180,546	-14,145
Pendapatan primer	**88,465**	**155,785**	**-67,320**	**89,198**	**179,442**	**-90,244**	**92,683**	**187,338**	**-94,655**
Pampasan pekerja	7,268	17,262	-9,994	7,351	18,916	-11,565	8,159	20,333	-12,174
Pendapatan pelaburan	81,197	138,523	-57,326	81,847	160,526	-78,678	84,525	167,006	-82,481
Pendapatan sekunder	**43,938**	**54,517**	**-10,579**	**45,055**	**57,323**	**-12,268**	**47,943**	**59,899**	**-11,955**
Imbangan akaun semasa	**1,595,184**	**1,562,379**	**32,805**	**1,817,469**	**1,776,208**	**41,261**	**1,897,072**	**1,855,309**	**41,763**
% daripada PNK			***1.7***			***2.0***			***1.9***

[1] Anggaran
[2] Unjuran
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

mengakibatkan peningkatan aliran keluar bersih secara marginal kepada RM29.3 bilion dalam akaun pengangkutan pada 2026. Akaun perkhidmatan lain juga dianggar mencatat aliran keluar bersih lebih besar iaitu sebanyak RM17.7 bilion disebabkan oleh peningkatan bayaran bagi perkhidmatan perniagaan lain serta perkhidmatan insurans dan pencen. Sementara itu, pendapatan lebih tinggi dijangka diperoleh daripada perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat; perkhidmatan pembuatan bagi input fizikal dimiliki pihak lain; serta perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan.

Akaun pendapatan primer dijangka mencatat defisit lebih besar iaitu sebanyak RM90.2 bilion pada 2026 berikutan aliran keluar bersih lebih tinggi dalam akaun pendapatan pelaburan dan pampasan pekerja. Aliran keluar bersih dalam akaun pelaburan dianggar meningkat disebabkan oleh penghantaran balik keuntungan dan dividen oleh pelabur asing di Malaysia. Selain itu, defisit dalam pampasan pekerja dijangka lebih tinggi susulan peningkatan bilangan profesional asing di Malaysia bagi projek infrastruktur dan utiliti yang sedang dilaksanakan.

Akaun pendapatan sekunder dijangka mencatat aliran keluar bersih lebih tinggi iaitu sebanyak RM12.3 bilion pada 2026. Defisit lebih besar disebabkan oleh peningkatan kiriman wang keluar yang dijangka mencecah RM57.3 bilion terutamanya oleh pekerja asing dari Indonesia, Bangladesh, India, Nepal dan Filipina. Walau bagaimanapun, terimaan dalam akaun pendapatan sekunder diunjur meningkat kepada RM45.1 bilion didorong oleh peningkatan kiriman wang masuk daripada rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri.

Pada separuh pertama 2026, akaun kewangan mencatat aliran masuk bersih marginal sebanyak RM0.4 bilion disokong oleh aliran masuk bersih dalam akaun pelaburan lain dan akaun pelaburan langsung serta aliran keluar bersih lebih kecil dalam akaun pelaburan portfolio. Kedudukan ini terutamanya disumbangkan oleh akaun pelaburan lain yang beralih daripada aliran keluar bersih sebanyak RM8.4 bilion yang dicatat pada separuh pertama 2025 kepada aliran masuk bersih sebanyak RM11.7 bilion pada separuh pertama 2026. Kedudukan ini turut disokong oleh aliran keluar bersih lebih kecil dalam pelaburan portfolio kepada RM26.1 bilion pada separuh pertama 2026 berbanding RM29.5 bilion dicatat dalam tempoh sama 2025. Walau bagaimanapun, aliran masuk bersih dalam akaun pelaburan langsung mengecil kepada RM15.2 bilion pada separuh pertama 2026 daripada RM22.4 bilion direkodkan dalam tempoh sama 2025. Sebaliknya, aliran keluar bersih dalam akaun derivatif kewangan meningkat sedikit kepada RM0.44 bilion berbanding RM0.42 bilion dicatat pada separuh pertama 2025.

Sementara itu, Malaysia mencatat aliran masuk bersih FDI yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM30.2 bilion yang sebahagian besar disalurkan dalam sektor maklumat dan komunikasi; aktiviti profesional, saintifik dan teknikal; serta sektor perdagangan borong dan runcit. Aliran keluar bersih pelaburan langsung di luar negeri (DIA) oleh syarikat Malaysia meningkat kepada RM15 bilion terutamanya disalurkan dalam sektor aktiviti kewangan dan insurans/takaful; perlombongan dan pengkuarian; serta pengangkutan dan penyimpanan.

SISIPAN 3.2

Daya Tahan Perdagangan Malaysia: Mengharungi Ketidaktentuan Perdagangan Global


Pengenalan

Persekitaran perdagangan global menjadi semakin tidak menentu sejak 2018 dipengaruhi oleh ketegangan geopolitik yang berterusan, tekanan inflasi, gangguan rantaian bekalan, langkah perlindungan perdagangan dan persaingan strategik yang semakin sengit antara ekonomi utama. Situasi tersebut telah mengubah rangkaian pengeluaran global dan mewujudkan cabaran ketara kepada ekonomi berorientasikan eksport. Sebagai ekonomi yang kecil dan terbuka dengan nisbah perdagangan kepada KDNK yang sentiasa melebihi 100%, prestasi perdagangan Malaysia dari 2022 hingga Jun 2026 menunjukkan daya tahan yang memberangsangkan. Prestasi ini disokong oleh asas dan pasaran eksport yang pelbagai, keupayaan pembuatan yang kukuh, rangkaian FTA yang meluas dan dasar kerajaan yang proaktif.

Rintangan Global

Penerbitan World Economic Outlook (WEO) oleh IMF melaporkan pertumbuhan perdagangan global yang lebih perlahan daripada 5.8% pada 2022 kepada 1% pada 2023. Perdagangan global kembali pulih dengan pertumbuhan sebanyak 3.7% pada 2024 dan terus mengukuh kepada 5% pada 2025. Selain itu, UN Trade & Development (UNCTAD) menyatakan bahawa eksport barangan global antara 2011 dan 2025 mencatat pertumbuhan tahunan purata sebanyak 4.1% manakala pertumbuhan purata eksport kasar Malaysia sebanyak 6.7% dalam tempoh yang sama. Prestasi ini menunjukkan eksport Malaysia yang secara konsisten mengatasi eksport barangan global dalam kebanyakan tahun sekali gus menyerlahkan daya tahan perdagangan negara dalam menghadapi rintangan global yang utama seperti dalam Rajah 3.2.1.

RAJAH 3.2.1. *Eksport Barangan Global dan Prestasi Perdagangan Malaysia di Sebalik Kejutan Global Utama, 2011 – H1 2026*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia dan UN Trade & Development (UNCTAD)

Kejatuhan harga komoditi yang mendadak mulai 2014 merupakan antara kejutan global utama yang mengakibatkan eksport barangan global menguncup dengan ketara iaitu sebanyak 12.9% pada 2015. Harga komoditi global menyusut sekitar 38% antara Jun 2014 dan Februari 2015 terutamanya disebabkan oleh kejatuhan ketara harga minyak mentah Brent iaitu sebanyak 48% daripada USD112 setong kepada sekitar USD58 setong di samping penurunan harga logam dan komoditi pertanian. Sebaliknya, Malaysia menunjukkan daya tahan ketika kejatuhan harga komoditi disokong oleh struktur eksport yang pelbagai. Eksport kasar meningkat sebanyak 1.6% pada 2015 disumbangkan oleh permintaan lebih kukuh bagi barangan pembuatan (6.5%) yang mengimbangi eksport lebih rendah bagi barangan pertanian (-2.8%) dan barangan perlombongan (-22.9%).

Perdagangan Malaysia kekal berdaya tahan meskipun berhadapan dengan gangguan aktiviti industri yang terjejas teruk berikutan sekatan pergerakan semasa pandemik COVID-19 yang bermula pada Mac 2020. Eksport barangan global menguncup sebanyak 7.2% pada 2020 berbanding penurunan hanya 1.1% yang dicatat dalam eksport kasar Malaysia. Prestasi eksport yang lebih lemah menunjukkan penguncupan ketara dalam eksport barangan perlombongan iaitu sebanyak 28.3% meskipun terdapat peningkatan dalam barangan pembuatan (1.1%) dan barangan pertanian (8.7%).

Walau bagaimanapun, eksport kasar Malaysia pada 2023 menguncup sebanyak 8% selaras dengan penurunan 4.1% dalam eksport barangan global berpunca daripada pertumbuhan global dan perdagangan barangan yang lebih perlahan. Penguncupan eksport kasar Malaysia disebabkan oleh eksport yang lebih rendah bagi barangan pembuatan (-6.8%), barangan pertanian (-21.6%) dan barangan perlombongan (-9.6%). Meskipun terdapat ketidaktentuan global yang berpanjangan, eksport Malaysia kembali pulih dengan momentum yang kukuh dan mencatat pertumbuhan sebanyak 5.8% kepada RM1,509.3 bilion pada 2024 seterusnya mencecah RM1,609.4 bilion pada 2025.

Dunia berhadapan dengan gangguan rantaian bekalan global susulan konflik di Asia Barat yang semakin meruncing bermula pada Februari 2026. Walau bagaimanapun, Malaysia berupaya menghadapi impak konflik ini dengan memanfaatkan status sebagai pengeksport bersih tenaga ketika berlaku gangguan dalam rantaian bekalan tenaga global. Imbangan dagangan negara merekodkan peningkatan lebihan pada separuh pertama 2026 disokong oleh prestasi luar jangka bagi eksport produk E&E susulan kitaran menaik teknologi global di samping asas ekonomi negara yang kukuh dan dasar yang menyokong.


Landskap dan Pencapaian Perdagangan Malaysia

Malaysia kini sedang beralih ke arah hab pertumbuhan dan nilai tinggi (HGHV) bagi memacu inovasi dan pembangunan ekonomi yang mampan merentas industri utama. Dasar pembangunan ekonomi negara telah menarik minat MNC sekali gus berupaya mengintegrasikan Malaysia ke dalam rangkaian pengeluaran dan rantaian nilai global terutamanya dalam industri E&E. Peralihan struktural ini telah mempelbagaikan asas eksport Malaysia dengan ketara, mengurangkan kebergantungan kepada eksport komoditi dan memperkukuh daya tahan perdagangan terhadap kejutan luaran.

Bahagian eksport komoditi berkurang daripada 26.6% pada 2011 kepada 12.7% pada 2025 meskipun jumlah eksport komoditi berkembang daripada RM186 bilion kepada RM204.2 bilion bagi tempoh yang sama. Trend ini selaras dengan peralihan Malaysia kepada sektor pembuatan dan diterjemahkan melalui peningkatan ketara dalam eksport barangan pembuatan iaitu daripada

RM507.4 bilion atau 72.7% daripada jumlah eksport Malaysia pada 2011 kepada RM1,390.6 bilion atau 86.4% daripada jumlah eksport pada 2025 seperti dalam Rajah 3.2.2. Eksport utama barangan pembuatan termasuk produk E&E; produk petroleum; jentera, kelengkapan dan peralatan; kimia dan produk kimia serta barangan optik dan saintifik. Sehubungan dengan itu, sektor pembuatan telah menjadi antara penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi, pekerjaan, eksport dan kemajuan teknologi.

RAJAH 3.2.2. *Eksport Malaysia Mengikut Sektor, 2011 – H1 2026*
(% Bahagian)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Malaysia yang merupakan antara peneraju utama dunia dalam industri E&E telah mengukuhkan kedudukan sebagai hab serantau dalam rantaian nilai semikonduktor global. Industri E&E menjadi penyumbang terbesar kepada eksport pembuatan dan kekal sebagai antara peneraju ekonomi negara. Malaysia telah membangunkan keupayaan kukuh merentas rantaian nilai semikonduktor terutamanya dalam pemasangan, pengujian dan pembungkusan (ATP) dan kian berkembang ke arah reka bentuk litar bersepadu (IC), fabrikasi wafer, pembungkusan termaju dan pembuatan kelengkapan semikonduktor. Eksport produk E&E meningkat tiga kali ganda daripada RM237.1 bilion kepada RM712.3 bilion antara 2011 dan 2025. World Semiconductor Trade Statistics (WSTS) mengunjurkan lonjakan dalam pasaran semikonduktor global sebanyak 90% pada 2026 kepada USD1.5 trilion serta 27% kepada USD1.9 trilion pada 2027. Tinjauan pertumbuhan yang kukuh ini dijangka akan terus meningkatkan eksport produk E&E dan memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju utama dalam industri semikonduktor global.

Konflik Asia Barat telah menjadi punca utama risiko geopolitik kepada perdagangan global. Kesan konflik yang melangkaui rantau Asia Barat menunjukkan peranan penting rantau ini sebagai hab global bekalan tenaga dan laluan perdagangan maritim utama. Walau bagaimanapun, Malaysia meraih manfaat daripada konflik ini berikutan perdagangan luar yang terus berdaya tahan dan mengekalkan prestasi cemerlang dalam tempoh enam bulan pertama 2026 (H1 2026) dengan jumlah dagangan berkembang sebanyak 22.4% kepada RM1,795.2 bilion. Pertumbuhan ini disokong oleh perdagangan lebih tinggi dengan rakan dagang utama khususnya China (30.6%), AS (25.7%), Taiwan (Province of China) (34.7%), Singapura (21.5%) dan Hong Kong (45.8%).

Eksport kasar meningkat sebanyak 27.5% kepada RM971.6 bilion disumbangkan oleh eksport lebih kukuh bagi barangan pembuatan (30.5%) dan barangan perlombongan (24.5%) yang mengimbangi eksport lebih rendah bagi barangan pertanian (-8.9%). Pertumbuhan ini didorong oleh eksport yang rancak bagi produk E&E (42.5%), produk pembuatan lain (101.6%), bijih logam dan serpihan logam (209.3%), produk petroleum (27.4%) serta barangan optik dan saintifik (40.8%). Import kasar meningkat sebanyak 16.8% kepada RM823.6 bilion berikutan import lebih tinggi bagi barangan perantaraan (5.8%), barangan penggunaan (4.3%) dan barangan modal (0.8%). Malaysia merekodkan lebihan dagangan sebanyak RM148 bilion pada separuh pertama 2026 dengan lonjakan sebanyak 161.4% daripada RM56.6 bilion yang dicatat dalam tempoh sama pada 2025.


Konflik yang memuncak semakin meruncing dengan penutupan Selat Hormuz yang menjadi kejutan utama kepada ekonomi global dan mengganggu bekalan tenaga sehingga mengakibatkan harga minyak mentah Brent melonjak melebihi USD110 setong pada April 2026. Situasi ini menjejaskan lagi gangguan rantaian bekalan global dan menyebabkan peningkatan harga bahan api, makanan dan plastik. Meskipun konflik berlarutan, Malaysia mencatat lebihan dagangan LNG yang lebih tinggi iaitu berkembang sebanyak 16.5% kepada RM26.2 bilion pada separuh pertama 2026 (H1 2025: RM22.5 bilion). Lebihan ini disokong oleh permintaan lebih kukuh terhadap LNG yang meningkat sebanyak 12.4% kepada RM29.1 bilion dan import lebih rendah dengan penyusutan sebanyak 15% kepada RM2.9 bilion. Selain itu, lebihan dagangan kondensat petroleum dan minyak petroleum lain berkembang sebanyak 16.1% kepada RM2.5 bilion (H1 2025: RM2.1 bilion) disumbangkan oleh peningkatan eksport.

Sementara itu, Malaysia merupakan pengimport bersih petroleum mentah dan mencatat defisit dagangan yang lebih kecil sebanyak RM11 bilion pada H1 2026 (H1 2025: -RM16.3 bilion) berikutan import yang lebih perlahan. Import petroleum mentah menyusut sebanyak 24.6% kepada RM19.8 bilion dan eksport berkurang sebanyak 11.5% kepada RM8.8 bilion. Di samping itu, Malaysia mencatat defisit dagangan bagi produk petroleum iaitu sebanyak RM0.2 bilion berbanding lebihan dagangan berjumlah RM4.3 bilion yang dicatat pada H1 2025.

Memperkukuh Kepelbagaian Pasaran melalui Perjanjian Perdagangan Bebas


Malaysia berintegrasi secara meluas dalam pasaran global melalui perdagangan dan pelaburan dengan ekonomi utama. Sehingga kini, Malaysia telah menandatangani dan melaksanakan 17 FTA yang terdiri daripada lapan FTA bilateral dan sembilan FTA serantau seperti dalam Rajah 3.2.3 dan Rajah 3.2.4. Pencapaian penting telah dilakar pada 2022 melalui penyertaan Malaysia sebagai ahli dalam dua FTA mega iaitu Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan Perjanjian Komprehensif dan Progresif untuk Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP).

RAJAH 3.2.3. *Perjanjian Perdagangan Bebas Bilateral*



Nota: EIF – Tarikh mula berkuat kuasa
Sumber: Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia

RAJAH 3.2.4. *Perjanjian Perdagangan Bebas Serantau*




Nota: EIF – Tarikh mula berkuat kuasa
Sumber: Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia

Ketika era pasca Krisis Kewangan Global, penglibatan aktif Malaysia dalam perjanjian perdagangan bilateral dan serantau telah menjadi pemacu pengembangan perdagangan sekali gus mengukuhkan kedudukan negara dalam rangkaian pengeluaran serantau dan pasaran global. Pada 2011, sebanyak RM881.8 bilion atau hampir 70% daripada jumlah dagangan dilaksanakan dengan negara yang mempunyai perjanjian perdagangan dengan Malaysia seperti dalam Rajah 3.2.5. Eksport ke negara rakan FTA adalah sebanyak RM498.8 bilion atau 71.5% daripada jumlah eksport manakala import berjumlah RM383 bilion atau 66.8% daripada jumlah import. Sehubungan dengan itu,

Malaysia mencatat lebihan dagangan sebanyak RM115.8 bilion pada 2011. China merupakan rakan dagang FTA terbesar Malaysia yang menyumbang sebanyak 13.2% daripada jumlah dagangan diikuti oleh Singapura (12.7%), Jepun (11.5%), Thailand (5.5%) dan Indonesia (4.4%).

RAJAH 3.2.5. *Prestasi Perdagangan dengan Negara Rakan FTA, 2011 – H1 2026*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Jumlah dagangan dengan negara rakan FTA terus berkembang dengan mencatat kadar pertumbuhan tahunan dikompaun (CAGR) sebanyak 6.1% antara 2012 dan 2025. Perdagangan dengan negara rakan FTA mencecah RM2,007.3 bilion atau 65.6% daripada jumlah dagangan Malaysia pada 2025 disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam eksport dan import. Eksport ke negara rakan FTA berkembang sebanyak 3.2% kepada RM1,069 bilion manakala import meningkat 5.1% kepada RM938.3 bilion. Dalam kalangan rakan dagang utama FTA Malaysia, China menyumbang bahagian terbesar daripada jumlah dagangan iaitu 17.7% diikuti oleh Singapura (13.2%), Jepun (4.7%), Thailand (3.9%) dan Republik Korea (3.8%).


Dalam tempoh enam bulan pertama 2026, perdagangan dengan negara rakan FTA meningkat sebanyak 26.2% kepada RM1,424.8 bilion atau 79.4% daripada jumlah dagangan Malaysia (H1 2025: RM1,129.4 bilion atau 77%). Prestasi lebih kukuh ini disokong oleh pertumbuhan teguh dalam eksport yang meningkat sebanyak 22.4% kepada RM738 bilion dan import melonjak 30.4% kepada RM686.9 bilion. Negara rakan utama FTA dalam tempoh tersebut ialah China (18.1%), Singapura (13.2%), Hong Kong (4.4%), Jepun (4.4%) dan Republik Korea (4.2%).

Perdagangan dengan negara rakan FTA terbukti penting dan strategik kepada Malaysia dalam menyediakan akses pasaran lebih luas, mengurangkan kos perdagangan, mempergiat penglibatan PKS pada peringkat antarabangsa serta memperkukuh daya saing eksport dan pemindahan teknologi. Integrasi ini meningkatkan daya tahan terhadap gangguan perdagangan global dengan menawarkan kepelbagaian pasaran dan kemampanan rantaian bekalan sekali gus meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai hab pelaburan dan pengeluaran.

Susulan kejayaan pelaksanaan AFTA, ASEAN bertindak sebagai penampan utama perdagangan, jaringan keselamatan kawal selia dan hab rantaian bekalan serantau yang penting bagi Malaysia. Rantau ASEAN menyokong Malaysia dalam memacu pertumbuhan ekonomi, menjamin

kestabilan serantau dan memperkasakan penglibatan negara pada peringkat global. Sebagai blok perdagangan terbesar Malaysia, ASEAN menyumbang lebih 25% daripada jumlah dagangan manakala CAGR perdagangan berkembang sebanyak 6.3% antara 2012 dan 2025. Perdagangan dengan negara anggota ASEAN berjumlah RM331.1 bilion atau 26% daripada jumlah dagangan pada 2011 dan meningkat dua kali ganda kepada RM778.1 bilion atau 25.4% pada 2025. Dalam tempoh enam bulan pertama 2026, perdagangan dengan negara anggota ASEAN berkembang sebanyak 21.5% kepada RM454.5 bilion disokong oleh eksport yang lebih kukuh dengan peningkatan sebanyak 18.6% kepada RM259.6 bilion dan import berkembang sebanyak 25.7% kepada RM194.9 bilion seperti dalam Rajah 3.2.6. Pada separuh pertama 2026, eksport Malaysia ke ASEAN terutamanya didorong oleh produk E&E yang menyumbang 43.6% daripada jumlah eksport diikuti oleh produk petroleum (14.4%), jentera, kelengkapan dan peralatan (6.9%) serta kimia dan produk kimia (5.1%). Dari perspektif import, produk E&E juga membentuk bahagian terbesar iaitu sebanyak 38% diikuti oleh produk petroleum (14.7%), kimia dan produk kimia (4.9%) serta jentera, kelengkapan dan peralatan (4.7%).

RAJAH 3.2.6. *Prestasi Perdagangan dengan ASEAN, 2011 – H1 2026*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Daya Tahan Perdagangan Malaysia

Laporan Global Trade Resilience Index 2026 (GTRI 2026) menilai daya tahan perdagangan negara merentas dua dimensi utama iaitu keupayaan penyerapan dan keupayaan pemulihan. Keupayaan penyerapan bertujuan menentukan kemampuan negara untuk menahan impak segera kejutan luaran di samping mengekalkan kestabilan dalam operasi perdagangan. Dimensi ini mengambil kira kekuatan struktural dan daya tindak balas sistem perdagangan negara apabila berhadapan dengan gangguan luar jangka. Sementara itu, keupayaan pemulihan mengukur kemampuan memulihkan prestasi perdagangan dan menyesuaikan diri dengan norma baharu dalam jangka masa pendek hingga sederhana berikutan gangguan yang berlaku.

Malaysia dinilai dengan skor 66.03 dalam GTRI 2026 dan menduduki tangga ke-23 pada peringkat global selepas China yang berada pada kedudukan ke-15, Jepun ke-17 dan Republik Korea ke-18. Dalam kalangan negara anggota ASEAN, Singapura berada di kedudukan ke-7 dengan skor 75.35

manakala Thailand berada di tempat ke-32, Filipina ke-35, Indonesia ke-36 dan Viet Nam ke-41. Daripada 56 negara yang dinilai, Malaysia berada di kedudukan ke-28 dengan skor 66.12 dalam dimensi keupayaan penyerapan dan ke-16 dengan skor 65.89 bagi keupayaan pemulihan seperti dalam Jadual 3.2.1.

Jadual 3.2.1. *Prestasi Malaysia dalam Global Trade Resilience Index 2026*

Penunjuk	Skor (1 – 100)	Kedudukan
Global Trade Resilience Index	**66.03**	**23**
Keupayaan Penyerapan	66.12	28
Pendedahan	*59.06*	*40*
Kepelbagaian	*64.05*	*33*
Keteguhan	*71.73*	*23*
Keupayaan Pemulihan	65.89	16
Daya Tahan Institusi	*63.42*	*21*
Daya Tahan Operasi	*68.36*	*12*

Sumber: The Global Trade Resilience Index 2026

Malaysia menduduki tempat ke-28 bagi keupayaan penyerapan antaranya disebabkan oleh skor yang lebih rendah dalam tonggak pendedahan dengan skor 59.06 dan menduduki tempat ke-40 sekali gus menunjukkan negara terdedah kepada risiko lebih tinggi terhadap kejutan luaran dan ketidaktentuan global. Walau bagaimanapun, Malaysia menunjukkan kemampuan yang secara relatif adalah kukuh untuk pulih daripada kejutan berdasarkan kedudukan ke-16 bagi keupayaan pemulihan. Penilaian ini disokong oleh asas eksport yang pelbagai dan rangka kerja dasar yang teguh dengan tumpuan kepada daya tahan ekonomi, pertumbuhan inklusif dan mampan, pembaharuan struktural, kepelbagaian pelaburan dan perdagangan serta keupayaan domestik. Langkah tersebut penting bagi membolehkan negara mengharungi ketidaktentuan global di samping meningkatkan daya saing ekonomi jangka masa panjang. Di samping itu, Kerajaan terus memperkasakan keupayaan pengeksport dan pemain industri tempatan melalui sokongan kewangan dan bukan kewangan bersasar termasuk promosi eksport, kepelbagaian pasaran, integrasi rantaian bekalan dan peningkatan industri. Usaha tersebut bertujuan meningkatkan daya saing firma, memperkasakan kecekapan domestik serta memperkukuh daya tahan dan kedudukan negara dalam rantaian nilai global.

Melangkah Ke Hadapan

Walaupun rejim perdagangan semasa telah memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia selama beberapa dekad, namun ketegangan geopolitik dan kewujudan blok pasaran yang kian memuncak menimbulkan risiko langsung kepada kos pengeluaran dan kestabilan rantaian bekalan. Sebagai tindak balas kepada konflik ini, Kerajaan telah menggerakkan Pasukan Petugas Pengurusan Krisis di bawah Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan Pasukan Petugas Daya Tahan Perdagangan. Mekanisme berterusan tersebut dilaksanakan dengan intervensi pantas secara harian, melindungi bekalan bahan api utama dan menampan rakyat daripada tekanan inflasi.

Melangkah ke hadapan, pengukuhan daya tahan perdagangan negara memerlukan pembaharuan struktural ekonomi yang holistik bagi menambah baik kelebihan saingan Malaysia dalam landskap global yang dinamik. Malaysia perlu memperkukuh jaminan keselamatan perdagangan dan membina daya tahan negara secara strategik terhadap sebarang gangguan global pada masa hadapan termasuk meneroka pasaran eksport dan sumber import baharu. Kepelbagaian sumber import penting bagi

mengimbangi defisit bekalan luar jangka serta membina rantaian bekalan yang fleksibel dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan. Walau bagaimanapun, Malaysia perlu membangunkan strategi perdagangan yang berdaya tahan secara komprehensif dan meliputi pelbagai aspek bagi mencapai kemampanan domestik. Kerajaan terus meningkatkan usaha untuk mempercepat integrasi dan kecanggihan dengan rantaian bekalan nilai ditambah lebih tinggi bagi mengurangkan pendedahan kepada kejutan luaran termasuk melalui kemajuan teknologi dan inovasi domestik.

Malaysia sedang merangka hala tuju ke arah menarik pelaburan dalam HGHV, meningkatkan kompleksiti ekonomi dan mewujudkan lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi serta memperkukuh rantaian bekalan domestik. Berteraskan kerangka Ekonomi MADANI dan dilengkapi oleh Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030, pelbagai dasar termasuk Strategi Semikonduktor Negara (NSS), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Kerangka Insentif Baharu (NIF), Pelan Tindakan AI Kebangsaan (2026 – 2030) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) telah digubal bagi membolehkan Malaysia menguasai rantaian nilai global yang lebih luas. Dasar tersebut memberikan keutamaan kepada usaha mengukuhkan keupayaan pembuatan tempatan, mempercepat inovasi teknologi dan memperluas penyertaan domestik dalam segmen nilai ditambah lebih tinggi terutamanya dalam ekosistem elektronik termaju dan semikonduktor.

Kesimpulan

Daya tahan perdagangan Malaysia memerlukan pendekatan dasar yang holistik dan berpandangan jauh bagi memperkukuh jaminan keselamatan perdagangan, mempercepat kepelbagaian perdagangan dan mempertingkatkan keupayaan rantaian bekalan domestik untuk menangani kejutan luaran. Tiba masanya untuk Malaysia terus meningkatkan rantaian nilai global, mengurangkan kerentanan terhadap gangguan luaran serta memperkukuh daya saing, daya tahan ekonomi dan pertumbuhan mampan jangka masa panjang negara.

Harga

Inflasi kekal sederhana di sebalik peningkatan tekanan kos

Inflasi keseluruhan yang diukur melalui **Indeks Harga Pengguna (IHP)** mencatat purata 1.8% bagi lapan bulan pertama 2026 berbanding 1.4% dalam tempoh yang sama pada 2025. Inflasi teras pula mencatat purata 2% sejajar dengan tekanan harga asas yang sederhana secara keseluruhan.

Inflasi kumpulan pengangkutan mencatat purata 1.7% dalam tempoh yang sama (Januari – Ogos 2025: 0.6%) terutamanya didorong oleh kenaikan harga bahan api tanpa subsidi susulan peningkatan harga minyak mentah global yang berpunca daripada konflik Asia Barat. Walau bagaimanapun, pelaksanaan mekanisme BUDI Diesel pada Julai 2026 membantu membendung tekanan harga berkaitan pengangkutan pada penghujung tempoh tersebut khususnya melalui kenaikan lebih perlahan dalam kos operasi alat pengangkutan persendirian. Inflasi kumpulan insurans & perkhidmatan kewangan mencatat purata 4.1% (Januari – Ogos 2025: 2.4%) sebahagiannya mencerminkan pelarasan premium insurans perubatan dan caj perkhidmatan kewangan. Sementara itu, inflasi kumpulan makanan & minuman yang merangkumi 29.8% daripada wajaran IHP menyederhana kepada 1.5% dalam tempoh tersebut (Januari – Ogos 2025: 2.2%) sekali gus membuktikan kenaikan harga lebih perlahan dalam subkumpulan makanan di luar rumah serta keberkesanan langkah pengurusan bekalan domestik.

Inflasi keseluruhan dijangka meningkat secara berperingkat menjelang akhir tahun apabila kenaikan kos tenaga, pengangkutan barang, makanan dan input lain dipindahkan kepada harga runcit. Bagi keseluruhan 2026, inflasi dianggar berada dalam julat 1.5% hingga 2.5%

dan dijangka kekal terkawal. Subsidi bahan api bersasar, langkah penstabilan harga domestik dan nilai ringgit yang secara relatif stabil akan membantu mengurangkan pemindahan tekanan kos luaran. Sementara itu, permintaan domestik dijangka kekal kukuh tanpa mencetuskan tekanan inflasi yang berlebihan daripada faktor permintaan.

Dari sudut pengeluar, tekanan kos pada peringkat huluan adalah lebih ketara. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2026, **Indeks Harga Pengeluar (IHPR)** mencatat purata peningkatan sebanyak 4.6% berbanding penurunan 2.3% dalam tempoh yang sama pada 2025. Kenaikan harga pengeluar terutamanya didorong oleh peningkatan harga bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya serta bahan perantaraan, bekalan & komponen di samping tekanan harga dalam sektor pembuatan termasuk produk petroleum bertapis serta produk komputer, elektronik & optikal.

Bagi peringkat pemprosesan, harga bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya meningkat secara purata sebanyak 15.4% sepanjang Januari hingga Ogos 2026 berbanding penurunan 4.1% dalam tempoh yang sama pada 2025. Harga bahan perantaraan, bekalan & komponen meningkat secara purata sebanyak 2.8% (Januari – Ogos 2025: -2.2%) manakala harga pengeluar bagi barang siap meningkat sederhana sebanyak 0.9% (Januari – Ogos 2025: -1.3%). Penumpuan tekanan kos pada peringkat awal pengeluaran menunjukkan bahawa pemindahan tekanan tersebut kepada harga pengguna berkemungkinan terus berlaku secara beransur-ansur. Kenaikan harga pengeluar bagi barang siap yang secara relatif sederhana turut menunjukkan bahawa pemindahan kos huluan yang lebih tinggi kepada harga runcit kekal terhad.

JADUAL 3.13. *Indeks Harga Pengguna, Januari – Ogos 2025 dan 2026 (2010 = 100)*

	WAJARAN[1]	PERUBAHAN (%)		SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN IHP (MATA PERATUSAN)	
		2025	2026	2025	2026
Indeks Harga Pengguna	**100.0**	***1.4***	***1.8***	***1.40***	***1.80***
Makanan & minuman	29.8	*2.2*	*1.5*	*0.66*	*0.45*
Minuman alkohol & tembakau	1.9	*0.7*	*2.7*	*0.01*	*0.05*
Pakaian & kasut	2.7	*-0.2*	*0.0*	*-0.01*	*0.00*
Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain	23.2	*1.9*	*1.4*	*0.44*	*0.32*
Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah	4.3	*0.2*	*0.3*	*0.01*	*0.01*
Kesihatan	2.7	*1.2*	*1.2*	*0.03*	*0.03*
Pengangkutan	11.3	*0.6*	*1.7*	*0.07*	*0.19*
Maklumat & komunikasi	6.6	*-5.4*	*1.9*	*-0.36*	*0.13*
Rekreasi, sukan & kebudayaan	3.0	*1.2*	*1.1*	*0.04*	*0.03*
Pendidikan	1.3	*2.1*	*2.4*	*0.03*	*0.03*
Restoran & perkhidmatan penginapan	3.4	*3.2*	*2.4*	*0.11*	*0.08*
Insurans & perkhidmatan kewangan	4.0	*2.4*	*4.1*	*0.10*	*0.16*
Penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan & perkhidmatan	5.8	*3.8*	*4.9*	*0.22*	*0.28*


[1] Berdasarkan Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2022
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 3.14. *Indeks Harga Pengeluar, Januari – Ogos 2025 dan 2026 (2010 = 100)*

	WAJARAN[1]	PERUBAHAN (%)		SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN IHPR (MATA PERATUSAN)	
		2025	2026	2025	2026
IHPR mengikut sektor	**100.000**	***-2.3***	***4.6***	***-2.30***	***4.60***
Pertanian, perhutanan & perikanan	6.730	*6.7*	*0.9*	*0.43*	*0.06*
Perlombongan	7.927	*-10.0*	*25.9*	*-0.75*	*1.97*
Pembuatan	81.571	*-2.6*	*2.9*	*-2.01*	*2.27*
Bekalan elektrik & gas	3.442	*0.8*	*7.9*	*0.03*	*0.26*
Bekalan air	0.330	*1.8*	*10.7*	*0.01*	*0.03*
IHPR mengikut peringkat pemprosesan	**100.000**	***-2.3***	***4.6***	***-2.30***	***4.60***
Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya	16.410	*-4.1*	*15.4*	*-0.68*	*2.68*
Bahan perantaraan, bekalan & komponen	56.119	*-2.2*	*2.8*	*-1.25*	*1.66*
Barang siap	27.471	*-1.3*	*0.9*	*-0.36*	*0.26*

[1] Berdasarkan Banci Ekonomi 2016
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

RAJAH 3.5. *Trend Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar (% perubahan)*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pasaran Buruh

Prestasi pasaran buruh kekal mampan

Pasaran buruh kekal stabil pada separuh pertama 2026 disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh daripada jangkaan serta permintaan domestik dan sektor luaran yang teguh. Kadar penyertaan tenaga buruh meningkat kepada 70.9% yang menunjukkan peningkatan penglibatan tenaga kerja dalam pasaran berikutan prospek peluang pekerjaan yang menggalakkan. Jumlah **guna tenaga** meningkat sebanyak 1.1% kepada 16.8 juta orang manakala **kadar pengangguran** kekal rendah 3% atau 509,700 orang. Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar peluang guna tenaga iaitu 66.7% diikuti oleh sektor pembuatan (16.2%) dan pertanian (8.7%).

Permintaan buruh juga kekal menggalakkan pada separuh pertama 2026 dengan **pewujudan pekerjaan** yang kukuh dan peningkatan bilangan **kekosongan** jawatan. Jumlah pewujudan pekerjaan baharu oleh pertubuhan berkurang sebanyak 1.3% kepada 64,270 berbanding 65,138 pekerjaan dalam tempoh yang sama pada 2025. Sementara itu, jumlah kekosongan jawatan meningkat 0.4% kepada 195,730 jawatan. Walaupun peluang pekerjaan kekal tersedia, namun bilangan **penempatan** pekerjaan berkurang sebanyak 20.6% kepada 74,874 orang. Keadaan ini menunjukkan proses pemadanan pekerjaan menyederhana serta pengambilan pekerja baharu yang berhati-hati oleh perniagaan dalam menghadapi risiko rantaian bekalan dan cabaran luaran yang berlarutan.

Pasaran buruh dijangka terus mengekalkan trajektori yang menggalakkan pada separuh kedua 2026 disokong oleh permintaan isi rumah yang kukuh serta pertumbuhan stabil sektor perkhidmatan dan pembuatan. Kerancakan aktiviti berkaitan pelancongan, kitaran menaik semikonduktor global serta pembangunan berterusan infrastruktur digital juga dapat menyokong prospek penggajian baharu serta pengekalan pekerja oleh perniagaan. Justeru, kadar pengangguran dianggar kekal rendah 3% bagi keseluruhan 2026.

Bilangan **pekerja asing** berkemahiran rendah yang berdaftar berkurang sebanyak 2.9% kepada 2.08 juta orang pada akhir Ogos 2026 berbanding 2.14 juta orang dalam tempoh yang sama pada 2025. Penurunan ini berikutan kawalan kuota yang lebih ketat selaras dengan komitmen dasar Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan ekonomi terhadap pekerja asing. Sementara itu, keperluan tenaga kerja sektoral akan ditangani melalui inisiatif yang menumpukan kepada penyediaan persekitaran pekerjaan yang kondusif bagi menarik minat bakat tempatan di samping peningkatan produktiviti melalui usaha mempercepat penggunaan automasi dan penerimagunaan teknologi. Pekerja asing sebahagian besarnya

JADUAL 3.15. *Penunjuk Pasaran Buruh*

	('000 ORANG)			PERUBAHAN (%)		
	H1[1]	2026[2]	2027[3]	H1[1]	2026[2]	2027[3]
Tenaga buruh	17,275.8	17,387.0	17,734.8	*1.0*	*1.8*	*2.0*
Guna tenaga	16,766.1	16,869.6	17,198.5	*1.1*	*1.7*	*2.0*
Pengangguran	509.7	517.5	536.3	*(3.0)*	*(3.0)*	*(3.0)*

[1] Januari hingga Jun 2026
[2] Anggaran
[3] Unjuran
Nota: Angka dalam kurungan ialah kadar pengangguran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 3.16. *Guna Tenaga mengikut Sektor*

	('000 ORANG)			BAHAGIAN (%)		
	H1[2]	2026[3]	2027[4]	H1[2]	2026[3]	2027[4]
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,461.1	1,485.5	1,508.4	*8.7*	*8.8*	*8.8*
Perlombongan dan pengkuarian	101.0	101.7	107.9	*0.6*	*0.6*	*0.6*
Pembuatan	2,718.9	2,724.3	2,778.8	*16.2*	*16.1*	*16.2*
Pembinaan	1,302.9	1,370.5	1,389.7	*7.8*	*8.1*	*8.1*
Perkhidmatan	11,182.1	11,187.6	11,413.9	*66.7*	*66.3*	*66.4*
Jumlah[1]	**16,766.1**	**16,869.6**	**17,198.5**	***100.0***	***100.0***	***100.0***

[1] Jumlah termasuk 'Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah'
[2] Januari hingga Jun 2026
[3] Anggaran
[4] Unjuran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

berasal dari Bangladesh (36.2%), Indonesia (26.4%) dan Nepal (16.7%). Sektor pembuatan menggaji bilangan pekerja asing tertinggi iaitu 28.8% diikuti oleh sektor pembinaan (26%) dan perkhidmatan (19.2%). Sementara itu, bilangan **ekspatriat** meningkat 1.5% kepada 123,088 orang pada akhir Ogos 2026 mencerminkan permintaan berterusan terhadap bakat yang mempunyai kemahiran khusus. Ekspatriat berasal terutamanya dari China (32%), India (15.5%) dan Indonesia (7.2%). Dari segi taburan mengikut sektor, kebanyakan ekspatriat bekerja dalam bidang teknologi maklumat (36.5%), perkhidmatan (16.6%) dan pembinaan (14.7%).

Produktiviti buruh yang diukur melalui nilai ditambah per pekerja meningkat 4.6% kepada RM52,763 pada separuh pertama 2026 didorong oleh pertumbuhan output yang kukuh dalam sektor pembuatan dan pembinaan serta pemulihan dalam sektor perlombongan dan pengkuarian. Peningkatan produktiviti sektor pembuatan disokong oleh pengembangan output terutamanya dalam industri E&E dan logam dengan pertumbuhan nilai ditambah mengatasi pertumbuhan guna tenaga. Produktiviti buruh pada 2026 diunjurkan berkembang sebanyak 3.4% kepada sekitar RM108,100 disokong oleh pelaburan strategik berterusan dalam sektor berimpak tinggi seperti teknologi digital, pusat data dan sektor berkaitan E&E di samping peningkatan penggunaan teknologi serta pembangunan bakat. Sektor pembinaan dijangka mencatat pertumbuhan produktiviti tertinggi sebanyak 4.4% diikuti oleh sektor pembuatan 4% dan perkhidmatan 3.6%.

Tinjauan 2027

Sektoral

Sektor Perkhidmatan

Pertumbuhan semua subsektor yang berdaya tahan

Sektor **perkhidmatan** diunjur mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 5.2% pada 2027 dengan semua subsektor dijangka menunjukkan prestasi positif. Pertumbuhan ini akan disokong oleh perkhidmatan digital bernilai tinggi dan penggunaan swasta yang berdaya tahan seiring peningkatan ketibaan pelawat asing berikutan VM2026 – 2027. Tambahan pula, prestasi sektor ini akan dipertingkat oleh inisiatif agenda nasional bagi mempercepat pertumbuhan ekonomi digital.

Subsektor perdagangan borong dan runcit terus menjadi penyumbang utama kepada sektor perkhidmatan dengan pertumbuhan sebanyak 4.4% terutamanya dipacu oleh segmen

perdagangan borong. Kempen jualan bermusim dan promosi yang rancak di kedai fizikal serta platform e-dagang dan media sosial akan terus mendorong perbelanjaan pengguna seiring dengan acara pemasaran dan promosi VM2026 – 2027. Sementara itu, segmen kenderaan bermotor dijangka meningkat disokong oleh permintaan berdaya tahan untuk kenderaan persendirian baharu terutamanya bagi kereta pemasangan tempatan.

Sementara itu, subsektor maklumat dan komunikasi dijangka mengekalkan pertumbuhan kukuh sebanyak 7.9% pada 2027 disokong oleh permintaan yang semakin meningkat untuk pengkomputeran awan, pendigitalan berterusan merentas perniagaan, operasi berterusan pusat data dan pengembangan keterhubungan digital serta pembangunan infrastruktur telekomunikasi termasuk Jalinan Digital Negara Fasa 2 (JENDELA Fasa 2) dan Sambungan Kabel Dasar Laut MADANI (SALAM). Selain itu, pelaburan bernilai tinggi yang telah diluluskan dalam subsektor maklumat dan komunikasi pada separuh pertama 2026 dijangka menggalakkan aktiviti ekonomi seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan subsektor ini pada 2027.

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan diunjur berkembang sebanyak 7.4% berikutan aktiviti perdagangan dan logistik yang berterusan, permintaan yang mampan bagi perkhidmatan penggudangan dan pengedaran serta peningkatan aliran trafik penumpang sempena VM2026 – 2027. Segmen pengangkutan darat akan disokong dengan pelaksanaan East Coast Rail Link (ECRL) yang dijangka dapat meningkatkan pengangkutan dan kesalinghubungan antara Pantai Timur dengan pelabuhan utama di samping peluasan rangkaian kereta api yang menyokong pergerakan kargo dan aktiviti logistik. Selain itu, permulaan operasi Sistem Rapid Transit Johor Bahru-Singapura (RTS Link) akan meningkatkan kesalinghubungan rentas sempadan dan menyokong aliran trafik penumpang, pelancongan, peruncitan dan aktiviti perniagaan. Dalam segmen pengangkutan udara, aktiviti perjalanan yang berterusan dan pelancongan serta peningkatan kapasiti lapangan terbang akan terus meningkatkan permintaan penumpang dan kargo udara. Pertumbuhan segmen pengangkutan air dijangka kekal kukuh pada 2027 disumbangkan oleh aktiviti perdagangan yang tinggi disokong oleh kedudukan strategik Malaysia sepanjang laluan utama perkapalan serantau.

Subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka meningkat sebanyak 7% didorong oleh aktiviti pelaburan dan pembinaan yang berterusan termasuk pembangunan dan pengoperasian pusat data. Selain itu, pengembangan projek JS-SEZ, pembangunan taman perindustrian dan kemudahan logistik serta penyiapan beberapa projek pusat data dijangka meningkatkan permintaan untuk perkhidmatan berkaitan harta tanah, kejuruteraan, profesional dan perniagaan. Sementara itu, pengoperasian RTS Link dijangka merancakkan pembangunan berorientasikan transit sekali gus menjana pelbagai manfaat ekonomi.

Subsektor makanan & minuman dan penginapan dijangka mengukuh sebanyak 6% pada 2027 susulan peningkatan ketibaan pelawat asing sempena VM2026 – 2027 serta perbelanjaan pelancongan domestik yang rancak. Prestasi subsektor ini juga disokong oleh pelbagai acara antarabangsa yang dijadualkan termasuk Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2027, Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) ke-34 2027 serta pelbagai program MICE. Selain itu, kempen melawat negeri Sabah dan Terengganu juga dijangka merancakkan aktiviti pelancongan dan mendorong pertumbuhan subsektor ini.

Subsektor kewangan dan insurans diunjur berkembang pada kadar 2.3% didorong oleh aktiviti ekonomi yang berdaya tahan. Bagi segmen kewangan, permintaan pembiayaan dijangka kekal disokong oleh aktiviti pelaburan yang berterusan terutamanya dalam industri bernilai tambah tinggi dan keadaan pasaran buruh yang kondusif. Sementara itu, segmen

insurans dijangka mendapat manfaat daripada pelaksanaan MediAsas di seluruh negara meskipun pertumbuhan premium mungkin terkesan akibat kenaikan kos perubatan.

Subsektor utiliti diunjur berkembang sebanyak 3.7% dipacu oleh peningkatan permintaan elektrik dan penggunaan air daripada pengguna industri dan komersial antaranya susulan pengembangan operasi pusat data. Sementara itu, pembangunan taman perindustrian dan infrastruktur digital yang berterusan akan meningkatkan penggunaan utiliti terutamanya di kawasan yang mengalami aktiviti pelaburan yang pesat. Walau bagaimanapun, cuaca yang lebih panas dan kering kesan daripada Super El Niño juga dijangka mendorong penggunaan penyaman udara yang lebih tinggi seterusnya meningkatkan permintaan elektrik.

Subsektor perkhidmatan lain dijangka meningkat sebanyak 5.8% didorong oleh perkhidmatan kesihatan dan pendidikan swasta. Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) akan meneruskan usaha memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan perubatan pilihan dengan memperluas penglibatan MHTC dalam pasaran antarabangsa dan mempromosi negara sebagai penyedia perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan berkualiti terutamanya dalam pasaran utama seperti Indonesia, China dan India. Sementara itu, perkhidmatan pendidikan swasta dijangka terus mengukuh didorong oleh usaha berterusan bagi meletakkan Malaysia sebagai destinasi pendidikan antarabangsa yang menarik. Inisiatif promosi oleh pejabat Education Malaysia, Perkhidmatan Global Pendidikan Malaysia (EMGS) dan universiti tempatan terutamanya melalui program mobiliti dan edupelancongan dijangka terus menyokong pertumbuhan pendaftaran pelajar antarabangsa.

Subsektor perkhidmatan kerajaan dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 4.5% pada 2027. Pertumbuhan ini sebahagiannya disokong oleh perbelanjaan bagi perkhidmatan dan bekalan serta emolumen.

Sektor Pembuatan

Memanfaatkan gelombang AI

Sektor **pembuatan** diunjur berkembang sebanyak 4.1% pada 2027 disokong oleh pertumbuhan sederhana dalam industri berorientasikan eksport. Pertumbuhan dalam segmen E&E dijangka kekal stabil disokong oleh permintaan berterusan terhadap produk berkaitan AI meskipun terdapat penyederhanaan dalam kitaran semikonduktor global pada 2027. Pelaksanaan berterusan NSS akan menyokong keupayaan domestik dalam aktiviti bernilai tambah lebih tinggi termasuk reka bentuk litar bersepadu dan pembungkusan termaju. Sementara itu, industri berorientasikan domestik dijangka mendapat manfaat daripada perbelanjaan isi rumah dan aktiviti pelancongan yang berterusan. Promosi acara yang giat dilaksanakan di bawah VM2026 – 2027 serta penganjuran LIMA 2027 dan Sukan SEA ke-34 2027 dijangka menyumbang kepada peningkatan ketibaan dan perbelanjaan pelancong sekali gus menjana permintaan tambahan bagi makanan, minuman dan barangan pengguna lain. Aktiviti pembinaan yang terus berkembang khususnya projek perindustrian dan infrastruktur juga akan menyokong permintaan terhadap bahan binaan dan bahan perantaraan lain.

Sektor Pertanian

Pemulihan dalam pengeluaran

Sektor **pertanian** dijangka pulih dan mencatat pertumbuhan marginal sebanyak 0.5% pada 2027. Subsektor kelapa sawit diunjur mencatat penurunan marginal dalam hasil BTS dan pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) selaras dengan kitaran biologi hasil. Walau bagaimanapun, kualiti BTS yang lebih baik dijangka menyokong peningkatan marginal dalam kadar perahan minyak.Harga minyak sawit mentah (MSM) diunjur kekal tinggi dengan purata antara RM4,450 dan RM4,600 setan pada 2027 (2026: RM4,300 – RM4,500) meskipun pengeluaran dijangka menyusut secara marginal. Unjuran harga

ini selari dengan bekalan yang lebih terhad berikutan permintaan global yang berterusan khususnya daripada program biodiesel sekali gus mengekalkan pendapatan sektor perladangan.

Pemulihan dalam pengeluaran agro-makanan terutamanya bagi subsektor ternakan dan perikanan dijangka terus menyokong pertumbuhan yang dipacu oleh perbelanjaan isi rumah yang mampan serta permintaan berkaitan pelancongan. Usaha untuk memperluas penanaman padi dan menambah baik sistem pengairan di samping peningkatan penggunaan teknologi pertanian dijangka menyokong pengeluaran dan produktiviti makanan. Subsektor getah pula dijangka pulih didorong oleh pemulihan semula kawasan matang pokok getah yang tidak ditoreh serta pengukuhan inisiatif penanaman getah oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, tahap pemulihan pengeluaran hasil merentas subsektor lain dijangka kekal stabil bergantung kepada keadaan cuaca dan kos input.

Sektor Perlombongan dan Pengkuarian

Mengekalkan pertumbuhan melalui pembangunan medan baharu

Sektor **perlombongan dan pengkuarian** diunjur berkembang sebanyak 1.2% pada 2027 disokong oleh subsektor gas asli serta minyak mentah dan kondensat. Jangkaan pengoperasian PFLNG3 di Sipitang, Sabah serta peningkatan pengeluaran secara berperingkat bagi projek Rosmari dan Marjoram di Sarawak akan menyokong pengeluaran gas asli di samping permintaan berterusan daripada pasaran penjanaan elektrik domestik dan eksport LNG.

Hasil pengeluaran tambahan daripada medan baharu yang mula beroperasi di bawah projek Kasawari Fasa 2 (Luar Pesisir Sarawak) termasuk projek Berantai East dan Irong Timur dijangka dapat mengimbangi sebahagian daripada penurunan pengeluaran minyak mentah dan kondensat di medan Gumusut-Kakap dan Malikai. Usaha pembangunan semula aset sedia ada yang berterusan dan mempercepat kadar pemerolehan sumber akan memberikan sokongan tambahan kepada pengeluaran minyak mentah dan kondensat. Dari segi harga, purata minyak mentah Brent dijangka berada pada USD85 setong dengan andaian pertumbuhan permintaan minyak yang sederhana susulan peningkatan penggunaan xEV, bahan api bio dan kecekapan tenaga.

Sektor Pembinaan

Projek dalam perancangan mengekalkan pertumbuhan

Sektor **pembinaan** diunjur berkembang sebanyak 5.7% pada 2027 didorong oleh aktiviti berterusan merentas semua subsektor. Pertumbuhan sektor ini dijangka kekal dipacu oleh subsektor bangunan bukan kediaman dan aktiviti pembinaan khas. Pembangunan pusat data baharu di Selangor, Johor dan Negeri Sembilan akan terus mengekalkan pengembangan subsektor bangunan bukan kediaman. Kemajuan pembangunan tersebut serta projek bangunan dan infrastruktur lain dijangka mewujudkan permintaan bagi kerja mekanikal, elektrik dan pemasangan paip sekali gus menyokong pertumbuhan subsektor aktiviti pembinaan khas.

Prestasi subsektor kejuruteraan awam akan dipacu oleh projek infrastruktur utama seperti jajaran Gombak-Pelabuhan Klang bagi Laluan Rel Pantai Timur (ECRL Fasa 2), sistem Transit Rapid Autonomi Bertingkat (E-ART), Lebuhraya Penyuraian Trafik Utara Kuala Lumpur (KL NODE), LRT3 Fasa 2 dan Projek Penyuraian Trafik Juru-Sungai Dua. Selain itu, subsektor bangunan kediaman dijangka mendapat manfaat daripada pelaksanaan langkah di bawah Dasar Perumahan Negara 2026 – 2035 yang bertujuan meningkatkan kemampuan pemilikan rumah di samping menangani isu berpanjangan bagi projek perumahan tertangguh dan terbengkalai.

Permintaan Domestik

Permintaan domestik terus memacu pertumbuhan

Pada 2027, **permintaan domestik** diunjur berkembang sebanyak 5.1% dipacu oleh pertumbuhan berterusan perbelanjaan sektor swasta pada kadar 5.3%. Aktiviti penggunaan dan pelaburan yang berdaya tahan dijangka kekal menyokong sumbangan sektor swasta kepada pertumbuhan KDNK sebanyak 4.1 ppt. Sementara itu, perbelanjaan awam dijangka berkembang sebanyak 4.2% dengan sumbangan sebanyak 0.8 ppt kepada pertumbuhan keseluruhan.

Penggunaan swasta diunjur berkembang sebanyak 4.8% pada 2027 disokong oleh aktiviti ekonomi domestik yang mampan serta prospek guna tenaga yang menggalakkan. Sementara itu, aktiviti berkaitan pelancongan termasuk VM2026 – 2027 serta acara utama seperti LIMA 2027 dan Sukan SEA ke-34 dijangka memberikan suntikan tambahan kepada perbelanjaan pengguna.

Pelaburan swasta diunjur berkembang sebanyak 7.1% pada 2027 disokong oleh perbelanjaan modal yang berterusan khususnya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan berintensifkan teknologi. Bidang pelaburan merangkumi pusat data berskala hiper dan infrastruktur AI, semikonduktor termaju serta aktiviti kimia dan petrokimia. Walaupun aktiviti pelaburan kekal rancak, namun pertumbuhan pelaburan swasta dijangka menyederhana berikutan pertumbuhan tinggi yang dicatat pada tahun sebelumnya. Pelaksanaan projek berbilang tahun yang sedang berjalan akan terus menyokong momentum pelaburan. Selain itu, penerimagunaan teknologi termaju dan digitalisasi yang meluas dijangka menyokong peningkatan produktiviti serta mempertingkatkan kapasiti pengeluaran. Persekitaran dasar juga akan kekal menyokong dengan pelaksanaan dasar nasional yang menyasarkan sektor berimpak tinggi serta pelaksanaan NIF yang berasaskan outcome dengan mengutamakan kualiti pelaburan berbanding jumlah kelulusan sekali gus menyumbang kepada aktiviti pelaburan swasta yang berterusan.

Penggunaan awam diunjur meningkat sebanyak 3.2% pada 2027. Pertumbuhan akan disokong oleh perbelanjaan emolumen serta perkhidmatan dan bekalan. Akta Perolehan Kerajaan 2026 [Akta 882] yang dijangka berkuat kuasa pada 2027 akan memperkukuh usaha ini melalui pemerkasaan tatakelola, peningkatan ketelusan dan penerapan prinsip nilai untuk wang dalam perolehan seterusnya mengurangkan risiko kebocoran, pembaziran dan penyalahgunaan dalam tatakelola dana awam. Secara keseluruhan, langkah tersebut dijangka menyokong penyampaian perkhidmatan awam yang cekap sekali gus mengekalkan disiplin fiskal dan memastikan perbelanjaan awam berhemat.

SISIPAN 3.3

Memperkukuh Momentum Malaysia Menerusi GEAR-uP

Pada 2024, Kementerian Kewangan (MoF) telah melaksanakan Program Pengaktifan dan Reformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP) bagi memperkukuh pelaburan strategik, inovasi dan rangkuman sosial dalam menyokong agenda pembangunan ekonomi negara. Program ini menggembleng enam syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) bersama syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di bawah pemilikan

entiti tersebut. Inisiatif di bawah GLIC tersebut sejajar dengan dua tonggak Ekonomi MADANI iaitu Menaikkan Siling potensi negara dan Menaikkan Lantai taraf hidup rakyat. Enam GLIC ini secara kolektif menguruskan aset bernilai RM2.2 trilion yang melebihi KDNK Malaysia pada 2025.

Di bawah GEAR-uP, GLIC telah memberikan komitmen sebanyak RM120 bilion dalam pelaburan langsung domestik (DDI) bagi tempoh 2024 hingga 2028 di samping RM440 bilion pelaburan pasaran awam sedia ada yang telah disalurkan dalam ekonomi. Pada 2025, GLIC memperuntukkan dan menyalurkan RM20.3 bilion di dalam negara. Walaupun di bawah sasaran RM25 bilion yang diumumkan dalam Belanjawan 2025, namun jumlah ini merupakan peningkatan tiga kali ganda berbanding RM6.6 bilion yang diperuntukkan dan disalurkan pada 2024 dengan momentum berterusan sehingga suku pertama 2026. Modal jangka masa panjang ini bertujuan menarik pelaburan swasta dan membina asas produktif yang mampan.

Pada 2025, program ini diperluas kepada GLC di bawah milikan GLIC yang meluaskan penyelarasan daripada peruntukan modal kepada syarikat pelaksana operasi. Gabungan skala ini menyediakan asas pelaksanaan yang kukuh dengan 37 GLC menyokong 40,126 vendor dalam rantaian bekalan. Secara keseluruhan, GLIC dan GLC telah menggaji 206,987 pekerja warganegara Malaysia sekali gus menjadi penanda aras kepada sektor korporat yang lebih luas. Sumbangan GEAR-uP pada 2025 adalah seperti dalam Rajah 3.3.1.

RAJAH 3.3.1. *Sumbangan GEAR-uP pada 2025*



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Menaikkan Siling: Melangkaui Modal kepada Keupayaan

Tonggak Menaikkan Siling bertujuan meningkatkan keupayaan Malaysia membina dan menghasilkan produk sekali gus memperluas kapasiti ekonomi yang lebih produktif bagi tahun mendatang. Agenda ini akan dipacu oleh GLIC dan GLC melalui pelaburan dalam tiga tema utama iaitu memacu kompleksiti ekonomi, memperkukuh ekosistem perniagaan segenap peringkat dan memangkin agenda utama negara.

Memacu kompleksiti ekonomi

Malaysia menguasai sekitar 13% bahagian pasaran global bagi pengujian dan pembungkusan semikonduktor. Tumpuan kini diberikan kepada peralihan ke segmen rantaian nilai bermargin lebih tinggi. Menerusi inisiatif ini, GLIC melabur RM1.4 bilion dalam ekosistem semikonduktor dan RM1.8 bilion dalam infrastruktur digital dan logistik pada 2025.

Terdapat beberapa sorotan utama dalam ekosistem ini yang dipacu GEAR-uP, antaranya SkyeChip, sebuah syarikat reka bentuk litar bersepadu (IC) berpangkalan di Pulau Pinang yang tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 20 Mei 2026 berikutan sokongan peringkat awal daripada

Dana Impak Khazanah. Penawaran tersebut meraih hasil kasar berjumlah RM352 juta dan lebihan langganan 95.03 kali dengan GLIC melanggan 15.5% sebagai pelabur utama serta lebih 60% daripada hasil diperuntukkan untuk R&D harta intelek silikon. Pemindahan teknologi turut berkembang atas asas yang sama. Pelaburan Khazanah pada 2024 dalam syarikat kecerdasan buatan (AI) edge iaitu Syntiant telah menjadi tonggak kepada peluasan operasi syarikat ini di Pulau Pinang dengan kampus baharu seluas 220,000 kaki persegi. Peluasan ini membolehkan pemindahan pemprosesan sistem mikro-elektro-mekanikal (MEMS) yang kompleks dan kejuruteraan AI ke dalam negara sekali gus mewujudkan 200 jawatan berkemahiran tinggi daripada 800 peluang pekerjaan baharu.

Memperkukuh ekosistem perniagaan segenap peringkat

Program GEAR-uP turut menyumbang kepada pembinaan keupayaan perniagaan merentas segenap peringkat bermula dengan agensi Kerajaan termasuk Cradle Fund, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan VentureTech yang menyokong syarikat pada peringkat permulaan. Jelawang Capital (Khazanah) dan Dana Perintis (KWAP) menerajui fasa modal teroka dengan menyalurkan sebanyak RM588 juta kepada syarikat pemula dalam sektor pengguna, digital, teknologi pertanian dan teknologi pendidikan pada 2025. Seterusnya, Dana Impak (Khazanah) dan Dana Pemacu (KWAP) menyediakan modal pertumbuhan kepada firma yang bersedia untuk berkembang sebelum GLIC mengambil pegangan utama pada peringkat penyenaraian manakala Ekuinas terus memperkukuh pemilikan Bumiputera sepanjang proses tersebut.

Dari 2022 hingga Jun 2026, lebih 130 syarikat pemula Malaysia telah disokong menerusi 11 dana teroka rakan kongsi dengan hampir 30 daripadanya dimiliki Bumiputera seperti dalam Rajah 3.3.2. Syarikat yang disokong termasuk Aonic iaitu syarikat teknologi dron yang kini memberikan perkhidmatan di 15 negara dengan pelanggan dalam kalangan petani melaporkan peningkatan pendapatan sehingga 50%. Selain itu, pengurus dana antarabangsa termasuk AppWorks dan Antler telah menempatkan operasi di Malaysia bagi menyokong penyaluran modal tersebut.

RAJAH 3.3.2. *Ekosistem Modal Teroka dan Syarikat Pemula Malaysia*



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Walaupun syarikat peringkat pertengahan (MTC) menyumbang 36% daripada KDNK dan menggaji 16% daripada tenaga kerja, namun kebanyakan MTC berdepan kekangan modal, keupayaan dan akses pasaran ketika bersedia memperluas skala operasi. Kekangan ini ditangani oleh GLIC menerusi laluan berperingkat bagi membolehkan syarikat beralih daripada satu peringkat pertumbuhan ke peringkat seterusnya dengan sokongan institusi yang berterusan. Dana Pemacu (KWAP) memperuntukkan dan menyalurkan sebanyak RM1.2 bilion menerusi 12 pengurus dana pada 2025 dengan setiap satu digandingkan bersama rakan kongsi antarabangsa di bawah model pelaburan bersama. Pelaburan tersebut merangkumi RM254 juta menerusi Seraya Partners dalam Empyrion Digital iaitu pusat data AI berskala hiper di Johor dengan pemulaan operasi disasarkan pada November 2026; RM51 juta menerusi Mekar Capital dan Navis Capital dalam syarikat nutraseutikal tempatan; serta RM210 juta menerusi Foster Capital dan Castleforge bagi fasa pertama kuarters pekerja berpusat di Lembah Klang yang menyediakan 9,000 katil. Selain itu, pembangunan kapasiti disediakan menerusi Program MTC Growth Innovation (MGIP) dan Program ELEVATE 2.0 bersama Capital Markets Malaysia yang menyasarkan sehingga 100 syarikat peringkat pertengahan.

Memangkin agenda utama negara

Portfolio 37 GLC diuruskan oleh GLIC secara aktif dengan sasaran pulangan pemegang saham tahunan 7.5% bagi tempoh 2024 hingga 2028 berpotensi menjana nilai sehingga RM100 bilion. Prestasi ini melepasi jangkaan dengan GLIC mencatat pulangan pemegang saham 8% bagi keseluruhan tahun 2025. Memandangkan GLC mewakili sekitar 27% daripada permodalan pasaran di Pasaran Utama Bursa Malaysia, keuntungan ini disalurkan semula kepada ahli KWSP, KWAP, PNB dan Tabung Haji sekali gus meningkatkan simpanan rakyat Malaysia.

Pengawasan ini bersandarkan sasaran jelas yang ditanda aras dengan syarikat terbaik dalam sektor berkaitan yang merangkumi pulangan atas ekuiti 10.3%, keuntungan bersih RM50 bilion, margin EBITDA 23% dan nisbah pembayaran dividen 55% menjelang 2028 seperti dalam Rajah 3.3.3. Selain sasaran tersebut, GLIC menetapkan penanda aras kepada sektor korporat yang lebih luas dari segi pendedahan maklumat dan disiplin penjanaan nilai jangka masa panjang. Di bawah Pelan Induk Pasaran Modal 2026 – 2030, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Bursa Malaysia memperkenalkan MY Value Up pada April 2026 yang menyarankan 88 syarikat tersenarai terbesar yang mewakili sekitar 80% daripada nilai pasaran untuk menzahirkan pelan penjanaan nilai syarikat.

RAJAH 3.3.3. *Pengawasan GLIC terhadap Portfolio GLIC*



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Sejajar dengan mandat untuk menjana pulangan mampan, GLIC dan GLC menyalurkan modal jangka masa panjang dalam sektor asas keutamaan negara. Tumpuan telah diberikan bagi memajukan sektor yang dikenal pasti dengan memanfaatkan kekuatan GLC untuk memenuhi keperluan industri berkaitan.

Bagi sektor penjagaan kesihatan, penswastaan Apex Healthcare bernilai RM1.9 bilion telah menjadi penswastaan farmaseutikal terbesar negara setakat ini yang membentuk platform pembuatan dan pengedaran bersepadu. Pharmaniaga yang disokong secara strategik oleh LTAT telah mewujudkan segmen pembuatan insulin dan vaksin milik tempatan dengan keupayaan 25 juta dos vaksin dan 30 juta kartrij insulin setahun di samping kontrak bekalan tiga tahun bernilai RM281.7 juta dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Penekanan telah diberikan kepada pemodenan dan peningkatan median gaji bagi memartabatkan sektor pertanian. Sebagai contoh, program Mekanisasi, Automasi dan Digitalisasi (MAD) di bawah SD Guthrie telah menggunakan 950 jentera sejak 2021 dan mewujudkan 514 pakar jentera tempatan dengan median gaji bulanan RM3,115 iaitu melebihi penanda aras gaji kehidupan wajar RM3,100 (KWSP, 2025). Bagi sektor tenaga pula, Tenaga Nasional Berhad (TNB) sedang melaksanakan pelaburan grid bernilai RM42.8 bilion bagi tempoh 2025 hingga 2027 iaitu yang terbesar dalam sejarah dengan RM12 bilion telah dilaburkan pada 2025. Pelaburan tersebut akan menyokong sasaran 10 GW kapasiti tenaga boleh baharu menjelang 2030.

Bagi memperkukuh jaringan negara, konsortium yang diterajui Khazanah dan KWSP telah memberikan komitmen RM11 bilion dalam tempoh lima tahun untuk menaik taraf lapangan terbang dan infrastruktur logistik. Berasaskan jumlah penumpang tahunan yang mencecah 104.5 juta pada 2025, penyaluran modal ini akan memacu peluasan kapasiti utama di KLIA, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu selain hab logistik seperti Aeropark Logistik Antarabangsa Pulau Pinang. Pelaburan dalam infrastruktur digital pula merangkumi koridor di Pulau Pinang, Pelabuhan Klang dan Iskandar Malaysia termasuk pelaburan KWAP yang bernilai RM319 juta dalam pusat data Google di Puncak Alam serta komitmen RM550 juta oleh KWSP dan LTAT kepada Dana New Economy Venture Sime Darby. Sehingga Mac 2026, Malaysia telah memperoleh 59 projek pusat data dan berskala hiper dengan 36 daripadanya telah beroperasi.

Selain memacu kompleksiti ekonomi, program GEAR-uP turut merangkumi pemuliharaan warisan negara. Warisan KL yang dilancarkan pada April 2025 telah diterajui oleh Khazanah, PNB Merdeka Ventures, institusi awam dan agensi kerajaan bagi memulihara warisan binaan ibu kota. Warisan KL diunjurkan menjana nilai ekonomi sebanyak RM7.9 bilion dan menarik lebih 9.1 juta pelawat menjelang 2035. Bangunan Sultan Abdul Samad dan bangunan Pejabat Pos Besar lama yang telah dipulihara oleh Khazanah telah dibuka semula pada awal 2026 dan mencatat purata kunjungan harian seramai 5,000 orang. Seri Negara yang menjadi tempat termeterainya Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perjanjian Kemerdekaan 1957 telah dibuka semula pada Disember 2025 manakala Carcosa sedang dipulihara sebagai hotel eko-santuari. PNB Merdeka Ventures mengambil alih Stadium Merdeka yang dipulihara kepada kapasiti asal 20,000 tempat duduk iaitu projek yang diiktiraf menerusi Anugerah UNESCO Asia Pasifik manakala Muzium Tekstil Merdeka dilancarkan pada Ogos 2026.

Menaikkan Lantai: Memastikan Kehidupan Berkualiti dan Saksama untuk Semua

Tonggak Menaikkan Lantai bertujuan memastikan manfaat pertumbuhan dirasai oleh seluruh rakyat yang bukan sahaja diukur berdasarkan kekayaan yang dijana oleh sesebuah ekonomi tetapi sejauh mana kekayaan itu diagihkan secara saksama. Sehubungan dengan itu, GLIC dan GLC berada pada kedudukan terbaik untuk mengangkat taraf hidup rakyat menerusi kejayaan mewujudkan sekitar 207,000 pekerja tetap warganegara Malaysia, lebih 40,000 vendor serta keberadaan di setiap negeri. Ikhtiar ini dilaksanakan menerusi tiga tema iaitu mempersiap tenaga kerja mendepani masa hadapan, memperkukuh kelangsungan hidup dan kesejahteraan komuniti serta memperjuangkan pelaksanaan gaji kehidupan wajar.

Mempersiap tenaga kerja mendepani masa hadapan

Pada suku kedua 2026, sekitar 35% rakyat Malaysia berpendidikan tinggi bekerja di bawah tahap kelayakan (DOSM, 2026) manakala sektor strategik seperti tenaga, digital dan pembuatan termaju melaporkan kekurangan tenaga kerja berkelayakan. Bagi tempoh 2020 hingga 2025, GLIC dan GLC menaja purata 7,526 penerima biasiswa setahun dengan 88% dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah hingga sederhana iaitu melepasi aspirasi Belanjawan 2025 yang menyasarkan sekurang-kurangnya separuh daripada biasiswa diperuntukkan kepada keluarga tersebut.

Bagi meningkatkan kebolehpasaran belia, program K-Youth Khazanah telah melatih 35,000 belia sejak 2023 dan menempatkan 9,934 peserta pada 2025 dengan majikan termasuk Infineon, Intel, Onsemi, SkyeChip dan Vitrox. Pada masa yang sama, program PROTEGE-Ready to Work TNB telah melatih 7,216 belia Malaysia sejak dilancarkan pada 2011 dengan 559 daripadanya diambil bekerja di TNB. Pada Jun 2026, usaha tersebut diselaraskan di bawah BAKAT MADANI iaitu platform bakat kebangsaan yang menyatukan PETRONAS, enam GLIC dan GLC di bawah entiti tersebut yang menyediakan laluan bersepadu bermula daripada pendidikan dan latihan kepada pensijilan dan penempatan dengan sasaran 25,000 rakyat Malaysia menjelang akhir 2027.

Memperkukuh kelangsungan hidup dan kesejahteraan komuniti


Sebanyak RM641 juta telah disalurkan oleh GLIC dan GLC bagi pelaburan komuniti pada 2025 iaitu peningkatan sebanyak 20% berbanding RM534 juta pada 2024 kepada lebih 775 program yang memberikan manfaat kepada melebihi 5.1 juta penerima. Sumbangan terkumpul bagi tempoh 2021 hingga 2025 adalah berjumlah RM2.6 bilion. Geran Padanan Impak Sosial Kementerian Kewangan menggandakan setiap ringgit sumbangan yayasan untuk kegunaan komuniti manakala program Sekolah Angkat dan Santuni MADANI telah menjangkau 399 komuniti. Sementara itu, platform filantropi kolaboratif GLIC dan GLC iaitu GLC Demi Rakyat dan Negara (GDRN) telah menggembleng sumber ahli bagi tindak balas bencana dengan menyalurkan RM22.4 juta bantuan kemanusiaan dan memberikan manfaat kepada 580,426 penerima di seluruh negara sepanjang musim tengkujuh 2025 dan 2026.

Memperjuangkan pelaksanaan gaji kehidupan wajar

Berikutan komitmen bersama enam GLIC pada Mei 2025, seramai 189,817 daripada 206,987 (91.7%) pekerja tetap warganegara Malaysia dalam ekosistem GLIC dan GLC telah menerima gaji kehidupan wajar sekurang-kurangnya RM3,100 sebulan sehingga Disember 2025. Angka ini disemak oleh GLIC dan GLC setiap tiga tahun berdasarkan kos sara hidup yang diterbitkan dalam laporan Belanjawanku

KWSP. Sehingga Julai 2026, 25 entiti daripada enam GLIC dan 37 GLC telah memastikan semua pekerja tetap warganegara Malaysia menerima gaji kehidupan wajar. Rajah 3.3.4 memaparkan kemajuan inisiatif gaji kehidupan wajar.

RAJAH 3.3.4. *Kemajuan Inisiatif Gaji Kehidupan Wajar*



1. GLIC dan GLC mengemaskini penanda aras gaji kehidupan wajar setiap tiga tahun mengikut kadar kos sara hidup daripada laporan Belanjawanku terbitan KWSP

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Tinjauan

Sebahagian besar daripada komitmen RM120 bilion akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun akan datang. Dari segi kompleksiti ekonomi, ekosistem semikonduktor terus diperluas menerusi kohort SemiconStart Malaysia dan pengukuhan dana rentas sempadan bermula 2025 manakala kapasiti skala hiper dan logistik terus berkembang. Pusat data Google di Selangor menambah 320 MW kapasiti serta 26,500 peluang pekerjaan sepanjang 2026 dan 2027 di samping pembangunan berfasa Empyrion Digital di Johor.

Dari aspek perusahaan dan pasaran modal, dana GLIC termasuk Dana Impak, Dana Perintis, Dana Pemacu dan Ekuinas terus membimbing syarikat daripada peringkat modal teroka ke peringkat pertumbuhan dengan Dana Ciptawan Khazanah yang dirancang bakal menambah RM200 juta lagi untuk perusahaan Bumiputera dan syarikat peringkat pertengahan Malaysia yang lain. Menjelang 2028, GLC kekal berada di landasan untuk menambah nilai pasaran sebanyak RM100 bilion dengan MY Value Up kini meluaskan disiplin yang sama kepada 88 syarikat tersenarai terbesar Malaysia.

Dari perspektif keutamaan negara, pelaburan grid TNB yang diteruskan di bawah Tempoh Kawal Selia 4 meningkat daripada RM12 bilion pada 2025 kepada RM15 bilion pada 2027 sejajar dengan usaha negara merealisasikan sasaran 70% tenaga boleh baharu dalam kapasiti terpasang menjelang 2050. Selain itu, MAHB meneruskan program menaik taraf lima tahun bernilai RM11 bilion dengan rancangan kapasiti KLIA menyasarkan lebih daripada 100 juta penumpang setahun manakala kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bakal digandakan daripada 6.5 juta penumpang. Secara keseluruhan, usaha memperluas platform bakat seperti BAKAT MADANI kepada 25,000 rakyat

Malaysia dan memperkukuh komitmen gaji kehidupan wajar merentas ekosistem turut memastikan program GEAR-uP mencapai kompleksiti ekonomi yang diterjemahkan secara langsung kepada peningkatan taraf hidup rakyat.

Kesimpulan

Berpandukan kerangka Ekonomi MADANI, inisiatif GEAR-uP berjaya membina ekonomi yang menaikkan siling pertumbuhan dan lantai kesejahteraan sosial negara secara serentak. Dengan menterjemah penyaluran modal strategik kepada keupayaan negara yang berkekalan, inisiatif ini memupuk ekosistem yang mendalam dan berdaya saing yang melahirkan syarikat tempatan sebagai juara pasaran, memperkukuh rantaian bekalan domestik serta mempercepat pewujudan pekerjaan bernilai tinggi. Kejayaan ekonomi yang sebenar bukan hanya melangkaui usaha menarik pelaburan besar tetapi juga diukur berdasarkan impak modal tersebut yang berterusan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat demi membina Malaysia yang teguh dan berdaya tahan.

Pelaburan awam diunjur berkembang sebanyak 6.8% pada 2027 didorong oleh perbelanjaan pembangunan bersasar dan pelaburan yang berterusan. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan akan terus mengutamakan projek berpaksikan rakyat dalam menaik taraf infrastruktur kritikal terutamanya penjagaan kesihatan dan pendidikan. Sementara itu, perbelanjaan modal oleh NFPC dijangka terus tertumpu kepada sektor strategik termasuk tenaga, utiliti dan pengangkutan yang diperkukuh oleh komitmen bersasar syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) di bawah inisiatif Program Pengaktifan dan Reformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP). Aktiviti pelaburan juga akan disokong oleh pelaksanaan berterusan projek berimpak tinggi termasuk LRT Laluan Mutiara Pulau Pinang, ECRL Fasa 2, SSLR, Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan naik taraf Landasan Berkembar Lembah Klang Fasa 2 (KVDT2). Pelaburan tersebut dijangka memperkukuh ketersambungan nasional, menambah baik penyampaian perkhidmatan awam, memperluas keupayaan pengeluaran ekonomi serta menyokong pertumbuhan mampan dan menyeluruh.

Pertumbuhan PNK pada harga semasa diunjur sebanyak 6.2% pada 2027 dipacu oleh aktiviti domestik yang berkembang. Sementara itu, TNK diunjur mencapai 24% daripada PNK dan jumlah pelaburan dijangka merekodkan 22.2%. **Jurang tabungan-pelaburan** dijangka mencatat lebihan RM41.8 bilion atau 1.9% daripada PNK sekali gus membolehkan sebahagian besar pelaburan dibiayai daripada sumber dalam negara.

Pendapatan

Keperluan pertumbuhan gaji lebih tinggi bagi meningkatkan bahagian pendapatan

Trajektori pertumbuhan **PP** diunjur kekal stabil pada kadar 6.8% pada 2027. Peningkatan gaji yang berterusan akan dipacu oleh pembaharuan institusi dan kawal selia pasaran buruh, perluasan rangka kerja penetapan gaji berasaskan produktiviti serta inisiatif penyelarasan antara penawaran dan permintaan buruh yang lebih baik. Selain itu, semakan berkala rangka kerja gaji kehidupan wajar di bawah GEAR-uP yang bertujuan mengurangkan tekanan kos sara hidup dalam kalangan pekerja GLIC dan GLC dijangka dapat menjana limpahan positif tahap gaji serta turut mendorong sektor swasta menawarkan gaji yang lebih tinggi kepada pekerja. Dari sudut permintaan, VM2026 – 2027 juga dijangka terus memacu momentum pertumbuhan industri berkaitan pelancongan khususnya perdagangan runcit, makanan dan minuman, penginapan, penyimpanan dan pengangkutan serta aktiviti perkhidmatan sokongan sekali gus memperluas peluang pekerjaan dan prospek pendapatan. Perkembangan tersebut dapat

menyokong peningkatan bahagian pendapatan buruh kepada 34.2% sekali gus meletakkan Malaysia kekal pada landasan untuk mencapai sasaran jangka masa panjang PP sebanyak 40% daripada KDNK pada 2030.

Pertumbuhan **LKK** pula diunjur meningkat sebanyak 5.2% dan menyumbang 62.1% bahagian daripada KDNK pada 2027. Integrasi strategik Malaysia dalam rantaian nilai global disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan, pelaburan berterusan dalam infrastruktur digital dan permintaan kukuh terhadap E&E yang dipacu AI dijangka mendorong pertumbuhan pendapatan perniagaan. Walau bagaimanapun, margin keuntungan korporat bagi sektor berorientasikan eksport tertentu mungkin berdepan tekanan susulan peningkatan kos input domestik, ketidaktentuan keadaan perdagangan global dan ketegangan geopolitik Asia Barat. Sementara itu, pendapatan campuran dijangka meningkat sebanyak 8.4% dan menyumbang 16.3% daripada KDNK. Peningkatan ini akan disokong oleh pembaharuan institusi di bawah Akta 872 yang menyediakan rangka kerja pampasan yang adil, perjanjian perkhidmatan yang telus serta perlindungan sosial mandatori bagi individu bekerja sendiri berasaskan platform dan bukan berasaskan platform. Usaha mempercepat pemformalan pekerjaan gig menerusi rangka kerja perundangan ini dijangka dapat meningkatkan daya tahan pasaran buruh serta memperkukuh pekerjaan sendiri sebagai sumber pendapatan isi rumah utama yang berdaya maju.

Pendapatan daripada **cukai tolak subsidi** ke atas pengeluaran dan import dijangka meningkat sebanyak 16.5% didorong oleh usaha berterusan untuk menambah baik pematuhan percukaian serta memperketat penguatkuasaan bagi mencapai matlamat disiplin fiskal yang tegas. Sementara itu, perbelanjaan bagi subsidi dan insentif dijangka berkurang sebanyak 7.5% selaras dengan komitmen Kerajaan untuk terus melaksanakan penyasaran subsidi bagi mengurangkan ketirisan fiskal. Justeru, bahagian pendapatan daripada cukai bersih ke atas pengeluaran dan import diunjur menyumbang 3.8% daripada KDNK pada 2027.

Sektor Luar Negeri

Prospek berdaya tahan dan kukuh

Eksport kasar pada 2027 diunjur meningkat sebanyak 3% didorong oleh permintaan yang menggalakkan terhadap barangan pembuatan, barangan perlombongan dan barangan pertanian. Eksport barangan pembuatan dijangka berkembang sebanyak 2.6% berikutan prestasi stabil dalam industri E&E terutamanya semikonduktor yang disokong oleh permintaan berterusan terhadap produk berkaitan AI. World Semiconductor Trade Statistics mengunjurkan jualan semikonduktor global meningkat sebanyak 27% pada 2027 disumbangkan oleh aktiviti berkaitan teknologi yang lebih tinggi serta peningkatan permintaan terhadap produk E&E daripada rakan dagang utama. Prestasi kukuh ini sejajar dengan perdagangan global yang lebih teguh dan pertumbuhan ekonomi rakan dagang utama seperti diunjur oleh IMF pada Julai 2026. Justeru, Malaysia dijangka meraih manfaat daripada prospek positif yang ditunjukkan melalui permintaan lebih tinggi bagi produk E&E dan produk bukan E&E.

Selain itu, eksport barangan perlombongan dijangka berkembang sebanyak 8.3% berikutan eksport yang mampan bagi LNG, petroleum mentah serta bijih logam dan serpihan logam. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan lebih kukuh daripada rakan dagang utama berikutan kepelbagaian dan perluasan pasaran. Eksport barangan pertanian juga diunjur meningkat sebanyak 4.8% didorong oleh eksport minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit yang lebih tinggi susulan peningkatan volum eksport dan harga komoditi yang menggalakkan.

Import kasar diunjur berkembang sebanyak 3.5% dipacu oleh import barangan perantaraan, barangan modal dan barangan penggunaan

yang lebih tinggi. Import barangan perantaraan dijangka meningkat sebanyak 3.4% berikutan prospek optimistik dalam sektor pembuatan. Sehubungan dengan itu, import barangan modal diunjur berkembang sebanyak 3.9% berikutan pelaburan lebih kukuh dalam aktiviti berkaitan perkhidmatan, pengembangan sektor pembuatan dan naik taraf infrastruktur teknologi. Import barangan penggunaan dijangka meningkat sebanyak 3.1% antaranya disumbangkan oleh platform pembelian dalam talian yang rancak dan berdaya saing.

Akaun semasa imbangan pembayaran diunjur meningkat dengan lebihan sebanyak RM41.8 bilion atau 1.9% daripada PNK pada 2027. Peningkatan ini disumbangkan oleh baki positif dalam akaun barangan dan akaun perkhidmatan serta defisit lebih kecil dalam akaun pendapatan sekunder meskipun aliran keluar bersih lebih tinggi dalam akaun pendapatan primer. Lebihan dalam akaun barangan dijangka berkurang kepada RM130.6 bilion disebabkan oleh pertumbuhan import yang mengatasi eksport. Import dijangka lebih tinggi terutamanya dalam sektor penjagaan kesihatan dan pendidikan serta projek infrastruktur ke arah pelaksanaan projek berpaksikan rakyat.

Sementara itu, akaun perkhidmatan dijangka mencatat aliran masuk bersih yang besar sebanyak RM17.8 bilion disumbangkan oleh peningkatan lebihan dalam akaun perjalanan dan pengurangan defisit dalam akaun perkhidmatan lain meskipun aliran keluar bersih lebih besar dalam akaun pengangkutan. Akaun perjalanan diunjur meningkat dan mencatat lebihan sebanyak RM61.3 billion didorong oleh aktiviti pelancongan yang rancak. Terimaan dalam akaun perjalanan diunjur meningkat berikutan VM2026 – 2027, LIMA 2027 dan Sukan SEA ke-34 yang dijangka menarik lebih ramai ketibaan pelancong antarabangsa dan menggalakkan perbelanjaan per kapita pelancong yang tinggi. Walau bagaimanapun, bayaran dalam akaun perjalanan dijangka meningkat berikutan perbelanjaan residen yang lebih tinggi di luar negeri bagi aktiviti perjalanan perniagaan, pendidikan dan keagamaan.

Akaun perkhidmatan lain dijangka mencatat defisit lebih kecil iaitu RM14.1 bilion disokong oleh terimaan lebih tinggi daripada aktiviti berkaitan pusat data dan pengkomputeran awan. Realisasi pelaburan dalam pusat data dan penerimagunaan digitalisasi yang rancak dijangka ditunjukkan melalui terimaan lebih tinggi dalam perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat. Selain itu, aliran masuk bersih dalam perkhidmatan pembuatan bagi input fizikal dimiliki pihak lain dijangka meningkat berikutan prospek menggalakkan dalam industri E&E. Walau bagaimanapun, defisit dalam akaun pengangkutan dijangka berkembang kepada RM29.4 bilion disebabkan oleh kebergantungan berterusan terhadap penyedia pengangkutan asing sejajar dengan aktiviti perdagangan yang mampan.

Akaun pendapatan primer diunjur mencatat aliran keluar bersih lebih besar iaitu sebanyak RM94.7 bilion disebabkan oleh peningkatan defisit dalam pendapatan pelaburan dan pampasan pekerja. Akaun pendapatan pelaburan dijangka mencatat aliran keluar bersih lebih tinggi susulan peningkatan penghantaran pulang keuntungan dan dividen oleh pelabur asing di Malaysia. Defisit dalam akaun pampasan pekerja juga dijangka meningkat disebabkan oleh penyertaan profesional asing yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, aliran keluar bersih dalam akaun pendapatan sekunder diunjur mengecil kepada RM12 bilion disumbangkan oleh kiriman wang masuk lebih tinggi oleh rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri.

Harga

Inflasi dijangka kekal terkawal di sebalik peningkatan kos

Inflasi keseluruhan diunjur berada dalam julat 1.8% hingga 2.8% pada 2027 mencerminkan kesan lanjutan serta pemindahan kenaikan kos

tenaga, makanan dan input lain yang berlaku dengan sela masa. Inflasi dijangka lebih tinggi pada awal tahun 2027 sebelum menyederhana apabila kesan kenaikan kos terdahulu semakin berkurangan dan kos pada peringkat huluan beransur-ansur kembali normal. Tekanan harga domestik kekal terkawal dengan aktiviti ekonomi dijangka tidak mencetuskan tekanan inflasi akibat tarikan permintaan. Walau bagaimanapun, kategori berkaitan perkhidmatan termasuk makanan di luar rumah, perkhidmatan berkaitan perumahan dan penjagaan diri kekal sebagai sumber utama tekanan harga asas.

Risiko terhadap inflasi cenderung meningkat. Ketegangan geopolitik kembali memuncak, gangguan berpanjangan terhadap bekalan tenaga dan rantaian bekalan, kenaikan kos pengangkutan barang dan baja serta kejutan bekalan makanan akibat faktor cuaca boleh menjurus kepada inflasi yang lebih tinggi dan berpanjangan. Pelarasan lanjut terhadap harga barang kawalan, tarif utiliti atau mekanisme subsidi juga boleh mempengaruhi trajektori inflasi. Sebaliknya, inflasi akan berada di bawah unjuran senario asas jika harga minyak mentah dan makanan global kembali normal dengan lebih cepat, ringgit mengukuh serta permintaan domestik menyederhana.

Pasaran Buruh

Pasaran buruh kekal berdaya tahan

Pasaran buruh dijangka kekal berdaya tahan pada 2027 disokong oleh permintaan domestik yang kukuh meskipun berdepan dengan cabaran geopolitik dan perdagangan yang berterusan. Pembaharuan struktural dari sudut penawaran di bawah kerangka Ekonomi MADANI seperti pengukuhan struktur gaji, peluasan perlindungan sosial dan penambahbaikan persekitaran tempat kerja dijangka mendorong peningkatan penyertaan tenaga buruh. Dari sudut permintaan, pelaksanaan bersasar pelan induk nasional termasuk Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030 (RMK13), NSS dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dijangka mempercepat pewujudan peluang pekerjaan. Sehubungan dengan itu, **kadar pengangguran** dijangka kekal rendah 3% pada 2027. Jumlah **guna tenaga** pula diunjur meningkat sebanyak 2% kepada 17.2 juta orang dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan terus menyumbang lebih daripada 80% peluang pekerjaan.

Pekerja asing berkemahiran rendah dijangka terus berkurang pada 2027 selaras dengan mandat RMK13 untuk mengehadkan siling pekerja asing supaya tidak melebihi 10% daripada jumlah guna tenaga pada 2030. Sebaliknya, guna tenaga **ekspatriat** dijangka meningkat sedikit berikutan permintaan terhadap bakat berkemahiran khusus merentas industri yang mempunyai pertumbuhan dan nilai yang tinggi (HGHV) seperti kejuruteraan termaju, teknologi digital dan pekerjaan berkaitan tenaga hijau. Penekanan yang lebih akan diberikan kepada usaha meningkatkan produktiviti bagi mengurangkan kebergantungan berlebihan kepada pekerja migran melalui penerimagunaan teknologi secara lebih meluas dan beralih ke arah pendalaman modal bagi industri berintensifkan buruh khususnya automasi dan pendigitalan. Usaha tersebut juga akan dilengkapi dengan pelaksanaan struktur levi yang lebih tinggi serta peluasan pembangunan bakat melalui program TVET dan peningkatan kemahiran bagi memperkukuh kapasiti teknikal tempatan.

Produktiviti buruh diunjur meningkat sebanyak 3.7% kepada RM112,098 pada 2027 terutamanya didorong oleh momentum produktiviti yang mampan dalam sektor perkhidmatan, khususnya industri berkaitan pelancongan susulan VM2026 – 2027.

Peningkatan produktiviti jangka masa panjang akan terus diperkukuh melalui penaiktarafan industri, kecekapan sumber dan peningkatan kemahiran tenaga kerja. Selain itu, langkah menginstitusikan struktur gaji berteraskan produktiviti melalui inisiatif seperti PROSHARE[5] akan membantu menjajarkan pertumbuhan gaji sebenar dengan pertumbuhan output sekali gus meningkatkan penciptaan nilai ekonomi dan menyokong peningkatan bahagian PP daripada KDNK dalam jangka masa panjang.

Kesimpulan

Asas ekonomi Malaysia yang teguh menjadi benteng ampuh dalam mendepani kejutan global sekali gus meletakkan negara pada landasan tepat untuk mengekalkan momentum pertumbuhan. Permintaan domestik kekal sebagai pemacu utama didorong oleh pasaran tenaga kerja yang kukuh serta penggunaan swasta yang rancak. Sementara itu, aktiviti pelaburan dijangka terus berkembang disokong oleh projek diluluskan yang sedang dilaksanakan. Pada masa yang sama, prestasi perdagangan kekal berdaya tahan bagi memanfaatkan kemajuan teknologi berterusan. Sektor perkhidmatan terus disokong oleh peningkatan ketersambungan perjalanan antarabangsa dan aktiviti pelancongan yang rancak bersempena dengan VM2026 – 2027. Segmen E&E dalam sektor pembuatan pula akan mendapat manfaat daripada permintaan global yang tinggi terhadap semikonduktor, AI dan teknologi digital. Pelaksanaan pembaharuan struktural serta inisiatif pembangunan nasional di bawah kerangka Ekonomi MADANI dijangka memperkukuh kapasiti produktif, meningkatkan daya saing secara keseluruhan, memastikan pertumbuhan ekonomi yang bermakna serta menjana kemakmuran yang lebih besar demi rakyat.

[5] PROSHARE atau Produktiviti untuk Kemakmuran Bersama merupakan inisiatif Perbadanan Produktiviti Malaysia untuk membantu firma mengukur produktiviti, mengenal pasti jurang prestasi dan melaksanakan penambahbaikan bersasar bagi menterjemahkan produktiviti kepada pertumbuhan mampan, keuntungan serta gaji yang adil.

Rujukan

Anadolu Agency. (2026, Mac 10). *Around 70% of global oil demand transported through strategic maritime chokepoints*. Energy Terminal. https://www.aa.com.tr/en/energy/general/around-70-of-global-oil-demand-transported-through-strategic-maritime-chokepoints/55347

ASEAN Secretariat. (2024). *Framework on ASEAN supply chain efficiency and resilience*. https://asean.org/book/framework-on-asean-supply-chain-efficiency-and-resilience

Bank Negara Malaysia. (2025). *Economic and monetary review 2025*. https://www.bnm.gov.my/documents/20124/21185020/emr2025_en_book.pdf

Bernama. (2026a, Mac 12). *Petronas: Malaysia has some structural resilience to external shocks.* New Straits Times. https://www.nst.com.my/business/corporate/2026/03/1395861/petronas-malaysia-has-some-structural-resilience-external-shocks

Bernama. (2026b, Ogos 5). *Govt to review import needs, formulate policies to strengthen domestic industries — Johari Ghani*. The Edge Malaysia. https://theedgemalaysia.com/node/813451

Bloomberg. (2026, April 7). *Key real-world oil price soars to highest level on record*. https://www.bloomberg.com/news/articles/2026-04-07/key-real-world-oil-price-soars-to-highest-level-on-record

Cavallo, E. A., & Daude, C. (2008). *Public investment in developing countries: A blessing or a curse?* (IDB Working Paper Series No. 533). Inter-American Development Bank. https://doi.org/10.2139/ssrn.1820935

Department of Statistics Malaysia. (2026a). *Final external trade statistics, 2026*.

Department of Statistics Malaysia. (2026b). *Monthly external trade statistics, August 2026*.

Institut Penyelidikan Khazanah. (2026). *How the Strait of Hormuz holds Malaysia's crude oil supply in its grip* (Ditulis oleh I. Salbiah & J. A. Aidonna). https://www.krinstitute.org/publications/how-the-strait-of-hormuz-holds-malaysias-crude-oil-supply-in-its-grip

International Monetary Fund. (2023). *World economic outlook, October 2023: Navigating global divergences*.

International Monetary Fund. (2024). *World economic outlook, October 2024: Policy pivots, rising threats*.

International Monetary Fund. (2025a). *Malaysia: 2025 Article IV consultation—Press release; staff report; and statement by the Executive Director for Malaysia* (IMF Country Report No. 25/112). https://doi.org/10.5089/9798229040129.002.a001

International Monetary Fund. (2025b). *World economic outlook, October 2025: Global economy in flux, prospects remain dim*.

International Monetary Fund. (2026). *World economic outlook, April 2026: Global economy in the shadow of war*.

International Monetary Fund. Jabatan Asia dan Pasifik. (2026, February 27). *Malaysia: 2025 Article IV consultation—Press release; staff report; and statement by the Executive Director for Malaysia*. https://www.elibrary.imf.org/view/journals/002/2026/055/article-A001-en.xml

Islam, A. M., & Nguyen, H. (2026). *Distributional crowding out effects of public debt on private investment in developing economies*. Journal of International Money and Finance, *164*, Article 103565. https://doi.org/10.1016/j.jimonfin.2026.103565

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023, Disember 15). *Jadual input-output Malaysia, 2021*. https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epFreeDownloadContentSearch.seam?cid=77651

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025). *Banci ekonomi 2023: Statistik pekerja dan gaji & upah*.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2026a). *Banci ekonomi 2023: Statistik pekerja dan gaji & upah*.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2026b). *Indeks pengeluaran perindustrian, Malaysia, Julai 2026*. https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epFreeDownloadContentSearch.seam?cid=76882

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2026c). *Keluaran dalam negeri kasar – Suku kedua 2026*.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2026d). *Laporan keluaran dalam negeri kasar kaedah pendapatan 2025*.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2026e). *Laporan statistik upah pekerja (sektor formal): Suku pertama 2026*. https://www.dosm.gov.my/uploads/release-content/file_20260810161242.pdf

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2026f). *Laporan survei gaji & upah 2025*.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2026g). *Laporan survei tenaga buruh 2025*.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2026h). *Monthly external trade statistics, June 2026*. https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/monthly-external-trade-statistics-june2026

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2026i). *Penerbitan indeks volum perkhidmatan – Suku kedua 2026*.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2026j). *Perangkaan tenaga buruh, Malaysia, Jun 2026*. https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/labour-force-statistics-june-2026

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2026k). *Prestasi perdagangan borong & runcit, Julai 2026*. https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/performance-of-wholesale--retail-trade-july-2026

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2026l). *Produktiviti buruh suku tahun kedua 2026*.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2026m). *Quarterly balance of payments report, second quarter 2026, Malaysia*. https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epProductCatalogForm.seam?cid=59304

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2026n). *Statistik guna tenaga suku tahun kedua 2026*.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2026o, Jun 25). *Statistik perdagangan antarabangsa dalam perkhidmatan 2025*. https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/statistics-of-international-trade-in-services-2025

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2026p, September 15). *Tourism satellite account 2025*. https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/tourism-satellite-account-2025

Kementerian Kewangan Malaysia. (2026a, Januari 5). *SARA bulanan disalurkan mulai 9 Januari 2026 dan SARA untuk Semua pada 9 Februari 2026* [Siaran media]. https://mof.gov.my/portal/ms/berita/siaran-media/sara-bulanan-disalurkan-mulai-9-januari-2026-dan-sara-untuk-semua-pada-9-februari-2026

Kementerian Kewangan Malaysia. (2026b, September 1). *Had kelayakan BUDI MADANI naik semula kepada 300 liter hari ini* [Siaran media]. https://www.mof.gov.my/portal/ms/berita/akhbar/had-kelayakan-budi-madani-naik-semula-kepada-300-liter-hari-ini

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri. (2023). *New Industrial Master Plan 2030*. https://www.nimp2030.gov.my/nimp2030/resources/NIMP_2030.pdf

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. (2020). *Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020–2030*. https://www.motac.gov.my/category/muat-turun/dasar-pelancongan-negara-dpn-2020-2030/

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. (2026). *Dasar Perumahan Negara 2026–2035*. https://www.kpkt.gov.my/kpkt/modules_resources/bookshelf/BUKU_DRN_2026-2035_VERSI_BI/index.html

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. (2025). *Belanjawanku: Panduan perbelanjaan bagi individu dan keluarga di Malaysia*.

Lekham, D. (2026, Julai 21). *MAA raises 2026 car sales forecast to 800,000 units.* New Straits Times. https://www.nst.com.my/business/corporate/2026/07/1493995/maa-raises-2026-car-sales-forecast-800000-units

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. (2020). *Herbal industry: Nutraceutical, health supplements and traditional medicines in Malaysia*. https://www.mida.gov.my/ms/herbal-industry-nutraceutical-health-supplements-and-traditional-medicines-in-malaysia/

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. (2024). *National semiconductor strategy to guide industry up value chain*. https://www.mida.gov.my/mida-news/national-semiconductor-strategy-to-guide-industry-up-value-chain/

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. (2025). *Sustainable infrastructure, local impact*. https://www.mida.gov.my/sustainable-infrastructure-local-impact/

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. (2026a). *Invest Malaysia Facilitation Centre: More than 44,000 investor cases resolved, 99.9% implementation rate within two years*. https://www.mida.gov.my/media-release/invest-malaysia-facilitation-centre-more-than-44000-investor-cases-resolved-99-9-implementation-rate-within-two-years/

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. (2026b). *Malaysia investment performance report 2025*. https://www.mida.gov.my/wp-content/uploads/2026/03/MIDA_IPR.2025.pdf

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. (2026c). *Malaysia's new incentive framework: From strategic approval to measurable outcomes*. https://www.mida.gov.my/malaysias-new-incentive-framework-from-strategic-approval-to-measurable-outcomes/

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. (2026d). *Statistik pelaburan*. https://www.mida.gov.my/ms/kenapa-malaysia/statistik-pelaburan/

Mahari, H. (2026, Mei 5). *Govt to expand Jualan Rahmah Madani to 30,000 locations nationwide.* New Straits Times. https://www.nst.com.my/news/nation/2026/05/1432760/updated-govt-expand-jualan-rahmah-madani-30000-locations-nationwide

Malaysia Digital Economy Corporation. (2026). *Malaysia as a regional digital economy gateway*. https://platform.mdec.com.my/cmscdn/v1.aspx?GUID=09cba31a-9d0c-4c7a-b8df-6644b6322278&file=KFM%20x%20MDEC_06022026.pdf

Malaysia External Trade Development Corporation. (2024). *Home – MATRADE*. https://www.matrade.gov.my/en/

Mastercard, & CrescentRating. (2026). *Global Muslim travel index 2026*. CrescentRating. https://crescentrating.com/insights/gmti?a=GMTI010&b=GMTI024

Menon, J. (2013). *Are government-linked corporations crowding out private investment in Malaysia?* (ADB Working Paper Series on Regional Economic Integration No. 112). Asian Development Bank. https://www.adb.org/publications/are-government-linked-corporations-crowding-out-private-investment-malaysia

Meza, A., Ari, I., Al Sada, M., & Koc, M. (2026). *Implications of interrupting the Hormuz Strait in the LNG*. Journal of Transportation Security, *19*(1), Article 28. https://doi.org/10.1007/s12198-026-00350-1

Organisation for Economic Co-operation and Development. (t.t.). *Tourism*. https://www.oecd.org/en/topics/policy-issues/tourism.html

Organisation for Economic Co-operation and Development. (2024). *OECD economic surveys: Malaysia 2024*. OECD Publishing. https://www.oecd.org/en/publications/oecd-economic-surveys-malaysia-2024_e45ca31a-en.html

Organisation for Economic Co-operation and Development. (2026). *OECD tourism trends and policies 2026*. https://doi.org/10.1787/3fd3cd75-en

Park, J. K., & Meng, X. (2024). *Crowding out or crowding in? Reevaluating the effect of government spending on private economic activities*. International Review of Economics & Finance, *89*, 102–117. https://doi.org/10.1016/j.iref.2023.07.099

Perbadanan Produktiviti Malaysia. (t.t.). *Program Pengukuran Produktiviti untuk Kemakmuran Bersama (PROSHARE)*. https://proshare.mpc.gov.my/

Pertubuhan Keselamatan Sosial. (t.t.). *Statistics*. Labour Market Exchange. https://lmx.perkeso.gov.my/statistics/

Petroliam Nasional Berhad. (2026, Mac 30). *PETRONAS continues close monitoring of Malaysia's fuel supply* [Siaran media]. https://www.petronas.com/media/media-releases/petronas-continues-close-monitoring-malaysias-fuel-supply

S&P Global. (2026, September 16). *Impact of super El Niño*.

Sundararajan, V., & Thakur, S. M. (1980). *Public investment, crowding out, and growth: A dynamic model applied to India and Korea*. IMF Staff Papers, *27*(4), 814–855. https://doi.org/10.5089/9781451930504.024.A006

Tan, S. M. (2026, Mac 4). *Aktiviti perjalanan Malaysia mencatat aliran masuk bersih AS$12.5 bilion pada 2025*. The Star. https://www.thestar.com.my/news/world/2026/03/04/malaysia039s-travel-activities-record-125-bln-usd-net-inflow-in-2025

Tourism Malaysia. (t.t.). *Statistik pelancongan Malaysia*. https://data.tourism.gov.my/

United Nations Conference on Trade and Development. (t.t.). *UNCTADstat data centre*. https://unctadstat.unctad.org/datacentre/

United Nations Conference on Trade and Development. (2026a). *Data centres are reshaping the global investment landscape*. https://unctad.org/news/data-centres-are-reshaping-global-investment-landscape

United Nations Conference on Trade and Development. (2026b). *Global investment trends monitor* (UNCTAD/DIAE/IA/INF/2026/1). https://unctad.org/system/files/official-document/diaeiainf2026d1_en.pdf

U.S. Energy Information Administration. (2026a, Mac 3). *Suez Canal, SUMED pipeline, and Bab el-Mandeb Strait*. World Oil Transit Chokepoints. https://www.eia.gov/international/analysis/specialtopics/

U.S. Energy Information Administration. (2026b, August 16). *Global energy security data*. Short-Term Energy Outlook. https://www.eia.gov/outlooks/steo/report/energysecurity/article.php

World Bank. (2024). *"Crowding in" effect of public investment* (Policy Research Working Paper No. 10881). https://openknowledge.worldbank.org/server/api/core/bitstreams/b15576bb-2f99-4f0d-aa2a-3ec94496e6fa/content

World Bank. (2025a). *Malaysia economic monitor, October 2025: From bytes to benefits—Digital transformation as a catalyst for public sector productivity*.

World Bank. (2025b). *Tourism for development: Lessons learned from a decade of World Bank experience*. http://hdl.handle.net/10986/44275

World Economic Forum. (2026). *Travel & Tourism Development Index 2026*. https://reports.weforum.org/docs/WEF_Travel_and_Tourism_Development_Index_2026.pdf

World Tourism Organization. (2026, September). *World tourism barometer* (Vol. 24, Issue 3). UN Tourism. https://pre-webunwto.s3.eu-west-1.amazonaws.com/s3fs-public/2026-09/World_Tourism%20Barometer_Sep26_Excerpt.pdf?VersionId=DMPxbDVq0xveTGY3n7j1cgdL_UTn28Pk